


PENGERAK PERUBAHAN CHANGEMAKER



LAPORAN TAHUNAN 2024 ANNUAL REPORT



IMBAS UNTUK BACA VERSI DIGITAL LAPORAN INI



© Akademi Sains Malaysia
Tulisan dan Rekaan oleh Akademi Sains Malaysia

Konsep Reka Bentuk Kulit Laporan



Kulit muka depan ini adalah cerminan peranan Akademi Sains Malaysia (ASM) sebagai Penggerak Perubahan dalam STIE, yang menggunakan imej tangan yang bertindih dan kepingan susun suai untuk melambangkan kecerdasan kolektif.

Rekaan ini simbol kepada etos ASM, menyatukan pakar, penggubal dasar, pemimpin industri dan komuniti bagi memacu kemajuan negara.

Visual tersebut mengetengahkan idea bahawa perubahan yang bermakna dibina secara progresif serta berganding bahu untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah masyarakat yang berteraskan pengetahuan.

Kandungan

12 Kata Pengantar
Presiden

28 Memperkasa Ilmu, Mengukuh Kerjasama &
Menyemarak Ekosistem STIE

16 Daripada
Pejabat KPE

55 Membentuk Masa Hadapan Melalui
Sempadan Baharu & Solusi Inovatif



72 Menyatukan Ilmu, Masyarakat & Masa Hadapan

84 Dalam Ingatan

92 Laporan Kewangan

114 Maklumat Lanjut



Misi Kami

Selaku Badan Pemikir STIE di peringkat nasional dan antarabangsa

Selaku Badan Penasihat bagi polisi STIE nasional dan perkara berkaitan

Selaku Rakan Strategik STIE di Malaysia dan antarabangsa

Menyokong dan menjadikan STI sebagai asas pembangunan ekonomi serta kesejahteraan masyarakat tempatan dan global

Melibatkan masyarakat melalui komunikasi STIE

Visi Kami

Badan Pemikir dalam Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) ke arah masyarakat yang progresif, harmoni, makmur, dan mampan di peringkat nasional dan antarabangsa



Matlamat Kami

Selaku Badan Pemikir bebas bagi STIE di peringkat nasional dan antarabangsa

Selaku Badan Penasihat yang dipercayai mengenai dasar STIE nasional dan perkara-perkara berkaitan

Selaku Rakan Strategik penting bagi STIE di Malaysia dan di peringkat global

Selaku penggerak yang berkesan dan menjadikan STI asas bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di peringkat tempatan dan global

Selaku komunikator STIE efektif yang menarik penglibatan orang ramai



Falsafah & Nilai Kami

Society-based/Berasaskan Masyarakat

Memposisi STIE bagi faedah masyarakat

Credible/Dipercayai

Dipercayai berkesan dan tepat

Independent/Bebas

Mengesan dan menyediakan input mengenai isu sistematik tanpa takut atau berat sebelah

Evidence-based/Berasaskan Bukti

Memastikan setiap perkara yang dilakukan akan dimaklumkan mengikut pengetahuan dan maklumat yang betul

Network-centric/Hubungan

Platform Pertemuan Ilmu Dinamik (sebagai sebuah organisasi yang menghubungkan individu bagi memanfaatkan pemegang taruh menerusi kepercayaan yang tinggi)

Transparent/Telus

Penglibatan dan proses terbuka

Impactful/Berkesan

Menggunakan cara baharu dan lebih baik untuk hasil yang lebih berkesan

Action-oriented/Berasaskan Tindakan

Mengubah inisiatif sebagai penyelesaian yang membawa kepada perubahan mampan

Strategi Kami

BEBAS

Menjadikan ASM sebagai pelopor yang berdikari dan berimpak dalam STIE

RUJUKAN

Menjadikan ASM sebagai tempat rujukan pilihan dalam semua hal STIE

BERPENGARUH

Meluaskan pengaruh ASM sebagai rakan kongsi yang dipercayai di peringkat persekutuan, negeri dan global

PEMACU

Memacu advokasi yang efektif ke arah sektor sosioekonomi yang kukuh pada masa hadapan

MAMPAN

Mendapatkan sumber yang mampan untuk organisasi progresif ke arah menyokong kepentingan negara

HIMPUNAN

Menubuhkan platform komunikasi sains dengan pihak berkepentingan yang efektif di seluruh peringkat persekutuan, negeri dan global

TANGKAS

Mempertingkatkan ketangkasan organisasi dengan mempraktikkan tadbir urus yang baik dan profesional

12 Pelan Tindakan



Memaksimumkan penglibatan pakar sepanjang perancangan STIE nasional bagi menjana idea, pemikiran dan pengetahuan



Mempergiatkan kerjasama dalam bidang strategik bersama platform akademi tempatan & serantau



Menjalankan projek demonstrasi yang boleh menterjemah idea baharu kepada tindakan dan membina kapasiti dengan rakan kongsi strategik dalam memastikan kelestarian



Menaik taraf amalan organisasi bagi mematuhi akreditasi nasional dan amalan terbaik antarabangsa



Menilai & memantau prestasi organisasi secara dalaman dan luaran untuk memenuhi hasil dan impak yang boleh diukur



Mewujudkan bersama inisiatif STIE berimpak tinggi di lokaliti untuk transformasi sektor sosioekonomi



Pemantauan
& penilaian
berterusan
ekosistem STIE
yang sistematik



Menubuhkan
mekanisme
dalam ASM
untuk menjana
pendapatan dan
memastikan
sumber yang
mampan



Menerapkan
kualiti
pengetahuan
pelbagai kepada
bakat kami
dengan memupuk
kecekapan dan
keupayaan tahap
tinggi dalam
pelbagai bidang



Meningkatkan
kecekapan &
kemahiran
bakat bagi
kesediaan masa
depan melalui
visi dengan
penyertaan
inklusif daripada
quadruple helix



Menyokong
perkembangan
kerjaya penyelidik
muda ke arah
menyemai
falsafah "*World
Class, Outstanding,
Winnable*" (WOW)



Mewujudkan
ekosistem sains
terbuka, akses
terbuka dan
inovasi terbuka
melalui platform
kerjasama bagi
rintangan inovasi

Kata Pengantar Presiden

STIE SEBAGAI PEMACU TRANSFORMASI NEGARA

Seiring dengan perubahan dunia yang semakin saling berhubung dan kompleks, cabaran baharu yang muncul telah mengurangkan keberkesanan sistem, struktur dan rangka kerja yang telah dibina untuk era terdahulu. Era pasca-normal telah mencetuskan pelbagai pengaruh yang menyebabkan ketidaktentuan yang lebih besar, dicirikan oleh kerumitan, keberantakan dan kesalingcanggahan. Inovasi yang berasaskan sains dan teknologi secara khusus, serta sistem pengetahuan secara umum, telah muncul sebagai pendorong utama landskap sosial, ekonomi dan politik yang sedang berkembang.

Struktur pemerintahan hierarki tradisional yang berasaskan kaedah perintah dan kawalan sudah tidak lagi relevan. Kejayaan akan datang daripada kolaborasi yang lebih kukuh di antara pemegang taruh, di mana setiap pihak akan mengenal pasti peranan masing-masing dalam rangkaian yang saling berkait dan sedia bekerjasama. Mengatasi cabaran nasional dengan berkesan memerlukan sistem pengetahuan bersepadu dan pendekatan seluruh negara yang mampu memanfaatkan pengetahuan dan kebijaksanaan masyarakat secara keseluruhan.

Walaupun fungsi ASM sebagai Badan Pemikir akan diteruskan, terdapat seruan mendesak untuk menjalankan peranan yang lebih berorientasikan tindakan, bagi menunjuk bagaimana nilai dapat dicipta melalui aplikasi pengetahuan baharu dengan cara terkini. Dalam memajukan agenda pembangunan negara, ASM memikul peranan sebagai Penggerak Perubahan dalam pembangunan ekosistem STIE yang mencipta nilai melalui pengintegrasian yang lancar antara R&D dengan sistem ekonomi. Laporan ini merumuskan kemajuan projek-projek dan tindakan yang utama pada tahun 2024 ketika kami memulakan perjalanan untuk menjadi sebuah badan pemikir dan pelaksana.

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc, berkongsi pandangannya semasa Mesyuarat Townhall ASM – Sesi Perbincangan bersama Felo yang pertama



Kunjungan hormat kepada Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof

Pada tahun 2024, ASM meneruskan usaha pembangunan dasar dan strateginya dengan melaksanakan kajian utama yang ditugaskan serta memberi input strategik kepada majlis nasional dan mesyuarat peringkat tertinggi. Sebanyak 11 pembentangan telah dibuat kepada majlis nasional yang memperoleh pengisian daripada pelbagai kajian strategik. Inisiatif yang paling penting ialah pembentangan kepada Jemaah Menteri yang mengetengahkan jurang serta cabaran utama dalam pembangunan ekosistem STIE negara. Ini diikuti dengan cadangan yang dibentangkan kepada Majlis Sains Negara (MSN) bagi memperkasa peranan MSN. Beberapa anjakan dasar penting telah dicadangkan dan diluluskan, termasuk penubuhan tiga entiti utama MSN yang saling melengkapi sebagai pemacu utama bertanggungjawab menyelaras dan menyusun semula kerangka tadbir urus STIE negara. MSN turut menerima pakai pendekatan berasaskan misi yang dicadangkan bagi menangani cabaran pembangunan negara secara lebih bersepadu dan selaras, menggantikan amalan semasa yang berpaksikan kepentingan sektoral, budaya kerja silo antara jabatan dan pengkhususan yang terhad. Usaha-usaha ini bertujuan menghasilkan impak transformatif terhadap masyarakat dan ekonomi dengan merombak sistem serta amalan secara menyeluruh, membentuk perubahan minda seterusnya mewujudkan kebiasaan baharu yang digerakkan oleh kepimpinan berwibawa dan tindakan kolektif semua pemegang taruh.

ASM secara konsisten telah menggesa agar Akta STI nasional diwujudkan bagi memformalkan mandat undang-undang dalam pembangunan STIE. Mengikut amalan negara-negara yang telah membangunkan ekosistem STIE yang kukuh, ASM mencadangkan agar nama akta tersebut diubah kepada Akta Pemerkasaan STI supaya lebih mudah difahami. Perubahan ini akan menjelaskan bahawa akta tersebut bertujuan untuk memudahkan cara pembangunan ekosistem STIE yang mantap, berbanding mengawal selia atau melindungi. Sebagai pelengkap kepada inisiatif pembangunan ekosistem ini, kemajuan turut dicapai dalam usaha membangunkan *Malaysia Science Endowment* (MSE) yang diterajui oleh ASM. Pada tahun 2024, enam syarikat telah menyatakan minat, di samping peningkatan libat urus dengan 30 agensi antarabangsa.


ASM sedang mempergiat usaha untuk memberikan sumbangan strategik kepada pembangunan negara melalui kerjasama dan kolaborasi. Input kritikal sedang disediakan bagi menyokong penyediaan Rancangan Malaysia Ke-13. Kajian dalam bidang reformasi pendidikan, ekonomi biru, kesihatan planet serta Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE) menyediakan asas analitikal bagi merumuskan cadangan dan saranan baharu ke arah pembangunan berasaskan inovasi. Dua kajian penting yang wajar diketengahkan di sini telah ditugaskan oleh Kementerian Ekonomi (KE). Kajian Reformasi Pendidikan Negara menyediakan analisis di peringkat makro terhadap sektor pendidikan Malaysia bagi menyokong reformasi menyeluruh berasaskan bukti. Ini membolehkan pelaburan strategik yang lebih teliti demi menghasilkan keputusan yang lebih baik dalam membangunkan bakat masa depan. Sementara itu, Pelan Tindakan Ekonomi Biru Malaysia menawarkan pelan menyeluruh dan bersepadu untuk membuka potensi nilai mampan sumber lautan negara bagi pembangunan jangka panjang negara.

Di peringkat negeri, ASM telah menyediakan penyelesaian pragmatik terhadap cabaran yang dihadapi serta membantu mempertingkatkan pelaksanaan di lapangan. Salah satunya ialah pelaksanaan *Wireless Bridging System* (WBS), satu inovasi penting bagi membolehkan capaian Internet kepada komuniti yang ketinggalan dan terbatas. WBS telah berjaya dilaksanakan di beberapa lokasi di seluruh negara, membolehkan warga yang sebelum ini tidak terhubung untuk mendapatkan akses. ASM turut bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah Program Inovasi Sosial, bersama kumpulan pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti UCSI dan pemegang taruh utama di Langkawi, untuk melaksanakan Program Pemulihan dan Pemuliharaan Gamat Emas. Pada tahun 2024, kemajuan ketara telah dicapai melalui pelepasan awal benih Gamat Emas, dengan pelepasan susulan dirancang di tapak pemulihan terpilih. *Science Outlook* 2025, kajian perdana ASM, buat pertama kalinya memfokuskan kepada pembangunan STIE di peringkat negeri dan wilayah. Kajian ini diharapkan akan menjadi rujukan utama kepada pihak pelaksana dengan menyediakan gambaran sebenar prestasi negara dalam bidang STIE bukan sahaja di peringkat nasional, tetapi di seluruh negara secara menyeluruh.

Mengembangkan jangkauan penglibatan tempatan ke antarabangsa, ASM telah melaksanakan beberapa projek sepanjang tahun 2024. Tropical Science Foundation telah menganjurkan *International Conference on Tropical Sciences* 2024 di Kuching, Sarawak, bagi memajukan bidang sains tropika, selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai hab penyelidikan tropika yang unik. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih 300 peserta dari 20 buah negara. 'Deklarasi Kuching untuk Tropika' telah dihasilkan, menegaskan keperluan mendesak untuk semua pemegang taruh supaya bekerjasama dalam melindungi kawasan tropika demi masa hadapan yang lebih lestari.



Presiden ASM mempengerusikan Dialog Polisi Pertama bertajuk *Facing a Post-Normal Era in the Tropics* sempena Persidangan Antarabangsa TropSc Kedua



Presiden ASM bersama Presiden KAST, Profesor Oon Joon Yoo, dalam sesi pemeteraian MoU antara ASM dan KAST

Di peringkat serantau, ASM telah bekerjasama dengan Jawatankuasa ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (COSTI) dalam membangunkan laporan kajian '*ASEAN Ahead: ASEAN STI Ecosystem Foresight 2035 and Beyond*'. Kajian daya jangka ini menggambarkan ASEAN sebagai kuasa besar inovasi global menjelang 2035, dipacu ketahanan yang didayakan STIE, etos berteraskan nilai serta kemakmuran bersama. Selaras dengan Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025, laporan ini membuka peluang unik untuk negara menerajui usaha memperkukuh ekosistem STIE serantau dalam kalangan negara anggota ASEAN. Melalui pendekatan berorientasikan misi ini, negara-negara ASEAN dapat memupuk visi bersama dan memperkasa kedaulatan STIE secara kolektif. Semangat kerjasama global turut diperkukuh melalui jalinan dua hala dan pelbagai hala. Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai bersama Korean Academy of Science and Technology (KAST) serta Chinese Academy of Sciences (CAS) bagi meluaskan skop keterlibatan, mempertingkatkan pertukaran ilmu dan kerjasama serta melonjakkan potensi sains dan inovasi melalui sokongan bersama.

Berikutan kejayaan awal Malaysia Open Science Alliance (MOSA) dalam mempromosi sains terbuka di negara ini, ASM telah memperluaskan konsep tersebut di peringkat serantau melalui cadangan penubuhan APEC Open Science Alliance (APECOSA). Cadangan ini telah dikemukakan pada tahun 2023, dengan tujuan menggalakkan negara-negara APEC berkongsi amalan terbaik dan pengetahuan dalam menangani cabaran serantau. Kajian landskap sedang dijalankan bagi mengenal pasti inisiatif sains terbuka dalam kalangan negara APEC dan hasil kajian ini dijadual untuk dibentangkan pada tahun 2025.

Laporan tahunan ini menonjolkan bagaimana ASM mempergiat peranannya sebagai Penggerak Perubahan dalam pembangunan STIE melalui penerapan daya jangka S&T yang teliti bagi menjangkakan masa hadapan. Ketika dunia mengalami transformasi yang bersifat revolusi, norma yang dahulunya diterima secara meluas kini semakin terhakis. Sistem manusia dalam pelbagai jenis akan diteliti semula dan diperbaharui. Secara khususnya, sistem pengetahuan termasuk sains dan teknologi serta sistem penciptaan nilai akan mengalami reformasi yang ketara. ASM memperjuangkan kepimpinan bermatlamat dalam kalangan pemegang taruh dan menggalakkan kolaborasi yang lebih erat. Tindakan kolektif dalam menangani misi negara yang dipersetujui bersama bakal memperkukuh daya tahan negara dalam menghadapi kejutan yang tidak dijangka.

Selaras dengan idea perubahan paradigma, ASM terus yakin bahawa perubahan mesti bermula dari dalam. Cara berfikir dan sikap perlu disesuaikan dengan persekitaran yang semakin berubah. Pemikiran yang tangkas dan proaktif akan membolehkan kita menerima norma baharu seterusnya membayangkan semula, mencipta semula dan mereformasi sistem yang membentuk kehidupan kita.

Saya yakin pembaca akan mengguna laporan ini sebagai panduan yang berguna untuk menghadapi dunia masa hadapan. Kami di ASM berhasrat untuk terus bekerjasama dengan semua pemegang taruh dalam membentuk dunia yang lebih selesa, harmoni dan makmur untuk diri sendiri dan seluruh insan sejagat.

Marilah bersama-sama menyumbang dalam usaha membina semula negara ke arah masa hadapan yang lebih makmur, aman dan lestari.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan dan penyokong kami, kerana tanpa sumbangan dan dukungan anda yang bernilai, kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai.



**Academician Datuk Dr Tengku
Mohd Azzman Shariffadeen FASc**



Presiden ASM bersama KPE, Puan Hazami Habib, serta Pihak Pengurusan ASM semasa Latihan Kesedaran Kendiri bersama Presiden

Dari Pejabat KPE



Pemulaan Sebuah Perjalanan

Sejak penubuhannya, ASM telah memainkan peranan penting dalam memberikan input nasihat kepada kerajaan mengenai hal-hal berkepentingan nasional, khususnya dalam bidang STIE. Perjalanan untuk merapatkan jurang antara sains dan dasar, dan dasar dengan sains, merupakan satu proses yang mencabar namun berbaloi, yang memerlukan pelbagai pengajaran, dan usaha penambahbaikan yang berterusan. Sepanjang tempoh tersebut, ASM secara konsisten telah menghasilkan pelbagai laporan dan pemantauan kami menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 80% daripada cadangan yang dikemukakan telah diterima pakai. Namun begitu, tidak semua cadangan ini telah dilaksanakan dengan berkesan atau diterjemahkan kepada tindakan yang nyata. Menyedari keperluan untuk meningkatkan impaknya, ASM telah menerima pakai hala tuju baharu menerusi Pelan Strategik 2021–2025, dengan matlamat untuk mendorong perubahan yang bermakna dan transformatif.

Keputusan Jemaah Menteri untuk melantik Presiden ASM sebagai Penasihat STI kepada YAB Perdana Menteri dan Negara pada tahun 2023 telah menjadi satu pencapaian penting, yang seterusnya memperkukuh mandat ASM dan memperluas jangkauannya merentasi ekosistem STIE. Peranan ASM sebagai Penggerak Perubahan yang berkesan semakin menyerlah pada tahun 2024, dengan pencapaian yang memberi impak di peringkat negeri. Pengurusan telah memainkan peranan penting dalam menyokong usaha Presiden ASM untuk berinteraksi dengan para pemegang taruh di pelbagai negeri. Hasilnya, enam negeri telah membuka ruang kerjasama dengan ASM bagi meneroka peluang baharu dan laluan ke arah impak yang lebih bermakna.

Beberapa kajian dan inisiatif utama telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara (PTKPN), Pelan Hala Tuju RDICE serta Kertas Posisi *Blue Economy: Unlocking the Value of the Oceans*, adalah antara usaha yang berpotensi mencetuskan perubahan transformatif dalam ekosistem STI ke arah masa hadapan yang lebih baik untuk setiap rakyat Malaysia. Di samping itu, ASM telah membentangkan empat kertas laporan kepada majlis penasihat kebangsaan, tiga di mesyuarat peringkat menteri, dan satu Nota Jemaah Menteri kepada Kabinet, sekali gus mengukuhkan peranan ASM sebagai pemangkin kepada keputusan yang berimpak.

Pada tahun 2023, ASM telah diberi kepercayaan sebagai agensi pelaksana MSE, satu inisiatif strategik yang bertujuan untuk memperluas akses kepada pembiayaan alternatif bagi aktiviti berkaitan STI. Bagi tujuan berkenaan, ASM telah melaksanakan pelbagai usaha sepanjang tahun 2024, dengan memberi tumpuan kepada pembinaan kerjasama dengan pihak industri dan rakan antarabangsa menerusi mekanisme seperti geran padanan, pembiayaan rami (*crowdfunding*), wakaf dan modal teroka. Selain itu, ASM turut membangunkan idea-idea inovatif dan mekanisme ganjaran bagi menarik sumbangan industri, yang telah dikemukakan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan (MOF) dan agensi kerajaan yang berkaitan. Matlamat kami adalah untuk memperoleh sejumlah besar rakan industri yang komited menjelang pelancaran MSE.



Kami terus memupuk kerjasama yang bermakna dengan pemegang taruh antarabangsa, sekali gus memperkukuh kehadiran kami di peringkat global. Pada tahun ini, ASM telah memeterai MoU dengan dua akademi ternama, KAST dan CAS. Perjanjian ini mengukuhkan matlamat dan komitmen untuk mempererat kerjasama demi kebaikan dan kemajuan sains. Selain itu, bengkel mengenai diagnostik dan terapeutik yang dianjurkan oleh ASM dengan kerjasama Academy of Medical Sciences UK (AMS) telah menerima penyertaan yang menggalakkan, mencerminkan minat dan penglibatan yang semakin meningkat dalam bidang penting ini.

Di peringkat negeri dan wilayah, Felo ASM menerusi ASM *Chapters* memainkan peranan utama dalam menyelaras dan menghimpunkan pakar di kawasan masing-masing untuk melaksanakan program yang memberi impak dan manfaat kepada komuniti yang mereka wakili. Dengan sokongan kukuh serta penglibatan aktif daripada para pemegang taruh tempatan, ASM *Chapters* telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif bermakna dalam pembudayaan dan promosi STEM yang melibatkan pelajar, guru dan masyarakat.




Pemudah Cara, Pelaksana

Tidak seperti badan berkanun yang lain, ASM kekal progresif melalui kerjasama antara dua kumpulan yang berbeza dengan kepentingan yang sama iaitu, Jaringan Pakar dan Pihak Pengurusan. Jaringan Pakar, menerusi jawatankuasa kerja khusus dan perbincangan mendalam, menyumbang input nasihat yang amat berharga serta pandangan. Sementara itu, Pihak Pengurusan memastikan pelaksanaan yang lancar bagi program, aktiviti dan tadbir urus ASM. Pihak Pengurusan turut menterjemah pengetahuan, teori dan idea yang dibangunkan oleh Jaringan Pakar kepada strategi yang boleh dilaksanakan serta hasil yang boleh dinilai.

Pihak Pengurusan juga menjalankan pengumpulan dan analisis data yang menyeluruh, merangkumi teladan (*hindsight*) dan daya jangka (*foresight*). Pendekatan holistik ini melengkapkan Jaringan Pakar dengan pandangan kritikal yang membolehkan mereka merumuskan cadangan yang bermaklumat, berimpak dan berpandangan jauh.

Berperanan sebagai jambatan penting antara Jaringan Pakar ASM dan pembuat dasar, Pihak Pengurusan menjalankan komunikasi yang berkesan bagi memastikan keselarasan dengan matlamat nasional semasa dan keperluan masa hadapan. Ini termasuk rundingan dan kerjasama yang meluas dengan pemegang taruh di pelbagai peringkat bagi memahami cabaran dan ekosistem semasa. Menerusi usaha ini, Pihak Pengurusan memastikan bahawa cadangan ASM adalah berimpak, praktikal dan diterima baik oleh pemegang taruh, sekali gus membuahkan pelaksanaan yang berjaya dan hasil yang bermakna.

Peningkatan Jaringan Pakar ASM, terutamanya para Felo, telah meningkatkan keupayaan ASM untuk menjalankan pelbagai kajian dan inisiatif secara serentak, sekali gus memberi sumbangan yang berimpak. Menjelang akhir tahun 2024, ASM telah bekerjasama dengan 14 kementerian, mengukuhkan kedudukannya sebagai Peneraju Pemikir negara dalam bidang STIE. Seiring dengan itu, permintaan terhadap sokongan daripada Pengurusan turut meningkat secara mendadak.




Menguruskan sebuah organisasi yang sentiasa menongkah arus, menerajui idea baharu, menetapkan trend dan bertindak sebagai pemangkin perubahan adalah tugas yang amat mencabar. Ia memerlukan pasukan pengurusan yang memiliki kemahiran luar biasa dan keupayaan untuk berinteraksi secara yakin dengan para pakar terbaik negara, serta bekerjasama rapat untuk menggerakkan agenda nasional ke hadapan. Kecemerlangan berterusan ASM dibina atas sinergi harmoni antara kepakaran akademik, praktikaliti pekerjaan, serta kemahiran interpersonal yang dinamik dalam rangka pengurusan.

Pihak Pengurusan amat menghargai pertukaran ilmu dan input Jaringan Pakar. Namun begitu, Pihak Pengurusan juga perlu mengimbangi peluang pembangunan dengan keperluan mendesak, jangkaan tinggi dan kadar kekurangan bakat yang tinggi. Ketahanan dan keyakinan bakat muda kadangkala tidak mencukupi, manakala kakitangan yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi menanggung tanggungjawab besar untuk mengekalkan ilmu dan memacu objektif ASM. Bagi menjamin kesinambungan dan kejayaan jangka panjang, ASM perlu memberi keutamaan kepada usaha mengekalkan warga kerja yang berbakat. Dengan penuh optimisme, saya percaya tahun hadapan bakal membuka lebih banyak ruang untuk kemajuan dan pencapaian bagi ASM.

Penghargaan

Tahun 2024 telah menguji dan memberikan pelbagai pengajaran yang amat bernilai. Namun akhirnya, ASM telah berjaya menempuh tahun ini dengan ketabahan, semangat dan komitmen. Kami memperoleh pencapaian penting setiap tahun berpandukan tujuan dan falsafah.

Segala kejayaan ini dipacu dengan kepimpinan Majlis ASM, terutamanya EXCO, sokongan rakan kementerian serta sumbangan Jaringan Pakar ASM. Penglibatan mereka dalam pelbagai inisiatif ASM telah membantu kami menunaikan peranan sebagai Peneraju Pemikir STIE negara. Saya juga amat menghargai dedikasi pasukan Pengurusan ASM terhadap visi dan misi ASM, yang menjadi kunci utama kejayaan kita bersama.



Hazami Habib



KPE ASM bersama Presiden semasa Majlis Peluncuran Transformasi Sektor Air 2024

Tadbir Urus Korporat

Di ASM, kami komited untuk mengekalkan standard tadbir urus korporat yang tinggi melalui ketelusan dan akauntabiliti sambil memupuk budaya integriti dan profesionalisme. ASM berhasrat untuk menjadi sebuah organisasi yang mengintegrasikan manusia dan teknologi sebagai sebuah sistem yang bersatu dengan mengiktiraf keperluan daya tahan organisasi dalam persekitaran yang dinamik masa kini. Bahagian ini memberikan gambaran keseluruhan tentang bagaimana ASM melaksanakan mandatnya dengan cekap.

Majlis ASM

ASM ditubuhkan di bawah Akta Akademi Sains Malaysia 1994 dan ditadbir oleh Majlis ASM. Majlis bertanggungjawab menetapkan dasar dan hala tuju strategik ASM, menyelia pelaksanaan 14 fungsi utamanya, dan mengurus hal ehwal ASM. Selain itu, Majlis memastikan bahawa ASM mengekalkan kebebasan dan kredibilitinya dalam memperjuangkan isu STI yang berkepentingan nasional dan antarabangsa, serta mentadbir Kumpulan Wang ASM.

Komposisi dan Pemilihan Majlis ASM

Majlis ASM terdiri daripada Felo-felo ASM. Keahlian Majlis merangkumi Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat dan 12 Ahli Majlis Biasa. Presiden dilantik daripada kalangan Felo untuk tempoh tiga tahun oleh SPB Yang di-Pertuan Agong atas cadangan MOSTI. Presiden layak untuk dilantik semula bagi penggal kedua dengan syarat calon itu tidak memegang jawatan Presiden selama enam tahun berturut-turut.

Selain Presiden, ahli Majlis yang lain dicalonkan oleh Felo daripada kalangan Felo. Setiap tahun, Felo memilih ahli Majlis yang akan datang dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ASM. Felo yang dipilih untuk jawatan Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat dan 12 Ahli Majlis Biasa layak memegang jawatan tersebut selama dua tahun. Mereka layak untuk dicalonkan semula bagi jawatan yang sama pada akhir penggal mereka, dengan syarat individu tersebut tidak memegang jawatan yang sama selama empat tahun berturut-turut.

Setiap tahun, beberapa jawatan dalam barisan Majlis akan menjadi kosong dan ahli baharu akan dipilih untuk mengisi jawatan tersebut semasa AGM. Pertukaran antara ahli Majlis membolehkan Felo mengambil bahagian dalam tadbir urus ASM di samping memastikan kelestarian dan kesinambungan dasar ASM.

Ahli Majlis

Presiden

1. Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc

Naib Presiden

2. Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc

Setiausaha Agung

3. Profesor ChM Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc

Bendahari Kehormat

4. Academician Emeritus Profesor Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc

Ahli

5. Profesor Dr Ahmad Ismail FASc
6. Ir Ts Choo Kok Beng FASc
7. Datuk Fadilah Baharin FASc
8. Profesor Dato' Dr Jafri Malin Abdullah FASc
9. Profesor Dr Kurunathan Ratnavelu FASc
10. Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc
11. Dr Mohamad Kamal Hj Harun FASc
12. Emeritus Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc
13. Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc
14. Profesor Dr Rofina Yasmin Othman FASc
15. Profesor Dr Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin FASc
16. Dr Zainal Ariffin Ahmad FASc



Konflik Kepentingan

Ahli Majlis bertanggungjawab untuk mengisytiharkan sebarang penglibatan mereka secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana perkara yang dibentangkan kepada Majlis. Sekiranya konflik kepentingan diisytiharkan, ahli tersebut dikehendaki untuk meninggalkan mesyuarat ketika agenda tersebut dibincangkan dan tidak terlibat dalam proses membuat keputusan. Pendedahan ini serta ketiadaan ahli tersebut akan direkodkan dalam minit mesyuarat.

Peranan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE)

Peranan dan tanggungjawab Presiden dan KPE adalah jelas serta berbeza. Presiden berperanan sebagai peneraju ASM yang memimpin Majlis ASM dalam merangka hala tuju, dasar, prinsip, pendirian dan aktiviti organisasi. Dalam kapasiti ini, Presiden juga mengetuai perbincangan berkenaan semua perkara yang dibentangkan kepada Majlis. Presiden, bersama-sama dengan ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO), memastikan keputusan yang dibuat oleh Majlis dapat diterjemahkan kepada langkah pelaksanaan dan inisiatif eksekutif.

Berdasarkan Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 22 Jun 2022, Kerajaan Malaysia telah melantik Presiden ASM sebagai Penasihat STI kepada Perdana Menteri dan Negara. Majlis telah bersetuju agar ASM memberikan sokongan dan pemudahcaraan kepada Presiden dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Penasihat STI. Selaras dengan tanggungjawab tambahan tersebut, Majlis juga bersetuju untuk memberi imbuhan kepada Presiden. Justeru itu, Presiden diberikan honorarium bulanan bagi melaksanakan fungsi beliau sebagai Penasihat STI, manakala jawatan Presiden ASM kekal bersifat *pro bono*.

Manakala KPE merupakan pegawai pengawal utama ASM yang bertanggungjawab menerajui Pengurusan ASM dan menyelia hal ehwal pentadbiran keseluruhan. Peranan KPE termasuk merangka strategi serta menterjemahkan keputusan Majlis kepada tindakan selanjutnya berdasarkan strategi, dasar dan prosedur ASM sedia ada. Di peringkat operasi, KPE melapor kepada pengurusan tertinggi kementerian dan menghadiri mesyuarat di peringkat kementerian sebagai wakil ASM. KPE dilantik oleh Majlis dan merupakan penjawat awam yang bergaji di bawah ASM.

Mesyuarat Majlis dan Kehadiran Ahli

Mesyuarat Majlis ASM dipengerusikan oleh Presiden. Mesyuarat ini membincangkan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan, perbincangan serta pemakluman. Laporan-laporan berikut dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis ASM:

- (i) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif
- (ii) Laporan Jawatankuasa Kewangan
- (iii) Laporan Jawatankuasa Penasihat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STIPAC)
- (iv) Laporan Jawatankuasa Keahlian
- (v) Laporan Jawatankuasa Penerbitan
- (vi) Laporan Jawatankuasa Antarabangsa
- (vii) Laporan Jawatankuasa Audit
- (viii) Laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ASM dan Kementerian

Selain laporan yang dinyatakan di atas, Pengurusan ASM turut membentangkan cadangan bagi program atau kajian baharu untuk kelulusan Majlis, serta memberikan kemas kini berkenaan kemajuan program atau kajian yang sedang berjalan. Pada tahun 2024, Majlis telah bersidang sebanyak lima kali. Tarikh-tarikh mesyuarat adalah seperti berikut:

Mesyuarat ke-158	8 Februari 2024	Hibrid
Mesyuarat ke-159	4 April 2024	Hibrid
Mesyuarat Khas	23 April 2024	Hibrid
Mesyuarat ke-160	12 Ogos 2024	Hibrid
Mesyuarat ke-161	12 Disember 2024	Fizikal

Berikut adalah rekod kehadiran ahli Majlis bagi mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 2024:

Jawatan	Nama	Penggal	Kehadiran
Presiden	Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2026	5/5 (100%)
Naib Presiden	Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc	Penggal Pertama: 2020 - 2022 Penggal Kedua: 2022 - 2024	3/3 (100%)
	Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc	Penggal Pertama: 2024 - 2026	2/2 (100%)
Setiausaha Agung	Profesor ChM Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2025	5/5 (100%)
Bendahari Kehormat	Academician Emeritus Profesor Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc	Penggal Pertama: 2021 - 2023 Penggal Pertama: 2023 - 2025	3/5 (60%)
Ahli	Profesor Dr Ahmad Ismail FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2025	3/5 (60%)
	Ir Ts Choo Kok Beng FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2025	2/2 (100%)
	Datuk Fadilah Baharin FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2025	4/5 (80%)
	Profesor Dato' Dr Jafri Malin Abdullah FASc	Penggal Pertama: 2021 - 2023 Penggal Kedua: 2023 - 2025	5/5 (100%)
	Profesor Dr Kurunathan Ratnavelu FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2025	3/5 (60%)
	Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc	Penggal Pertama: 2021 - 2023 Penggal Kedua: 2023 - 2025	4/5 (80%)
	Dr Mohamad Kamal Hj Harun FASc	Penggal Pertama: 2021 - 2023 Penggal Kedua: 2023 - 2025	4/5 (80%)
	Emeritus Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc	Penggal Pertama: 2024 - 2026	2/2 (100%)
	Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc	Penggal Pertama: 2024 - 2026	1/2 (50%)
	Profesor Dr Rofina Yasmin Othman FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2025	3/5 (60%)
	Profesor Dr Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin FASc	Penggal Pertama: 2024 - 2026	2/2 (100%)
	Dr Zainal Ariffin Ahmad FASc	Penggal Pertama: 2024 - 2025 (dilantik oleh Majlis apabila berlaku kekosongan sementara)	2/2 (100%)
	Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc	Penggal Pertama: 2023 - 2025	3/3 (100%)
	Dato' Seri Ir Dr Zaini Ujang FASc	Penggal Pertama: 2022 - 2024	1/3 (33%)
	Profesor Dato' Dr Ahmad Ibrahim FASc	Penggal Pertama: 2020 - 2022 Penggal Kedua: 2022 - 2024	2/3 (67%)
	Profesor Dr Yvonne Lim Ai Lian FASc	Penggal Pertama: 2020 - 2022 Penggal Kedua: 2022 - 2024	3/3 (100%)
	Profesor Dato' Ir Dr Mohd Saleh Jaafar FASc	Penggal Pertama: 2022 - 2024	1/3 (33%)

Ahli Majlis tidak menerima sebarang imbuhan; namun begitu, mereka layak menerima elaun mesyuarat atas kehadiran mereka. Presiden, sebagai Pengerusi, menerima RM750 bagi setiap mesyuarat, manakala ahli lain dibayar RM500 bagi setiap mesyuarat.

Ketersediaan Maklumat

Ahli Majlis diberikan akses dalam talian kepada dokumen mesyuarat sekurang-kurangnya dua hari sebelum mesyuarat diadakan. Setiap ahli dikehendaki menelaah dokumen dan agenda yang disediakan sebelum mesyuarat untuk perbincangan yang berkesan. Dokumen Mesyuarat Majlis mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- Minit mesyuarat yang lalu;
- Laporan Jawatankuasa yang memerlukan kelulusan Majlis; dan
- Laporan program dan kajian ASM.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-29 telah diadakan secara hibrid pada 22 Jun 2024 dan dihadiri oleh 208 Felo. Mesyuarat tersebut telah mengesahkan minit AGM ke-28 dan meluluskan Penyata Kewangan bagi tahun 2023 serta Laporan Tahunan ASM 2023 untuk dibentangkan di Parlimen. Laporan Tahunan 2023 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 12 Disember 2024 dan Dewan Negara pada 16 Disember 2024. Di samping itu, terdapat 31 Felo baharu yang telah dilantik pada AGM ke-29 bagi tahun 2024, menjadikan 509 orang jumlah keseluruhan Felo.

Felo Baharu (mengikut susunan abjad)

Sains Kimia

Profesor Dr Habibah A Wahab FASc

Sains Kejuruteraan

Profesor Ir Dr Chai Siang Piao FASc

Profesor Dr Hazizan Md Akil FASc

Profesor Ir Dr Hazlie Mokhlis FASc

Profesor Ir Dr Kaharudin Dimyati FASc

Profesor Ir Dr Khairul Salleh Mohamed Sahari FASc

Profesor Ir Ts Dr Mohd Rizal Arshad FASc

Ir Ts Dr Nordin Ramli FASc

Profesor Dato' Ir Ts Dr Othman A Karim FASc

Profesor Ir Ts Dr Sharifah Rafidah Wan Alwi FASc

Profesor Dr Wong Shaw Voon FASc

Teknologi Maklumat dan Sains Komputer

Profesor Ts Dr Norita Md Norwawi FASc

Profesor Ir Dr Sim Kok Swee FASc

Matematik, Fizik dan Sains Bumi

Profesor Dr Mohd Rafie Johan FASc

Profesor Ts Dr Muhammad Hisyam Lee FASc

Profesor Dr Wan Haliza Abd Majid FASc

Sains Perubatan dan Kesihatan

Profesor Dr Nortina Shahrizaila FASc

Profesor Dr Poh Bee Koon FASc

Profesor Dr Tilakavati Karupaiah FASc

Profesor Dr Woo Yin Ling FASc

Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri

Encik Chan Pak Kuen FASc

Profesor Ir Ts Dr Khalina Abdan FASc

Dato' Ng Tong Se FASc

Ir Dr Selamat Aliman FASc

Dr Supramaniam Shanmugam FASc

Sains Sosial dan Kemanusiaan

Profesor Dr Azmawani Abd Rahman FASc

Emeritus Profesor Dato' Dr Noraini Idris FASc

Profesor Kanan Dr P'ng Tean Hwa FASc

Profesor Ts Dr Shahrina Md Nordin ACM FASc

Profesor Dr Stefanie Shamila Pillai FASc

Dr Sumit Mandal FASc

Pada AGM ke-29, terdapat lima kekosongan termasuk satu jawatan Naib Presiden dan empat jawatan ahli Majlis. Felo berikut telah dipilih sebagai ahli Majlis bagi penggal 2024–2026:

1. Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc sebagai Naib Presiden
2. Ir Ts Choo Kok Beng FASc sebagai ahli;
3. Emeritus Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc sebagai ahli;
4. Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc sebagai ahli; dan
5. Professor Dr Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin FASc sebagai ahli

Jawatankuasa ASM

Majlis ASM menubuhkan pelbagai jawatankuasa dan mendelegasikan tanggungjawabnya kepada jawatankuasa-jawatankuasa ini bagi memastikan kelancaran operasi ASM. Oleh itu, Majlis mempunyai kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa dan melantik pengerusinya. Majlis juga menyemak prestasi jawatankuasa-jawatankuasa ini secara berkala dan menamatkannya setelah tugas selesai dilaksanakan.

Bagi menyokong program dan kajian yang dijalankan, Majlis turut menubuhkan jawatankuasa kerja, badan bertindak dan *Special Interest Group* (SIG). Jawatankuasa ini lazimnya terdiri daripada ahli Jaringan Pakar ASM, khususnya Felo ASM dan pakar luar. Pada tahun 2024, ASM telah menubuhkan 47 jawatankuasa dan 29 pasukan petugas, serta menamatkan 8 jawatankuasa.

Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif ASM (EXCO) bertanggungjawab memantau dan menyelia urusan ASM serta menyokong pelaksanaan fungsi ASM. EXCO dirujuk oleh pihak Pengurusan ASM untuk mendapatkan kelulusan segera dan nasihat berkenaan pengurusan operasi harian. Jawatankuasa ini meneliti dan menyemak cadangan program serta draf dasar ASM sebelum dibentangkan kepada Majlis ASM untuk kelulusan.

EXCO, yang terdiri daripada Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Kehormat, bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun dan dipengerusikan oleh Presiden. EXCO ASM telah mengadakan lima mesyuarat pada tahun 2024:

Mesyuarat EXCO ke-81	18 Januari 2024	Fizikal
Mesyuarat EXCO ke-82	21 Mac 2024	Hibrid
Mesyuarat EXCO ke-83	23 Mei 2024	Fizikal
Mesyuarat Khas EXCO	2 Julai 2024	Dalam Talian
Mesyuarat EXCO ke-84	15 Julai 2024	Fizikal

Jawatankuasa Kewangan

Jawatankuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan prosedur, sistem dan pelaporan kewangan berkaitan pengurusan kewangan ASM.

Fungsi Jawatankuasa Kewangan merangkumi:

- Menyusun dan mengawal kewangan ASM;
- Meneliti dan mengesahkan anggaran belanjawan tahunan ASM untuk mendapatkan kelulusan Majlis;
- Menyemak dan mengesahkan Penyata Kewangan Tahunan ASM untuk kelulusan Majlis;
- Memberi nasihat berkaitan pelaburan;
- Menilai laporan prestasi pelaburan dana ASM;
- Meluluskan dasar berkaitan kewangan dan akaun serta mengesyorkan penerimaan pekeliling kerajaan sekiranya relevan kepada ASM; dan
- Meluluskan pelupusan aset ASM dan penghapusan hutang.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Bendahari Kehormat dan dianggotai oleh sekurang-kurangnya enam orang ahli Felo. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya enam kali setahun dan telah mengadakan lapan mesyuarat pada tahun 2024.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit ditubuhkan bagi menambah baik kawalan dalaman dan mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan serta tadbir urus ASM. Pengerusi Jawatankuasa Audit dilantik oleh Majlis ASM. Jawatankuasa ini dianggotai oleh empat ahli dan bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menetapkan aktiviti audit tahunan yang merangkumi piagam audit serta menjalankan kajian terhadap kapasiti dan keberkesanan kawalan dalaman ASM. Sebarang penyelewengan yang dikenal pasti semasa pemantauan akan segera dilaporkan kepada Majlis ASM untuk tindakan sewajarnya. Walau bagaimanapun, operasi jawatankuasa ini, termasuk mesyuarat yang dijadualkan, digantung buat sementara waktu sehingga kekosongan jawatan juruaudit dalaman diisi.

Jawatankuasa Keahlian

Jawatankuasa Keahlian dipengerusikan oleh Naib Presiden dan dianggotai oleh 18 orang ahli, termasuk Setiausaha Agung serta pengerusi kumpulan disiplin. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menjaga kualiti keahlian ASM, selain mencadangkan dasar, prosedur dan strategi untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran yang sesuai dalam kalangan ahli bagi menyokong keperluan ASM. Jawatankuasa ini juga menyelia proses pemilihan Felo baharu dan pelantikan *Associates* serta mencadangkan calon yang disenarai pendek kepada Majlis. Selain itu, ia turut menguruskan hal-hal berkaitan urusan keahlian. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun dan telah mengadakan tiga mesyuarat pada tahun 2024.

Jawatankuasa Penasihat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi

Jawatankuasa Penasihat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STIPAC) menyelaraskan, menyatukan dan menilai cadangan kajian atau laporan yang disediakan oleh jawatankuasa kajian. Sebagai jawatankuasa pemantau, STIPAC memastikan semua syor yang dikemukakan oleh ASM menerusi pelbagai laporan, semakan dan cadangan kajian adalah sejajar dengan kepentingan negara. Semua kertas cadangan atau laporan kajian perlu mendapat kelulusan STIPAC sebelum diserahkan kepada kementerian berkaitan.

Mesyuarat STIPAC yang dipengerusikan oleh Presiden diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Pada tahun 2024, STIPAC telah bersidang sebanyak tujuh kali. Jawatankuasa ini mempunyai 29 orang ahli, termasuk pengerusi atau wakil daripada lapan Kumpulan Disiplin serta beberapa jawatankuasa lain yang strategik dan relevan.

Jawatankuasa Penerbitan

Jawatankuasa Penerbitan, yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung, menyelia pengurusan penerbitan ASM, termasuk buku, buku saintifik, modul rujukan, biografi, jurnal dan kandungan digital seperti e-estidotmy. Jawatankuasa ini disokong oleh Ketua Editor ASM *Science Journal*, Ketua Editor e-estidotmy, serta Pengerusi Ganti Kumpulan Disiplin sebagai ahli.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menggubal dasar penerbitan dan menyelia aspek pengurusan serta rancangan penerbitan tahunan. Ia turut menumpukan perhatian kepada jualan, pengedaran dan pemasaran penerbitan ASM. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun dan telah mengadakan satu mesyuarat pada tahun 2024.

Jaringan Pakar ASM

ASM memanfaatkan kepakaran dalam jaringan pakar bagi melaksanakan peranan dan fungsinya. Penganugerahan Felo dan pengiktirafan penerima *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) bagi tahun 2024 akan dilaksanakan pada tahun 2025 untuk menganugerahkan 31 Felo baharu dan memberi pengiktirafan kepada 25 saintis penyelidik sebagai penerima TRSM 2024.

Sehubungan itu, menjelang akhir tahun, ASM mempunyai seramai 1,024 orang pakar yang terdiri daripada 505 Felo, 178 penerima TRSM, 299 ahli *Young Scientists Network* (YSN-ASM), 30 *Associates* dan 12 Penerima Anugerah Sains Mahathir.

Warga ASM

Pengurusan ASM diketuai oleh KPE dan disokong oleh tiga Ketua Pegawai yang bertanggungjawab menyelaraskan, memantau, merancang, melaksanakan dan mengurus operasi ASM. Struktur pengurusan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi (1%), Kumpulan Pengurusan dan Profesional (70%) dan Kumpulan Sokongan (29%). Pasukan pengurusan terdiri daripada penjawat awam yang dilantik dan dibayar gaji oleh ASM.


Sebanyak 9% daripada kakitangan ASM adalah lantikan tetap manakala 91% adalah di bawah skim *Contract of Services* (CoS). Seramai 39 Juruanalisis, 26 Eksekutif dan 29 kakitangan sokongan melaksanakan kajian dan program yang dirancang serta mengurus pentadbiran dan kewangan ASM.

Bahagian Kajian, Analitik dan Kerjasama Strategik STI ini diterajui oleh Ketua Pegawai Strategi (KPS) dan bertanggungjawab melaksanakan kajian strategik, termasuk yang ditugaskan oleh rakan strategik, serta melaksanakan inisiatif dan projek perintis dalam bidang-bidang khusus. Bahagian ini juga menjalankan aktiviti daya jangka (*foresight*), analisis data dan penyediaan ulasan berkaitan STIE.

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Komunikasi diterajui oleh Ketua Pegawai Hal Ehwal Antarabangsa dan Komunikasi (KPHEAK), bahagian ini bertanggungjawab mengurus hubungan dan program antarabangsa serta menyampaikan hasil kerja ASM kepada khalayak umum. Bahagian ini juga menyelia komunikasi korporat ASM dengan pihak berkepentingan luar.

Bahagian Perkhidmatan Korporat diterajui oleh Ketua Pegawai Operasi (KPO) dan memainkan peranan penting dalam menyokong semua bahagian dan unit dalam melaksanakan aktiviti mereka. Ia bertanggungjawab terhadap pengurusan pentadbiran harian, operasi dan penambahbaikan proses serta tadbir urus. Bahagian ini merangkumi urusan pentadbiran, kewangan, perolehan, aset dan fasiliti, sumber manusia, serta hal ehwal keahlian dalam ASM.

Struktur Organisasi ASM



MEMPERKASA ILMU, MENGUKUH KERJASAMA & MENYEMARAK EKOSISTEM STIE





ASM: Merintis Kerjasama dengan Pemain Tempatan

Memperkukuh Penglibatan Serantau ke arah Kejayaan Bersama

Sejak 2023, ASM giat berkerjasama dengan 6 negeri melalui lawatan-lawatan rasmi bagi memperkukuh kerjasama serantau dan menangani isu-isu tempatan, sekali gus memperkasa kedudukannya sebagai Peneraju Pemikir dan Penggerak Perubahan dalam STIE. Melalui penglibatan ini, ASM telah mewujudkan saluran komunikasi langsung bersama pemegang taruh dengan memberikan pandangan mengenai keperluan mereka, cabaran dan peluang yang wujud. Penglibatan ini juga menggalakkan peranan aktif dan sumbangan Jaringan Pakar ASM di peringkat negeri dan wilayah melalui ASM Chapters.

Lawatan ini menekankan betapa pentingnya untuk mendengar mereka yang bekerja di lapangan dengan lebih teliti serta menyesuaikan penyelesaiannya mengikut keperluan tempatan. Ekosistem inovasi yang mampan harus berkembang secara organik oleh pemain tempatan yang bekerjasama secara sukarela dalam membina rangkaian kolaboratif bersama. Kemajuan hanya boleh dicapai dengan mengenal pasti pemegang taruh yang tepat, yang bersedia dan berkomitmen untuk mencapai misi bersama. Ini memerlukan saluran komunikasi yang berkesan dan pemupukan perkongsian strategik bagi tindakan bersama.

Sebagai Penasihat STI kepada Perdana Menteri dan Negara, Presiden ASM telah mengadakan lawatan ke Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan pada tahun 2024. Lawatan ini telah memberikan ASM pandangan bernilai mengenai kekuatan, peluang yang semakin berkembang dan cabaran utama di setiap negeri.

Ringkasan keseluruhan potensi kolaborasi bersama negeri-negeri daripada lawatan ini.

KEDAH


- Ekonomi Biru
- Inovasi sosial (gamat, tiram & ketam)
- Pengetahuan endogen – akuakultur, kelautan & iklim, serta tujuan perubatan tumbuhan/gamat
- Pemuliharaan ekopelancongan & biodiversiti
- Kesihatan Planet
- Baja tanaman padi
- Projek sosial inovasi untuk pesawah (sumber pendapatan)
- Bakat STEM & pengetahuan terkini
- Wireless Bridging System
- Ekosistem Inovasi
- Isu air – banjir & kemarau

KELANTAN

- Pusat Sains & Teknologi Kelantan
- Isu air
- Jenis-jenis benih tahan kemarau dan banjir serta baja mikronutrien untuk padi

PULAU PINANG

- Inovasi sosial (tiram & vanila)
- MSE (Semikonduktor & pembangunan bakat STEM)
- Ekonomi Biru
- Jerayawara Wilayah Utara ASM 2024





Lawatan rasmi Presiden ASM ke Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan

Menteri Besar Kedah:

Membincangkan strategi pembangunan negeri dan wilayah berkeutamaan tinggi bersama YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor.

Ketua Menteri Pulau Pinang:

Membincangkan hala tuju masa hadapan industri E&E bersama YAB Chow Kon Yeow untuk mendapatkan pandangan beliau serta potensi sokongan negeri terhadap inisiatif yang sedang dipertimbangkan.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA):

Meneroka peranan MADA dalam memajukan sektor pertanian dan impaknya terhadap ekonomi tempatan.

Majlis Perasmian Loji AT&S:

Menekankan kepentingan yang semakin meningkat terhadap teknologi pembungkusan lanjutan dan substrat dalam meningkatkan daya saing global industri E&E.

KAIRO Agriculture dan SeaHarvest Aquamarine:

Tumpuan diberikan kepada peluang inovatif dalam sektor pertanian dan akuakultur untuk inovasi sosial, khususnya dalam penanaman vanila dan penternakan tiram, serta potensinya dalam merangsang pertumbuhan ekonomi.

Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan Pusat Kajian Marin dan Pesisir Pantai (CEMACS):

Membincangkan pembangunan bakat dan tenaga kerja serta penyelidikan dalam bidang marin dan pesisir pantai.

Universiti Sains Malaysia (USM):

Berinteraksi dengan Naib Canselor Profesor Dato' Seri Ir Dr Abdul Rahman Mohamed FASc dan pasukannya untuk meneroka potensi memperkukuh kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara universiti dan industri dalam sektor E&E Malaysia.

Inkubator CREST untuk Syarikat Pemula:

Mendapatkan pemahaman tentang syarikat-syarikat peringkat awal yang menangani keperluan industri E&E negara, sekali gus menyokong pertumbuhan ekosistem penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C).

Digital Penang:

Tumpuan diberikan kepada merebut peluang dalam ekonomi digital dan memupuk masyarakat celik digital.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA):

Memperoleh pandangan tentang strategi badan berkanun tersebut dalam memajukan pembangunan sosioekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA):

Meneliti isu kekurangan air yang menjejaskan penanaman padi di Kedah.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK):

Berinteraksi dengan universiti yang berteraskan pendidikan keusahawanan dan pembangunan perusahaan.

EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Kelantan:

Membincangkan kemajuan dalam bidang pendidikan dan teknologi bersama YB Ustaz Wan Roslan Wan Hamat. Usaha negeri untuk menubuhkan Pusat Sains dan Teknologi di Kelantan telah disusuli dengan kerjasama bersama Yayasan Inovasi Malaysia untuk menubuhkan *Maker Space* di Kota Bharu.

Menteri Besar Kelantan:

Membincangkan isu air dan pertanian bersama YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Haji Daud. ASM telah mencadangkan pengenalan pendidikan sains di sekolah Tahfiz melalui metodologi baharu seperti IBSE, yang telah diterima baik.

Balai Cerap Kelantan di Pantai Mek Mas:

Memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai projek ini dan bertukar idea mengenai peranannya dalam kajian astronomi dan aktiviti ekopelancongan.

Jeram Mengaji Agro Resort:

Meneroka potensinya dalam bidang ekopelancongan dan edupelancongan serta pendidikan STEM di lapangan.

Pembentangan di Majlis Tertinggi Negara

Pembentangan Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE) kepada Majlis Sains Negara

14 Mei 2024

Majlis Sains Negara (MSN) telah ditubuhkan secara rasmi pada 22 September 2015 selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri Malaysia. Sebagai badan pembuat keputusan tertinggi negara dalam bidang STI, MSN dipertanggungjawabkan untuk memimpin perumusan, penyelarasan dan pemantauan dasar STI negara.

Pelan Hala Tuju RDICE telah dibentangkan kepada MSN yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Fadillah Yusof pada 14 Mei 2024.

Pelan ini telah diterima pakai sebagai pelan asas oleh Kementerian Ekonomi (KE) bagi pelaksanaan Pelan Tindakan RDICE Kebangsaan 2025–2030 untuk menarik pelabur dan memperkukuh pembangunan teknologi, produk dan perkhidmatan tempatan. Pelan tindakan ini bertujuan untuk menyatukan serta memperluas lagi ekosistem RDICE Malaysia, dengan menyelaraskan inisiatif inovasi bersama keutamaan ekonomi negara.

Pembentangan ASM kepada Majlis Sains Negara mengenai Pemerkasaan MSN

4 November 2024

Bagi mengukuhkan lagi mandat MSN dan merapatkan jurang dalam pelaksanaan RDICE, ASM telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Pemerkasaan Majlis Sains Negara (MSN) untuk Meneraju dan Memantau Pengukuhan Ekosistem Sains Negara”.

Antara cadangan utama dalam pembentangan ini adalah penubuhan Jawatankuasa Koordinasi dan Pemantauan Sains Negara (JKPSN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Panel Penasihat MSN dan Sekretariat MSN yang tetap dan profesional.

Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)

5 Disember 2024

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) merupakan sebuah majlis penasihat ekonomi kepada Kerajaan yang ditubuhkan pada 7 Januari 1998. MTEN berperanan sebagai peneraju dalam pelaksanaan perancangan ekonomi secara menyeluruh serta pemantauan ekonomi negara, dengan penekanan kepada keputusan rentas kementerian dan agensi bagi menyelesaikan isu-isu berstruktur.

Berdasarkan keputusan MSN pada Mei 2024 mengenai hala tuju Pelan Hala Tuju RDICE, ASM bersama MOSTI dan KE telah menyediakan satu kertas kerja mengenai RDICE. Pelan Tindakan RDICE merupakan lanjutan kepada Pelan Hala Tuju RDICE yang dibangunkan oleh ASM dan menekankan kepentingan inovasi dan pengkomersialan sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan sosioekonomi serta keperluan meningkatkan penglibatan sektor swasta melalui tarikan pelabur yang relevan.

Pelan Tindakan ini menggabungkan sebahagian besar analisis daripada Pelan Hala Tuju RDICE dengan matlamat untuk mengoptimumkan penggunaan sumber di seluruh negara dan memperkukuh aktiviti R&D dan pengkomersialan ke arah menjadikan Malaysia hab R&D global pilihan dengan ekosistem RDICE yang kukuh.

MTEN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah secara prinsip bersetuju dengan Pelan Tindakan RDICE dan telah meminta agar strategi-strategi yang dicadangkan dimurnikan sebelum pelancaran rasmi dokumen tersebut.



Mesyuarat Jemaah Menteri

2 Oktober 2024

Susulan permintaan oleh YAB Perdana Menteri, Presiden ASM yang juga merupakan Penasihat STI kepada Perdana Menteri dan Negara telah membentangkan kepada Jemaah Menteri mengenai jurang dan cabaran dalam ekosistem STIE bagi memberikan penjelasan dan panduan kepada anggota Kabinet. Nota Jemaah Menteri bertajuk “Status, Cabaran dan Jurang Semasa dalam Transformasi Ekosistem Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Negara” telah disediakan dan dibentangkan.

Melalui pembentangan ini, ASM turut mencadangkan langkah-langkah strategik untuk mentransformasikan ekosistem STIE negara agar dapat menyokong pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar secara seimbang.

Susulan pembentangan ini, Presiden telah membentangkan satu kertas kerja kepada MSN pada 4 November 2024. Kertas tersebut menumpukan kepada struktur tadbir urus yang dicadangkan serta input strategik bagi memperkukuh peranan MSN dalam memastikan ekosistem STIE yang berdaya tahan dan berkesan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bakat STI Negara

23 Oktober 2024

ASM telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Pembangunan Bakat: Pegawai Pemindahan Teknologi Profesional (TTP) dalam Melengkapkan Ekosistem Inovasi Negara” kepada ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bakat STI Negara yang dipengerusikan oleh YB Menteri MOSTI.

Penemuan dan syor yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju RDICE yang dibangunkan oleh ASM untuk MOSTI memberi penekanan kepada keperluan mewujudkan pegawai pemindahan teknologi (TTO)/pegawai pemindahan teknologi profesional (TTP).

Satu mesyuarat susulan akan dianjurkan dengan melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), ASM, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) untuk menginstitusikan peranan dan pengoperasian TTP di Malaysia serta pelaksanaan cadangan tersebut.

Model Perniagaan Pembangunan Industri Unsur Nadir Bumi Tanah Liat Serapan-Ion (IAC-REE) di Malaysia

Malaysia merupakan pemain utama dalam industri pemprosesan unsur nadir bumi (REE) di peringkat global, menyumbang kira-kira 11% daripada bekalan dunia dan menunjukkan potensi yang kukuh. Malaysia juga merupakan pembekal utama REE terasing melalui Loji Bahan Termaju Lynas (LAMP) kepada negara-negara seperti Jepun, Vietnam dan Thailand yang menghasilkan magnet kekal serta produk nilai tambah lain.

Selaras dengan peranan strategik ini, ASM telah merangka dan membentangkan Model Perniagaan bagi Pembangunan Industri Unsur Nadir Bumi Malaysia, kini dikenali sebagai Model Perniagaan bagi Pembangunan Industri Unsur Nadir Bumi Tanah Liat Serapan-Ion (IAC-REE) Malaysia, yang diamanahkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

ASM telah menyertai tiga mesyuarat utama tahun ini untuk membentangkan landskap semasa, peluang dan cabaran industri REE Malaysia. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Presiden, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc, Dato' Sia Hok Kiang FASc, Encik Loganathan Ponnambalan FASc, Emeritus Profesor Emeritus Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc dan Academician Datuk Fateh Chand Pars Ram FASc.

Mesyuarat Peringkat Tinggi Pelbagai Kementerian anjuran NRES 26 Mac 2024

Sesi ini menghimpunkan Menteri NRES, YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri KE, YB Dato Seri Mohd Rafizi Ramli; dan Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang untuk meneliti Model Perniagaan bagi Pembangunan Industri IAC-REE Malaysia yang dirancang oleh

ASM seperti yang dimandatkan oleh NRES. Mesyuarat menekankan keperluan struktur insentif yang jelas dan terkoordinasi bagi meningkatkan keyakinan industri, memandangkan tanggungjawab pengurusan sektor ini dikongsi antara kerajaan persekutuan dan negeri. Ia turut menegaskan kepentingan kerangka perundangan dan kawal selia yang kukuh untuk membimbing pertumbuhan masa hadapan dan melindungi kepentingan negara. Dasar proaktif juga dilihat penting bagi mengawal eksport merentasi rantaian nilai dan mengelakkan eksploitasi sumber secara tidak terkawal. Salah satu hasil penting mesyuarat ini ialah keputusan untuk mengemukakan kertas perbincangan kepada MTEN bagi memperincikan model perniagaan, rangka kawal selia dan strategi pelaksanaan.

Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Alam Sekitar, Sains dan Perladangan 26 Jun 2024

Sesi ini dipengerusikan oleh YB Datuk Haji Ahmad Mohamed @ Hashim, Ahli Parlimen Kuala Terengganu, dan dihadiri oleh enam Ahli Parlimen lain. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Malaysia mempunyai potensi besar untuk menjana pulangan ekonomi dan kelebihan strategik yang ketara. Malaysia dianggarkan mempunyai 16.1 juta tan metrik sumber unsur nadir bumi jenis tanah liat serapan-ion, dengan potensi nilai ekonomi melebihi RM809.6 bilion.

Mesyuarat Menteri dan EXCO Negeri Bertanggungjawab ke atas STI (MEXCO-STI) 23 September 2024

ASM membentangkan kertas kerja bertajuk "Ketersediaan Teknologi, Kepakaran dan Model Perniagaan bagi Industri Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE/IAC-REE) di Malaysia" dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri

MOSTI. Pembentangan tersebut bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan MEXCO-STI terhadap pembangunan strategik industri IAC-REE Malaysia melalui kerjasama berstruktur dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Kertas kerja tersebut menggariskan kesiapsiagaan Malaysia dalam menyokong pertumbuhan sektor IAC-REE yang lestari dan berdaya saing serta kepentingan mewujudkan ekosistem yang kukuh dan terkoordinasi antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri berdasarkan tiga pemangkin utama — teknologi, pembangunan bakat dan model perniagaan. Antara pemerhatian utama ialah keperluan memperkukuh saluran komunikasi, mekanisme libat urus pihak berkepentingan bagi memastikan penajajaran serta penyelarasan yang lebih baik antara agensi persekutuan dan pihak berkuasa negeri. Ketelusan dalam perkongsian maklumat turut ditekankan untuk menyokong pembangunan bertanggungjawab industri IAC-REE sebagai sumber strategik negara.



Science Outlook 2025

Science Outlook 2025 (SO2025) merupakan salah satu kajian perdana ASM yang bertujuan memberikan analisis menyeluruh bagi memperkukuh ekosistem STIE negara. Kajian ini diketuai oleh Emeritus Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc dan dibangunkan berdasarkan bukti yang bebas dan objektif. Berbeza dengan edisi terdahulu yang menilai prestasi keseluruhan Malaysia, SO2025 menilai ekosistem STIE di peringkat persekutuan dan negeri. Ia bertujuan untuk menganalisis kesalinghubungan dalam ekosistem ini dan bagaimana ia secara kolektif menyumbang kepada pencapaian visi dan misi negara, dengan tumpuan kepada peningkatan prestasi keseluruhan Malaysia.

Tujuan Kajian:

- Menilai prestasi ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam ekosistem STIE di peringkat persekutuan dan negeri.
- Mengenal pasti jurang dalam ekosistem STIE yang boleh menghalang pembangunan mampan.
- Merangka strategi di peringkat persekutuan dan negeri untuk memacu pertumbuhan ekonomi, sosial dan alam sekitar melalui inisiatif STIE.

Pendekatan SO2025 dalam memahami dan memperkasa ekosistem STIE Malaysia mengutamakan penglibatan langsung dengan pemegang taruh tempatan melalui Sesi Libat Urus Pihak Berkepentingan Wilayah (RSE). Kaedah ini memastikan suara dan keperluan setiap kawasan diambil kira bagi penilaian menyeluruh terhadap situasi dan cabaran setempat. Dengan pendekatan bawah-atas (*bottom-up approach*) ini, SO2025 bertujuan untuk memahami keadaan semasa setiap wilayah dengan tepat agar cadangan yang berkesan dapat dirangka. Penekanan terhadap penyertaan setempat dan strategi yang disesuaikan menjadikan SO2025 sebuah kajian yang lebih inklusif dan berimpak tinggi dalam memacu pembangunan mampan di seluruh Malaysia.

Sepanjang tahun 2024, sesi RSE dan mesyuarat telah dijalankan melibatkan 152 peserta, termasuk wakil daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC), agensi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), serta Jaringan Pakar ASM, bagi membolehkan pertukaran idea dan pandangan secara meluas.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor, 13 Jun 2024

Johor sedang beralih daripada metrik kejayaan projek berdasarkan keuntungan kepada penilaian kesan jangka panjang. Fokus kerajaan negeri termasuk pembangunan dasar perdagangan karbon, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan usaha mengekalkan tenaga mahir di Johor.



Pengerusi Projek Science Outlook, Emeritus Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc, menyampaikan intipati Science Outlook kepada peserta



YBhg Datuk Ts Dr Ramzah Dambul, KPE IDS Sabah, menyampaikan ucapan alu-aluan kepada para peserta RSE Sabah dan menekankan kerjasama antara ASM dan IDS Sabah

Institute for Development Studies Sabah (IDS Sabah) Sabah, 8 Oktober 2024

Pandangan utama merangkumi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar telah diketengahkan. Peningkatan pelaburan langsung asing dari China dan Korea, ekosistem pemula tempatan yang kukuh, serta kesesakan pelabuhan yang berterusan dan menjejaskan perdagangan serta kebimbangan kesihatan awam semuanya dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, isu pendaftaran pelajar dalam aliran STEM yang rendah, iaitu 12.37%, jauh di bawah purata kebangsaan sebanyak 22.8%, turut dibincangkan, menandakan keperluan mendesak untuk inisiatif pendidikan. Sabah juga menyasarkan untuk mencapai karbon neutral menjelang 2050 dengan berpandukan *Sabah Energy Roadmap and Masterplan 2040*.

Sarawak Tropical Peat Research Institute Sarawak, 18 Oktober 2024

Beberapa perubahan utama yang memberi kesan kepada Sarawak termasuk penambahbaikan proses pelesenan perniagaan, menangani halangan perdagangan bukan fiskal seperti Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR), memberi tumpuan kepada ekonomi baharu dengan tenaga hidrogen serta Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) dan meningkatkan infrastruktur untuk menarik pelabur antarabangsa. Dari segi kemakmuran ekonomi seperti yang dilaporkan dalam Strategi Pembangunan Pasca-COVID-19 2030 (PCDS 2030), Sarawak menyasarkan untuk mencapai RM282 bilion menjelang 2030 dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 8.0%. Namun, infrastruktur luar bandar yang terhad serta akses kepada perkhidmatan kesihatan dikenal pasti sebagai halangan utama dalam usaha mengadaptasi transformasi digital.



Profesor Ts Dr Shahrina Md Nordin FASc, Timbalan Pengerusi SO2025, menyampaikan pembentangan pembuka tirai mengenai gambaran keseluruhan SO2025 dan status semasa ekosistem STIE negara

Kajian Reformasi Pendidikan Negara

Isu-isu berkaitan pendidikan terus menjadi perdebatan hangat di pelbagai peringkat dan forum, termasuk hal-hal pencapaian pelajar, kualiti pendidikan, infrastruktur dan infostruktur pendidikan, serta jurang dalam dasar pendidikan.

Keperluan mendesak untuk pembaharuan menyeluruh dalam sistem pendidikan negara didorong oleh tuntutan era pascanormal — suatu tempoh yang dicirikan oleh ketidakstabilan, ketidaktentuan, kerumitan dan ketidakjelasan.

Sehubungan itu, KE telah menugaskan ASM untuk menjalankan Kajian Reformasi Pendidikan Negara (NER). Objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan reformasi yang berasaskan bukti bagi menangani cabaran utama dalam sektor pendidikan serta membangunkan bakat yang mampu berkembang dalam era ini. Syor-syor yang dikemukakan bertujuan untuk meletakkan asas kepada sistem pendidikan yang berpandangan ke hadapan, yang mampu melahirkan bakat masa hadapan dan menyokong matlamat lebih luas negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-13.

Reformasi ini mengambil kira pembangunan bakat secara holistik merentasi keseluruhan rantaian pendidikan, termasuk aspek kognitif, sosioemosi, daya tahan serta pembangunan kemahiran asas yang diperlukan agar bakat mampu menyesuaikan diri dan menangani perubahan serta cabaran dengan berkesan.

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan potensi penuh setiap individu secara intelektual, emosi, sosial dan kreatif, sambil memupuk nilai moral, adab, matlamat, pembelajaran sepanjang hayat, serta keupayaan untuk menyumbang kepada dunia yang lebih adil, mampan, maju dan inklusif.

Matlamat

1. Pelajar dengan nilai teras yang berpusat kepada kemanusiaan, adaptif dan didorong oleh rasa ingin tahu, serta menghayati inovasi, kreativiti, penentuan sendiri dan keharmonian dengan kesedaran terhadap kesejahteraan mental, kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman, serta kesihatan planet.
2. Tenaga kerja yang kompeten untuk memenuhi keperluan masa kini dan masa hadapan.
3. Kesihatan mental yang diberi keutamaan bersama kesejahteraan pendidik dan pelajar.
4. Reka bentuk kurikulum diperkasa teknologi yang inovatif dan inklusif.
5. Ekosistem pendidikan yang berdaya saing tinggi.
6. TVET yang responsif terhadap keperluan semasa dan masa hadapan.
7. Individu yang mempunyai kebolehpasaran tinggi dengan kemahiran keusahawanan dan bersedia untuk masa hadapan.
8. Perspektif global yang memperkukuh kecekapan silang budaya.
9. Memperkasakan individu untuk menyesuaikan diri dan berkembang dalam dunia yang berubah dengan pantas.
10. Membina masyarakat yang inovatif, berdaya tahan, inklusif dan saksama melalui pendidikan yang boleh diakses.
11. Struktur tadbir urus yang cekap dan rangka kerja akauntabiliti yang mantap.
12. Dasar pendidikan yang kohesif dan saksama.
13. Pendidik yang berdaya upaya dengan autonomi dan akauntabiliti.
14. Komunikasi, penyelarasan dan pelaksanaan dasar yang berkesan serta konsisten.
15. Infrastruktur yang saksama dan boleh diakses.
16. Pendekatan pemikiran sistem untuk struktur dan pembiayaan pendidikan.
17. Pembiayaan pendidikan yang mencukupi bagi populasi terpinggir dan orang kurang upaya (OKU).

Bengkel Peringkat Wilayah

Wilayah
Utara
14-15
Oktober
2024



Wilayah Pantai Timur
27-28 November 2024

Sabah
7-8 November 2024

Sarawak
21-22 November 2024

Wilayah Selatan
4-5 Disember 2024

Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)

FGD bersama guru sekolah pada 26 November 2024 telah dijalankan di ASM sempena program Persatuan STEM Kebangsaan mengenai Projek STEM 60:40 Way Forward.

Daripada penglibatan pemegang taruh yang dijalankan, 11 jurang dan cabaran utama telah dikenal pasti:

1. Infrastruktur dan kebolehcapaian yang tidak mencukupi
2. Transformasi digital dan integrasi teknologi yang terhad
3. Tenaga kerja pendidikan & kecekapan
4. Kesihatan mental dan kesejahteraan
5. Tadbir urus, akauntabiliti, isu dasar & strategi komunikasi
6. Etika dan nilai dalam kalangan pelajar dan pendidik
7. Kemahiran sedia masa hadapan dan kebolehpasaran
8. Cabaran kurikulum
9. Kelestarian kewangan
10. Kepelbagaian, kesaksamaan, keterangkuman (DEI)
11. Penglibatan global & penjajaran budaya


Kajian reformasi pendidikan ini akan berasaskan bukti dan melibatkan penglibatan pemegang taruh di seluruh negara secara meluas. Dapatan daripada bengkel wilayah tersebut akan menjadi input kritikal dalam membangunkan Rangka Kerja Reformasi Pendidikan Negara. Dengan menanda aras terhadap rangka kerja kecekapan dan dasar dari 13 negara, serta standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, kajian ini bertujuan merumuskan satu rangka kerja pendidikan nasional yang inklusif dan menyeluruh.



Bekas Timbalan Pengarah (Pendidikan), Bahagian Pembangunan Modal Insan, KE, Datin Dr Syahirah Hamidon, menyampaikan ucapan alu-aluan sewaktu bengkel peringkat Wilayah Utara



Para peserta Mesyuarat dan Bengkel Reformasi Pendidikan Negara



Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara

Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara (PTKPN) telah dibangunkan bagi menekankan kesalinghubungan antara kesihatan manusia dan kesihatan planet, suatu pendekatan yang secara semula jadi melengkapi dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Malaysia. ASM telah diamanahkan untuk membangunkan PTKPN yang bersepadu susulan mandat daripada MSN. Dialog Nasional mengenai Kesihatan Planet: Kesalinghubungan antara Manusia, Planet dan Kemakmuran telah dianjurkan bersama pemegang taruh utama pada 25 Julai 2024. Dialog ini bertujuan untuk mencungkil idea dan pendekatan baharu bagi melengkapi penemuan sedia ada.

Sesi ini menghimpunkan kira-kira 250 pemegang taruh utama daripada kementerian, agensi, industri, akademik dan organisasi masyarakat sivil untuk membincang dan mengesahkan pelan tindakan yang dicadangkan. Dialog ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai PTKPN, memperoleh sokongan di peringkat nasional, serta mendapatkan pengesahan dan input lanjut.

Konsep PTKPN telah diluluskan oleh MSN pada 4 November 2024, dengan permintaan untuk melaksanakan libat urus lanjut bersama KE bagi menyelaraskan pendekatan tadbir urus dengan Majlis SDG ke arah pelaksanaan dan pemerkasaan PTKPN sebagai pelengkap kepada agenda SDG Malaysia.



53
Strategi



224
Pelan
Tindakan

Anjakan

- Memperkukuh tadbir urus & pengurusan khazanah alam semula jadi
- Memupuk rakyat untuk membina negara yang sihat, makmur dan berteraskan nilai
- Perniagaan yang mesra alam dan mampan
- Komunikasi berkesan, pemikiran tingkah laku dan nilai
- Pembiayaan dan peruntukan mampan bagi inisiatif pembangunan kesihatan planet

4 Prinsip Utama



Berpaksikan kemanusiaan



Berlandaskan alam semula jadi



Menggunakan STI




Diterap nilai

Pembangunan Tenaga Haba Lautan untuk Kelestarian

Penukaran Tenaga Haba Lautan (OTEC) adalah teknologi tenaga boleh diperbaharui yang menggunakan perbezaan antara suhu permukaan air yang hangat dan air laut yang sejuk untuk menjana elektrik. Kajian ini bertujuan untuk menekankan bahawa teknologi OTEC berpotensi menjadi sumber tenaga boleh diperbaharui masa hadapan dan terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah agensi khusus bagi pengurusan OTEC di Malaysia.

STIPAC, dalam mesyuarat ke-57 yang diadakan pada 10 Ogos 2023, telah meluluskan cadangan oleh SIG yang diketuai oleh Profesor Dato' Ir Dr A. Jaafar Bakar FASc untuk membangunkan satu kertas posisi mengenai Pembangunan Tenaga Haba Lautan untuk Kelestarian (OTEDDS). Kertas posisi ini memberi tumpuan kepada penilaian kebolehlaksanaan OTEC dan potensinya untuk Malaysia. Ia merangkumi gambaran keseluruhan berkaitan tenaga terma lautan, teknologi dan aspek ekonomi yang berkaitan, serta membincangkan ekosistem sedia ada dan masa hadapan yang perlu diwujudkan bagi membolehkan OTEDDS dijadikan agenda nasional secara berkesan.




Terdapat dua sumber hasil daripada OTEC:

- 1) Elektrik, ataupun penukaran kepada hidrogen hijau, bersama dengan hasil sampingannya, boleh dimanfaatkan melalui penggunaan air laut yang sejuk yang dilepaskan dari kondensor loji OTEC untuk pelbagai aplikasi. Ini termasuk penyejukan pusat data, akuakultur marin bernilai tinggi, penanaman tanaman iklim sederhana, pengekstrakan litium dan pengeluaran air mineral; dan
- 2) Kos pengeluaran elektrik boleh dikurangkan daripada USD 0.15/kWh kepada USD 0.05/kWh; justeru, pengeluaran hidrogen hijau boleh diturunkan daripada USD 8/kg kepada USD 3/kg.

Sabah mempunyai potensi tertinggi untuk OTEC di Malaysia, dengan kapasiti yang dianggarkan sebanyak 20,000 megawatt. Tenaga ini boleh digunakan untuk bekalan elektrik, penyahgaraman air dan pengeluaran hidrogen hijau melalui proses elektrolisis. Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan Rang Undang-Undang OTEC 2024 pada 25 April 2024. Rang undang-undang ini membuka laluan kepada pembangunan OTEC sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui yang baru serta sebagai inisiatif utama di bawah Ekonomi Biru. Kajian kebolehlaksanaan OTEC sedang dijalankan oleh tiga syarikat dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun. Di Port Dickson, Negeri Sembilan, makmal R&D OTEC Hibrid telah berjaya diuji dan mula beroperasi pada 12 Oktober 2024.

Cadangan:

- 1 Mengiktiraf OTEC sebagai sumber tenaga yang berdaya maju
- 2 Menangani jurang perundangan dan campur tangan yang diperlukan
- 3 Menubuhkan sebuah agensi khusus, Ocean Thermal Energy National Berhad (OTENAS)
- 4 Meningkatkan insentif bagi pembangunan OTEC
- 5 Menggariskan rangka kerja tadbir urus dan kolaborasi pemegang taruh



Rangka Tindakan Ekonomi Biru Malaysia

ASM bersama KE telah mengenal pasti ekonomi biru sebagai sektor ekonomi baharu yang berpotensi untuk dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13. Berdasarkan Kertas Posisi *Blue Economy: Unlocking the Value of the Oceans* yang diterbitkan oleh ASM pada tahun 2021, satu set syor telah dikemukakan untuk kelulusan dalam mesyuarat MSN yang diadakan pada 14 Mei 2024. Kertas tersebut telah diluluskan, dengan KE menerajui inisiatif ini.

KE telah mengamanahkan ASM untuk menerajui pembangunan Rangka Tindakan Ekonomi Biru Malaysia (MBEB) diketuai Profesor Emeritus Dr Phang Siew Moi FASc dan Profesor Mahendhiran Sanggaran Nair FASc. MBEB bertujuan memperlihatkan nilai kemampanan sumber marin Malaysia, sekaligus mengiktiraf peranan kritikal Ekonomi Biru dalam memacu pembangunan negara. Pada masa ini, ekonomi berasaskan marin menyumbang kira-kira 23% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia. Dengan garis pantai yang meluas sepanjang lebih 4,675 kilometer dan kawasan maritim lebih daripada dua kali ganda saiz daratan negara, Malaysia berada dalam kedudukan strategik untuk memanfaatkan sumber marinnnya bagi pertumbuhan ekonomi. Dengan peningkatan produktiviti, sumbangan sumber marin dijangka meningkat daripada 22.0% pada tahun 2020 kepada 31.5% daripada KDNK menjelang 2030. Peningkatan ini berpotensi menjana keuntungan bersih terkumpul kira-kira RM1.4 trilion (keuntungan bersih terkumpul dari 2020 hingga 2030).

Ekonomi biru Malaysia akan dipelbagaikan kepada industri yang lebih berdaya tahan dan lestari, meningkatkan Pulangan Nilai (ROV) sambil meminimumkan kesan ekologi, sekali gus meletakkan negara sebagai peneraju global dalam industri berasaskan lautan yang mampan serta menarik pelaburan asing.

8 Sektor Strategik



Perikanan & Akuakultur



Pengurusan Pelupusan Sisa



Pelancongan Pesisir Pantai dan Maritim



Bioteknologi Marin & Bio-Prospek



Industri Ekstraktif Sumber Bukan Hidupan



Pengangkutan Maritim, Pelabuhan & perkhidmatan berkaitan, Perkapalan dan Pembinaan Kapal



Tenaga Boleh Diperbaharui



Penyahgaraman untuk Penjanaan Air Tawar

2 Sektor Rentas

Perkhidmatan & Kesihatan Ekosistem Lautan

Tadbir Urus & Dasar

Teknologi Kuantum

Teknologi kuantum berpotensi untuk memperkukuh keselamatan siber Malaysia, mempercepat kemajuan dalam AI dan bioteknologi bagi penemuan ubat serta perubatan kepersisan dan meningkatkan kecekapan dalam sektor industri dan kewangan. Inisiatif ini disokong oleh program latihan tenaga kerja dan insentif yang direka untuk menarik syarikat pemula global, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau dan hab kuantum ASEAN menjelang tahun 2035. Visi ini selari dengan Dasar Sains, Teknologi & Inovasi Negara (2021-2030) dan sasaran nasional untuk melahirkan 60,000 jurutera berkemahiran tinggi menjelang 2030.

Sebuah kertas posisi mengenai teknologi kuantum akan dibangunkan bagi mencadang satu rangka kerja konstruktif yang berfokuskan peluang yang boleh dicapai dengan segera. Rangka kerja ini memberikan manfaat awal serta membuka jalan bagi pembangunan dan ekosistem kuantum jangka sederhana dan panjang di Malaysia.

Tujuan Kajian:

- 1) Memperkasa bakat tempatan dalam bidang teknologi kuantum.
- 2) Mengenal pasti agenda penyelidikan berkeutamaan tinggi dalam teknologi kuantum melalui penglibatan aktif dan input daripada pemegang taruh.
- 3) Menawarkan cadangan dasar berasaskan bukti untuk mentadbir teknologi kuantum serta menggalakkan perkongsian kerjasama antara agensi pusat, badan kerajaan lain, akademik, dan pemain industri.

Perancangan masa hadapan Malaysia untuk teknologi kuantum menumpukan kepada pembinaan ekosistem yang kukuh dan mampan bagi menyokong pertumbuhan jangka panjang. Salah satu langkah utama ialah penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi penyelidikan dan inovasi kuantum. Pusat

ini akan menghimpunkan pakar dari universiti, industri dan agensi kerajaan untuk bekerjasama dan membangunkan bakat tempatan dengan matlamat memajukan bidang seperti pengkomputeran kuantum, kriptografi dan penderiaan, serta meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam teknologi kuantum.

Malaysia juga memerlukan satu dasar kuantum kebangsaan yang selaras dengan matlamat lebih besar negara untuk transformasi industri dan digital. Dasar ini akan membantu menetapkan keutamaan yang jelas, membimbing sokongan serta pelaburan kerajaan dan mewujudkan insentif untuk industri mengguna pakai teknologi kuantum. Ia juga akan merangkumi peraturan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi berasaskan kuantum.

Bagi membina kepakaran tempatan, Malaysia merancang untuk mengintegrasikan pendidikan kuantum dalam program sekolah dan universiti. Kursus ijazah baharu akan menggabungkan sains kuantum dengan sains komputer, kejuruteraan dan keselamatan siber. Di samping itu, pentauliahan-mikro dan pensijilan profesional akan ditawarkan untuk membantu golongan profesional sedia ada meningkatkan kemahiran bagi menceburi sektor pekerjaan dalam bidang kuantum.

Akhir sekali, kerjasama antarabangsa akan memainkan peranan penting dalam perjalanan teknologi kuantum Malaysia. Dengan bekerjasama dengan peneraju global dalam penyelidikan kuantum, Malaysia boleh memperoleh pengetahuan berharga, membina rangkaian kukuh dan menyertai inisiatif antarabangsa. Usaha ini akan membantu negara menjadi pemain aktif dalam landskap kuantum global.

Program Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh

Program Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh (RBS) adalah bukti legasi berterusan salah seorang saintis penyelidikan perubatan dan dermawan terkemuka Malaysia. Dr Ranjeet Bhagwan Singh telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai dalam bidang penyelidikan perubatan dan saintifik, khususnya dalam pembangunan makmal diagnostik di Malaysia.

Program Tabung Amanah ini memperkasa inovasi perubatan melalui geran penyelidikan yang berprestij serta syarahan peringatan yang menginspirasi bagi menghormati legasi beliau dalam memajukan penyelidikan perubatan.

Geran Penyelidikan Perubatan RBS bertujuan menyokong saintis muda Malaysia dengan pembiayaan serta bimbingan untuk penyelidikan bioperubatan yang berimpak tinggi. Dr Muhammad Farid Nazer Muhammad Faruq dari Universiti Malaya menerima geran sebanyak RM50,000 bagi penyelidikannya yang bertajuk '*Investigating EV bodies - Bioengineered Extracellular Vesicles (EVs) as Nano-Neutralising Agents Against EGF in Attenuating EGFR-driven Lung Cancer*'. Penyelidikannya berpotensi untuk meningkatkan hasil kesihatan serta mengurangkan beban penyakit di Malaysia.

Syarahan Peringatan telah menampilkan Profesor Kehkooi Kee, Naib Canselor (Antarabangsa) di Universiti Tsinghua, yang membentangkan tajuk '*Revolutionising Health: The Impact of Stem Cells on Basic Research and Medicine*', yang menekankan peranan transformasi sel stem dalam perubatan serta potensinya dalam menangani cabaran perubatan yang kompleks. Program ini dihadiri oleh wakil daripada kementerian, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) dan agensi perubatan, dengan lebih daripada 1,800 tontonan dalam talian.

1997-2024:



Geran Penyelidikan RBS telah membuka jalan kepada pembangunan vaksin, penyelidikan kanser, pencegahan penyakit serta inisiatif kesihatan awam, sekali gus menyumbang kepada pembangunan penyelidikan klinikal negara.



Sesi pembentangan oleh penerima geran RBS 2024, Dr Muhammad Farid Nazer, serta penyampaian geran oleh Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang

Simposium Bilateral ASM - Korean Academy of Science and Technology & Memorandum Persefahaman

ASM, dengan kerjasama KAST, telah berjaya menganjurkan Simposium Bilateral ASM-KAST pada 22 Januari 2024 yang merangkumi tiga sesi, iaitu bidang sains makanan dan hayat, sains perubatan, serta kejuruteraan. Program ini memfokuskan pertukaran kepakaran saintifik antara Malaysia dan Korea, sekali gus membuka laluan kepada kerjasama dan perbincangan masa hadapan.

Program tersebut disempurnakan dengan pemeteraian MoU tambahan antara Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc dan Presiden KAST, Profesor Ook Joon Yoo, yang disaksikan oleh komuniti saintifik dari kedua-dua akademi.

Usaha kolaboratif ini mengukuhkan lagi komitmen pertukaran maklumat, pengetahuan dan kepakaran dalam STIE antara kedua-dua negara, sekali gus melanjutkan serta memperkukuh kerjasama yang dimulakan melalui MoU asal yang ditandatangani pada 11 Februari 1999. Kolaborasi yang berterusan ini kekal komited dalam memajukan kerjasama saintifik dan teknologi melalui pelbagai pendekatan, serta menandakan pencapaian penting dalam usaha bersama kedua-dua akademi untuk kemajuan dan inovasi.



Presiden KAST menyampaikan pembentangan berkenaan KAST, diikuti dengan majlis penandatanganan MoU antara ASM dan KAST

Memorandum Persefahaman ASM - Chinese Academy of Sciences

ASM telah menandatangani MoU bersama CAS pada 9 Disember 2024 yang akan meneruskan kerjasama kedua-dua akademi ini sejak tahun 1999 melalui Memorandum Kerjasama Saintifik, Kejuruteraan dan Teknologi. Majlis tersebut melibatkan Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc dan Naib Presiden CAS, Profesor Hongping He.

Dengan komitmen yang diperbaharui ini, ASM dan CAS mengangkat visi bersama ke tahap yang lebih tinggi, dengan tumpuan kepada bidang-bidang baharu seperti neuroteknologi, kecerdasan buatan (AI), pertanian dan tenaga boleh diperbaharui. Salah satu aspek menarik dalam MoU yang diperbaharui ini ialah pertukaran saintis antara kedua-dua negara. Usaha ini juga akan menyokong pelaksanaan MoU yang telah dimeterai awal tahun ini antara kerajaan Malaysia dan China bagi menubuhkan Program Pertukaran Rakyat-ke-Rakyat Sains dan Teknologi Malaysia-China 2025.



Majlis penandatanganan MoU antara ASM dan CAS, disaksikan oleh Menteri MOSTI

Tropical Sciences 2024

Persidangan Antarabangsa Sains Tropika ke-2 2024 (TropSc™2024) bertemakan 'Mengharmonikan Kemanusiaan bersama Alam' telah dianjurkan pada 16 dan 17 Oktober 2024. Penganjur bagi program ini adalah Tropical Science Foundation (TSF) dengan kerjasama ASM, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dan mendapat sokongan daripada Kerajaan Sarawak. Acara ini telah dirasmikan oleh Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg.

Tema:



Pertanian
Tropika



Seni Bina dan
Kejuruteraan Tropika



Perubahan
Tropika



Sumber Asli
Tropika

Tema Khas:



Perubahan Iklim di
Kawasan Tropika



Sains Terbuka dalam
Biodiversiti Tropika



Perlindungan Pengetahuan
Peribumi dan Tempatan
di Kawasan Tropika

20

Negara

321

Peserta secara
fizikal

4

Perkongsi
strategik

18

Sesi

TropSc™2024 mempunyai agenda yang kukuh, dengan objektif utama untuk membentuk sebuah Perikatan untuk Kawasan Tropika, iaitu satu rangkaian kerjasama yang bertujuan menangani cabaran dan potensi kawasan ini. Persidangan ini diakhiri dengan '*Kuching Declaration for the Tropics*' yang diketuai oleh Pengarah Eksekutif TSF, Academician Emerita Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr Mazlan Othman FASc. Deklarasi ini menekankan kepentingan dan cabaran kawasan tropika serta menyeru penglibatan pelbagai pemegang taruh, termasuk kerajaan, NGO, akademik dan komuniti setempat untuk bekerjasama demi masa hadapan kawasan Tropika.

TropSc™2024 juga menyediakan platform untuk mengiktiraf individu yang menunjukkan kecemerlangan dalam penyelidikan, inovasi dan komunikasi berimpak tinggi dalam bidang masing-masing.

Pembentang Lisan Terbaik:

Pertanian Tropika

Nicodemus Ujih (Sarawak Tropical Peat Research Institute, Malaysia)

Seni Bina & Kejuruteraan Tropika

Dr Bridgid Chin Lai Fui (Curtain University, Malaysia)

Perubahan Tropika

Dr Eugenie Tan (UCSI University, Malaysia)

Sumber Asli Tropika

Siew Te Wong (Bornean Sun Bear Conservation Centre, Sabah, Malaysia)

Perubahan Iklim di Kawasan Tropika

Mike Espenberg (University of Tartu, Estonia)

Sains Terbuka dalam Biodiversiti Tropika

Dr Nurzatil Sharleeza Mat Jalaluddin (Universiti Malaya)

Pembentangan Poster Terbaik

Floristic Composition of Maludam Peat Swamp Forest, Sarawak, Malaysia

Lijan John Anak Ahmui
(Sarawak Tropical Peat Research Institute, Malaysia)



Sekitar Persidangan Antarabangsa TropSc 2024 yang ke-2



Menjelang persidangan ini, beberapa siri webinar telah dianjurkan sebagai platform yang berkesan untuk dialog dan perkongsian ilmu sekali gus mengukuhkan komitmen kami dalam menangani cabaran dan potensi kawasan Tropika.

Hari Kejuruteraan Sedunia

4 Mac 2024

Engineering for a Greener Tomorrow

Hari Hutan Antarabangsa

21 Mac 2024

Forest Issues of the Tropics

Hari Kesihatan Sedunia

4 April 2024

Empowering Voices: Advocating for Health Rights

Hari Biodiversiti Sedunia

20 Mei 2024

From Agreement to Action: Build Back Biodiversity

Hari Konservatif Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa

26 Julai 2024

Mangroves: Guardians of Our Coasts

Hari Belia Antarabangsa

29 Ogos 2024

Youth Digital Pathways for Sustainable Development

Hari Antarabangsa Orang Asal Sedunia

5 September 2024

Protecting the Rights of Indigenous Peoples in Voluntary Isolation and Initial Contact

Hari Gunung Antarabangsa

11 Disember 2024

Mountain Solutions for a Sustainable Future – Innovation, Adaptation, Youth, and Beyond

"Kami komited untuk memupuk penyelidikan, menggalakkan inovasi dan menyokong inisiatif pemuliharaan yang dipacu oleh komuniti bagi memastikan ekosistem ini terus berkembang maju untuk generasi akan datang. Bagi pihak Kerajaan Sarawak, saya ingin mengulangi komitmen teguh kami dalam memelihara dan mengurus khazanah tropika kita secara lestari."

YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg,
Premier Sarawak



Imbas di sini untuk membaca laporan penuh

ASEAN Ahead

Dalam era pascanormal yang dicirikan oleh keberantakan, kerumitan dan kesalingcanggahan ini, kita berdepan dengan realiti baharu dan satu perjalanan yang mencabar dengan pelbagai liku. Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) harus diposisikan sebagai satu kuasa global (*global powerhouse*) untuk kekal ke hadapan dan ini memerlukan tindakan kolektif oleh semua Negara Anggota ASEAN (AMS).

Pada tahun 2019, ASEAN Foresight Alliance (AFA) telah ditubuhkan bagi menghubungkan ASEAN dengan inisiatif daya jangka global. ASM telah menghasilkan laporan '*ASEAN Ahead: ASEAN STI Ecosystem Foresight 2035 and Beyond*' yang memfokuskan arah masa hadapan dalam STI di ASEAN. Idea utamanya adalah untuk negara-negara ASEAN bekerjasama secara kolektif dalam mendepani trend ini demi manfaat bersama seluruh komuniti.

Laporan tersebut membentangkan empat senario masa hadapan. Latihan daya jangka ini telah dibiayai dan dijalankan secara proaktif oleh ASM bagi memberi input dan seruan bertindak dalam mengemudi masa hadapan ASEAN ke arah 2050 berteraskan STIE. Ia menerima dan mencadangkan penyelesaian untuk menyokong pembangunan komuniti ASEAN yang inklusif, dinamik, berdaya tahan dan lestari, dengan menggabungkan kepakaran pelbagai pemegang taruh di seluruh AMS, menerusi inisiatif dana jangka (*foresight*) ini, AMS mengukuhkan posisi strategik di peringkat serantau dan global.



Pembentangan ASEAN AHEAD: ASEAN STI Ecosystem Foresight 2035 and Beyond oleh Academician Profesor Emerita Tan Sri Datuk Sri Dr Mazlan Othman FASc semasa Mesyuarat ASEAN COSTI ke-85 (COSTI-85)



10 ahli Lembaga Penasihat ASEAN Foresight Alliance



10 ahli Kumpulan Penyelidikan ASEAN Foresight



43 kementerian dan institusi yang terlibat dalam pelan dan inisiatif negara



8 sesi FGD yang melibatkan




8 Negara Anggota ASEAN



102 wakil yang terlibat sepanjang kajian

Dalam membangunkan laporan ini, ekosistem STIE ASEAN, interaksinya dengan Kuasa Perubahan Global, serta impaknya telah dianalisis melalui Rangka Kerja Triple-10. Hasilnya, laporan ini menekankan penghasilan kemakmuran sektor sosioekonomi yang digerakkan oleh STIE dan kepentingan memanfaatkan kuasa-kuasa ini dalam mengemudi masa hadapan ASEAN. MSN telah meluluskan inisiatif ASEAN Ahead yang membayangkan ASEAN sebagai kuasa inovasi masa hadapan.

Sebagai satu kuasa global, ASEAN berhasrat untuk mencapai kemakmuran bersama menjelang 2050 yang bergantung kepada daya tahan serantau berteraskan STIE dan etos berpaksikan nilai, dengan mempromosikan kemakmuran bersama melalui kerjasama, kesepaduan dan perpaduan dalam menghadapi cabaran merentas sempadan. Kerjasama merujuk kepada usaha bersama dalam kalangan negara anggota, kesepaduan menekankan keperluan dasar dan tindakan yang selaras, manakala perpaduan menggariskan kepentingan kesatuan dan solidariti. Melalui penyatuan serantau, sebuah ASEAN yang makmur, berkembang maju dan berdaya tahan menjelang 2050 dan seterusnya boleh direalisasikan.



Laporan ini telah melalui pelbagai peringkat pengesahan:

13 September 2023

Diluluskan oleh Lembaga Penasihat AFA

3 Jun 2024

Mesyuarat ke-60 Jawatankuasa Kecil ASEAN mengenai Pembangunan Infrastruktur dan Sumber Sains & Teknologi (SCIRD-60)

4 Jun 2024

Mesyuarat ke-85 Jawatankuasa ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (COSTI-85)

7 Jun 2024

Mesyuarat Menteri ASEAN ke-20 mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (AMMSTI-20)

4 November 2024

Dibentangkan dan disahkan oleh NSC

APEC Open Science Alliance

Sempena kejayaan *Malaysia Open Science Alliance* yang telah ditubuhkan untuk mempelopori agenda sains terbuka negara, Malaysia telah mengetengahkan konsep APECOSA semasa program *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC) pada tahun 2023 di Amerika Syarikat, seiring dengan tahun meraikan sains terbuka. Visi APECOSA adalah untuk memastikan bahawa ekonomi-ekonomi APEC dapat memanfaatkan teknologi digital bagi mencari penyelesaian terhadap cabaran serantau dan global demi pembangunan yang inklusif dan mampan, mempromosikan pelaksanaan penyelidikan yang bertanggungjawab (ketelusan dan mengelakkan pengulangan penyelidikan yang tidak perlu), serta menghapuskan halangan kepada aliran bebas pengetahuan melalui pemeliharaan, kebolehcapaian dan kebolehgunaan semula data.

Menerusi visi ini, ASM dengan kerjasama Majlis Sains Antarabangsa (ISC), telah menganjurkan dua bengkel APECOSA, secara maya pada 20 Jun 2024 dan fizikal di Lima, Peru, semasa mesyuarat ke-24 *Policy Partnership on Science, Technology and Innovation* (PPSTI) pada 18 Ogos 2024. Sebagai penyelia projek APECOSA, Profesor Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc telah membentangkan dan menyelia kedua-dua bengkel tersebut.


Bengkel secara maya dan fizikal ini telah menarik:

16 penceramah dan moderator

76 peserta

19 ekonomi APEC

3 ekonomi bukan APEC



17 APEC Economies have Open Science related initiatives

- Open Science initiative in APEC Economies
- Open Science initiative in non-APEC economies
- Open Science initiative by global institution/regions

*List is non-exhaustive

Ekonomi APEC mempunyai tahap inisiatif dan aktiviti sains terbuka yang berbeza-beza. Telah dipersetujui bahawa untuk memacu sains terbuka, tumpuan penting adalah seperti berikut:

- **Dasar dan Garis Panduan** bagi memudahkan pelaksanaan amalan sains terbuka dalam ekonomi, pengagihan dana untuk menyokong sains terbuka dan memastikan penyelidik mendedahkan penyelidikan mereka, terutamanya projek yang dibiayai oleh dana awam, kepada umum.
- **Pembangunan Kapasiti** dalam kalangan pemegang taruh penyelidikan seperti penyelidik, pustakawan, pegawai kerajaan, pegawai undang-undang dan pegawai sokongan penyelidikan untuk memastikan peralihan yang lancar ke arah sains terbuka.
- **Amalan Pengurusan Data Penyelidikan**, termasuk piawaian metadata dan pembangunan pelan pengurusan data penyelidikan.
- **Infrastruktur dan Infostruktur**, yang menyokong perkongsian data untuk meningkatkan ketersediaan dan kebolehcapaian terhadap pengetahuan saintifik dan membolehkan kerjasama antarabangsa dan pelbagai disiplin.

APECOSA merupakan saluran penting bagi ekonomi APEC untuk berkongsi amalan terbaik dalam sains terbuka bagi memacu kemajuan STI di rantau ini. Pembentangan mengenai APECOSA telah menggariskan hala tuju strategik perikatan ini, dengan mencadangkan penubuhan hubungan rasmi dengan titik fokus sains terbuka dari setiap ekonomi APEC. Matlamatnya adalah untuk membentuk perikatan ini secara rasmi menjelang tahun 2026, dengan projek perintis yang memanfaatkan perikatan ini dirancang untuk tahun 2027.



Profesor Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc di bengkel APECOSA semasa Mesyuarat PPSTI ke-24 di Lima, Peru



KPE ASM menyampaikan pembentangan pembuka tirai semasa PPSTI Workshop on Landscape Study and Benchmarking bagi Open Science Alliance APEC



Para peserta bengkel APECOSA



Imbas di sini untuk membaca laporan penuh

Forum Science Academies of Asia

Susulan pembaharuan MoU antara ASM dan KAST, serta penganjuran Simposium Dua Hala ASM-KAST 2024 pada 22 Januari 2024, Presiden ASM telah dijemput oleh KAST untuk menyertai *Forum Science Academies of Asia* (SAAF) 2024 yang berlangsung di Seoul dari 19–22 November 2024. Program ini turut merangkumi lawatan industri ke Muzium Inovasi Samsung dan Pangyo Techno Valley. SAAF 2024 membincangkan tema “Kemajuan Sains dan Teknologi di Asia”. Presiden dan wakil daripada 10 akademi sains, termasuk Association of Societies of Sciences in Asia (AASSA), telah menyertai forum ini untuk berkongsi pengalaman serta membincangkan kemajuan sains dan teknologi di Asia demi pertumbuhan mampan dan kemakmuran bersama.

Di akhir forum, satu Deklarasi Bersama untuk Kemajuan Sains dan Teknologi di Asia telah ditandatangani oleh AASSA, KAST, Indonesia Academy of Sciences, Science Council of Japan, Nepal Academy of Science and Technology, Pakistan Academy of Science, Science Council of Asia, National Academy of Science and Technology of the Philippines, Turkish Academy of Sciences dan Academy of Sciences of the Republic of Uzbekistan. Deklarasi bersama ini sebulat suara mengiktiraf keperluan untuk meningkatkan bajet penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia, memperluas program pendidikan sains dan teknologi, memodenkan infrastruktur penyelidikan saintifik, serta menyokong inisiatif penyelidikan bersama dan kerjasama pendidikan dalam kalangan saintis serantau.


Sepanjang lawatan ke Seoul, Presiden ASM turut mengambil peluang untuk mengadakan kunjungan hormat ke Korea Institute of S&T Evaluation and Planning (KISTEP) dan Kementerian Sains dan ICT (MSIT) bagi mendapatkan pandangan berkenaan tadbir urus STI Korea serta dasar-dasar STI yang memacu dan memperkukuh ekosistem dan pembangunan STI di Korea.



President KAST semasa ucapannya di *Forum Science Academies of Asia*



Sesi bergambar bersama Ahli-Ahli Deklarasi Bersama untuk Kemajuan Sains dan Teknologi di Asia



Pegawai KISTEP memberi penerangan lanjut berkenaan tadbir urus STI Korea

Bengkel Diagnostik dan Terapeutik ASM - Academy of Medical Sciences UK

Perubahan demografi di Asia Tenggara telah meningkatkan permintaan terhadap kemudahan diagnostik dan farmaseutikal, sekali gus menentengahkan keperluan untuk akses dan kemampuan yang lebih baik. Ketidaksamarataan dalam akses kepada diagnostik dan rawatan, terutamanya di kawasan luar bandar, menjadi cabaran besar dalam mencapai liputan kesihatan sejagat.

Bagi menangani isu ini, ASM dan Academy of Medical Sciences UK (AMS) telah menganjurkan Bengkel Diagnostik dan Terapeutik dari 1-2 Julai 2024 bagi memperkukuh pembangunan dan kebolehcapaian diagnostik serta terapeutik di seluruh SEA, dengan Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemandu.

Bengkel ini berlangsung selama dua hari dengan matlamat untuk menangani jurang penjagaan kesihatan yang ketara di Asia Tenggara. Program ini menghimpunkan peserta daripada pelbagai latar belakang dan menampilkan perbincangan serta sumbangan daripada pakar-pakar terkemuka. Hari pertama dimulakan dengan pembentangan utama yang menarik daripada penceramah ternama, diikuti dengan sesi panel pakar. Di hari kedua, pakar tempatan dan antarabangsa berkongsi kajian kes yang berimpak tinggi, yang kemudiannya mendorong kepada pembentangan berkumpulan secara kolaboratif.

Acara ini diakhiri dengan sesi pleno di mana beberapa tindakan utama telah dikenalpasti, termasuk menggalakkan kerjasama merentas Asia Tenggara melalui penglibatan kerajaan dan pembuat dasar, membangunkan platform peraturan ASEAN yang adaptif bagi diagnostik dan terapeutik, serta merombak sistem pendidikan untuk melahirkan penyelidik yang lebih memahami ekosistem penjagaan kesihatan. Penggunaan teknologi baharu seperti alat kesihatan digital, teleperubatan dan AI turut ditekankan sebagai elemen penting dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan kesihatan. Di samping itu, strategi untuk memastikan kesiapsiagaan ekosistem tempatan turut diberi penekanan. Forum ini diharapkan memperkasa peserta untuk memacu perubahan bermakna di negara dan institusi masing-masing.

Bengkel ini melibatkan:



60

tokoh dan pakar terkemuka



10

negara

"Berlainan daripada apa yang dicari sains normal, perilaku baru muncul tidak dapat diramal. Teknologi kembar digital bagi sistem kesihatan mungkin apa yang kita perlukan dalam mencari persekitaran operasi yang selamat dan optimum. Kita hanya boleh berharap agar sistem kesihatan yang kita bina akan menggalakkan kehidupan yang sihat dan bermakna."

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc



Sorotan sepanjang Bengkel Diagnostik dan Terapeutik ASM - AMS UK



Imbas di sini untuk membaca laporan penuh

Program Pelajar Musim Panas CERN

ASM turut menerajui projek kolaboratif bersama European Organisation for Nuclear Research (CERN) menerusi program pertukaran saintifik dan kolaborasi melibatkan saintis untuk memperkukuh kecemerlangan dalam STI.

Dua pelajar cemerlang Malaysia, Nurul Nabiilah Sulaiman, 25, dan Shim Zi Jun, 23, telah terpilih untuk menyertai Program Pelajar Musim Panas CERN 2024 (CSSP) di Geneva, Switzerland. Mereka merupakan antara 150 saintis muda dari seluruh dunia yang diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam operasi harian pasukan penyelidik yang menjalankan eksperimen di CERN. Program ini telah berlangsung dari 1 Julai hingga 25 Ogos 2024.

Pada 11 September 2024, mereka telah mengadakan sesi perkongsian bersama Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang. Dalam sesi tersebut, beliau dimaklumkan bahawa program ini bukan sahaja merangsang minat pelajar terhadap bidang sains, fizik, pengkomputeran dan kejuruteraan, malah turut memberi pendedahan dan peluang jaringan yang berharga bersama penyelidik antarabangsa. Beliau turut menegaskan komitmen kerajaan untuk meneruskan dan memperluaskan penyertaan pelajar dalam program antarabangsa berprestij, seperti CSSP, sebagai sebahagian daripada usaha menyasarkan lebih ramai pelajar dan bakat Malaysia ke persada penyelidikan global.



Shim Zi Jun berpeluang menyaksikan secara langsung salah satu eksperimen yang dijalankan

Mesyuarat Nobel Laureate Lindau

Mesyuarat Tahunan Nobel Laureate Lindau yang diadakan di Lindau, Jerman, menghimpunkan Penerima Anugerah Nobel dan saintis muda dari seluruh dunia untuk bertukar pengetahuan, idea dan pengalaman. Mesyuarat ini menyediakan peluang unik kepada penyelidik muda untuk berinteraksi dengan saintis terkemuka.

ASM, sebagai Institusi Pencalonan mesyuarat ini sejak tahun 2004, telah memilih saintis muda Malaysia yang berpotensi tinggi bagi menyertai perhimpunan yang berprestij ini. Sehingga kini, seramai 86 saintis muda Malaysia telah terpilih untuk menyertai mesyuarat tersebut.

Wakil dari Malaysia, Nur Alia Sheh Omar, 32, dan Tang Jia Heak, 21, telah berkongsi perjalanan dan pandangan inspirasi mereka mengenai penyelidikan masing-masing pada 30 Jun hingga 5 Julai 2024 dan bagaimana mereka berpotensi membentuk masa hadapan sains di peringkat global. Mereka turut disertai lebih 600 saintis muda cemerlang dari lebih 90 buah negara serta berpeluang berinteraksi secara langsung dengan 30 Penerima Anugerah Nobel.

Program ini bertujuan untuk memberikan kesan positif yang berkekalan kepada para peserta untuk menangani isu-isu kritikal dan memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat melalui kemajuan sains dan teknologi.



Nur Alia Sheh Omar (hujung kanan) bersama para peserta Mesyuarat Nobel Laureate Lindau



Imbas di sini
untuk mendengar
podcast

International Science, Technology, and Innovation Centre

International Science, Technology, and Innovation Centre for South-South Cooperation under the auspices of UNESCO (ISTIC) adalah Pusat Kategori 2 UNESCO yang dihoskan oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 2008.

Salah satu program utama ialah Simposium Antarabangsa Pusat Kategori 2 UNESCO dalam Sains Semula Jadi pada Mei 2024 di Kuala Lumpur. Simposium ini menghimpunkan lebih 70 wakil daripada Pusat Kategori 2 UNESCO seluruh dunia. Dengan tumpuan kepada pengukuhan penyelarasan dan pemajuan SDG, simposium ini menyediakan platform dinamik untuk dialog, tinjauan semula dan kerjasama. Para peserta membincangkan kaedah untuk memperkemas usaha dan berkongsi amalan terbaik bagi meningkatkan impak kolektif pusat-pusat ini. Program ini menyerlahkan peranan penting STI dalam menangani isu-isu global yang kompleks seperti perubahan iklim, pengurusan sumber, dan pembinaan kapasiti di kawasan yang kurang mendapat perhatian.

ISTIC turut melancarkan program perdana yang dirancang bagi menangani cabaran STI khusus yang dihadapi oleh negara membangun. Program Latihan Inovasi STI KISTEP-ISTIC (Julai 2024, Malaysia) telah memperkasakan peserta dengan alat dan kerangka inovatif untuk menangani isu pengkomersialan sains dan teknologi. Sementara itu, Program Latihan Antarabangsa mengenai Polisi STI (September 2024, Malaysia) menawarkan pendekatan mendalam terhadap strategi untuk mengintegrasikan STI dalam agenda pembangunan negara. Aktiviti praktikal, latihan membina senario dan perbincangan mendalam ini mempersiapkan peserta untuk mengurus STI dan pembangunan sosioekonomi dengan yakin dan jelas.

Menyedari juga keperluan untuk pembinaan kapasiti serantau, ISTIC telah meluaskan jangkauannya melalui Bengkel Afrika Timur (April 2024, Kenya) dan Bengkel Afrika Selatan (Julai 2024, Afrika Selatan), yang menyediakan latihan praktikal dalam penulisan cadangan penyelidikan dan kerjasama transdisiplin. Sementara itu, Bengkel Pendidikan AI (November 2024, Malaysia) membuka lembaran baharu dengan memperkenalkan pendidik kepada konsep kecerdasan buatan dan metodologi pengajaran yang praktikal. Bengkel ini membantu mempersiapkan generasi masa hadapan untuk cemerlang dalam dunia yang semakin digital dan automatik, dengan menyelaraskan sistem pendidikan dengan keperluan industri.

ISTIC terus komited untuk memperkukuh peranan STI, khususnya dalam negara-negara Selatan Global. Dengan meneruskan kerjasama bersama rakan kongsi global dan serantau, ISTIC akan memperluas usahanya untuk menangani keutamaan baharu dan memastikan tiada negara yang tercicir dalam perjalanan menuju masa hadapan yang mampan dan inklusif.



Peserta dan penganjur daripada ISTIC, NRF, dan FEAHLC di Bengkel Serantau Afrika Selatan mengenai Penguasaan Penulisan Cadangan Penyelidikan di Afrika Selatan



Menteri MOSTI bersama Penolong Ketua Pengarah Sains Asli UNESCO, Puan Lidia Brito, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah ISTIC, Profesor Basyarudin Abdul Rahman, di Simposium UNESCO C2C



Para peserta semasa Program Latihan Inovasi S&T KISTEP-ISTIC 2024



MEMBENTUK MASA HADAPAN MELALUI SEMPADAN BAHARU & SOLUSI INOVATIF



National Science Challenge

Selama dua tahun berturut-turut, *National Science Challenge* (NSC) telah mendapat penyertaan lebih daripada **9,000 kumpulan** yang melibatkan hampir **30,000 pelajar** dari seluruh negara. NSC telah disertai oleh:

29,067
pelajar

9,689
kumpulan



40.8%
lelaki



59.2%
perempuan



1,622
guru
mentor

670
Sekolah



522
sekolah
bandar
(77.9%)



148
sekolah
luar bandar
(22.1%)

Tema Memacu 'Era Transformasi Digital: Merintis Inovasi dan Penyelesaian Mampan' telah dipilih untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan transformasi digital yang seiring dengan nilai-nilai kemanusiaan. NSC telah mengadakan semula STEM Camp di Peringkat Separuh Akhir secara fizikal yang membantu interaksi langsung di antara pelajar dan para saintis, di samping mengetengahkan bimbingan, peluang pembelajaran secara amali, aplikasi sains di dunia nyata serta pendedahan kepada kehidupan di universiti.



Peringkat Akhir:
24 September 2024



Peringkat Separuh Akhir:
17 – 21 September 2024



Pendaftaran:
1 April–31 Mei 2024



Peringkat Awal:
18–30 Jun 2024

Peringkat Negeri:
22–25 Julai 2024



ASPECTS OF SCIENCE INVOLVED:

1. Science Process
2. Communication and Collaboration
3. Problem Solving
4. Creativity and Innovation

NSC 2024 telah menunjukkan impak yang ketara terutamanya dari segi pembangunan bakat STEM di Malaysia.

1. Menyokong Matlamat Pendidikan Negara

NSC bergerak seiring dengan agenda negara untuk meningkatkan bilangan pelajar yang memilih aliran STEM, selaras dengan keperluan negara untuk menyediakan generasi yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi dan jasmani.

2. Membangunkan Bakat Sedia Masa Hadapan

NSC memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan kemahiran menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan berkolaborasi di samping pemikiran kritis dan kreatif. Pelajar juga telah membangunkan nilai-nilai analitik dan kepimpinan.

3. Membentuk Pemimpin dan Saintis Muda

Pelajar telah berpeluang untuk mengemukakan idea yang inovatif serta berinteraksi dengan pakar-pakar dan fasilitator dari pelbagai bidang saintifik dan pelajar-pelajar dari seluruh negara.

4. Pendedahan di Peringkat Antarabangsa

Pemenang NSC telah diberi pendedahan kepada inovasi dan budaya STEM antarabangsa melalui program Sakura Science Exchange Programme di Jepun.

Pengukuhan pembelajaran formal melalui aktiviti tidak formal seperti pertandingan NSC ialah kaedah penting untuk memupuk minat mendalam pelajar terhadap subjek STEM.

Menteri MOSTI,
YB Tuan Chang Lih Kang



Juara National Science Challenge 2024, Benedict Lau Shu Xian, Chua Poh Hui dan Parousia Kong Chii Kai dari Sekolah Menengah Swasta St. Joseph, Sarawak



Juara: Sekolah Menengah Swasta St. Joseph, Sarawak



Naib Juara: MRSM Langkawi, Kedah



Tempat Ketiga: SMK Sultan Ismail, Johor



Tempat Keempat: MRSM Gerik, Perak



Tempat Kelima: SMK Jit Sin, Pulau Pinang

Pengiktirafan Baharu 2024:

Penyertaan Sekolah Yang Tertinggi:

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Penyertaan Sekolah Luar Bandar Tertinggi:

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Pelajar Terbaik STEM Kuiz Peringkat Awal:

Joanne Lim Yii Jun, SMK Bintulu, Sarawak

Komunikator STEM Terbaik:

Chuah Yee Jia, SMK Sultan Ismail, Johor



Imbas di sini
untuk menonton
sorotan
Peringkat Akhir

Biodiversiti Kepersisan

Malaysia sebagai salah satu daripada 12 negara mega biodiversiti di dunia komited untuk melindungi planet dan memberikan pulangan sosioekonomi secara efektif melalui cadangan-cadangan Kertas Strategik Biodiversiti Kepersisan (PBD).


Program Pendigitalan dan Internet Benda (IoT) untuk Biodiversiti merupakan pembangunan projek perintis di Hutan Simpan Pasoh yang diterajui oleh ASM dengan kerjasama pasukan teknikal dari UTM, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Projek ini bertujuan membangunkan sebuah sistem pendigitalan biodiversiti dengan aplikasi IoT untuk memantau biodiversiti Malaysia. Matlamat jangka panjang ialah untuk memperluas pelaksanaan sistem ini ke hutan-hutan simpan lain di seluruh negara.

Mesyuarat Perikatan PBD yang pertama telah diadakan pada 14 Februari 2024 di ASM. Objektif mesyuarat tersebut ialah untuk memajukan pembangunan PBD dan menggalakkan serta mempergiat penerimaan teknologi termaju di Malaysia. Mesyuarat tersebut telah bertindak sebagai platform untuk mengetengahkan perkembangan projek dan perkongsian daripada ahli-ahli Perikatan.

Pada masa ini, Perikatan PBD mempunyai 31 orang ahli daripada 16 organisasi.



31
ahli



16
organisasi

Pada tahun ini, sebuah MoU telah ditandatangani bersama FRIM, salah sebuah pemegang taruh utama ASM. Kerjasama ini telah memudahkan perkongsian dan pertukaran data kritikal secara rasmi untuk membolehkan pendigitalan dan penjadualan maklumat penting untuk kegunaan projek di masa hadapan. Selain itu, sebuah laman sesawang dan aplikasi mudah alih telah dibangunkan untuk memperkemas tugas harian penyelidik serta memudahkan pengumpulan data. Pada masa ini, aplikasi mudah alih tersebut telah selesai melalui ujian sistem.




Kamera perangkap merekod kehadiran haiwan yang akan diklasifikasikan menggunakan teknologi AI di hutan Pasoh



Dron yang digunakan bagi merekod imej kanopi Hutan Pasoh secara masa nyata



Pengerusi Perikatan PBD, Dr Helen Nair FASc, mengetuai Mesyuarat Perikatan PBD



Aktiviti

- **Bengkel Simulator Ekologi bersama FRIM**
30 April, 11 & 12 Jun, 21 & 22 November 2024

- **Bengkel Penyelarasan Data**
12 September 2024

Usaha-usaha ini telah merancang aspek teknikal bagi projek berkenaan, memperhalus input dan mengesahkan dapatan untuk memperbaiki hala tuju teknikal di samping meningkatkan kerjasama di antara pemegang taruh.

- **Lawatan ke Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) di Hutan Simpan Pasoh**
26 September & 11 November 2024


Lawatan tersebut telah diadakan untuk mengenal pasti lokasi terbaik untuk memasang penderia IoT dan memantau proses pemasangan. Langkah ini merupakan satu detik penting dalam memajukan pelaksanaan pemantauan berasaskan IoT untuk PBD.

Sebuah program tiga-fasa secara menyeluruh telah diadakan yang melibatkan Latihan Asas, Pembangunan dan Penggunaan.

Pada tahun ini, fasa latihan pembangunan telah membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran teknikal yang relevan kepada projek tersebut. Sesi tersebut telah dijalankan dengan kerjasama UTM dan UPM untuk memastikan bahawa arahan dan pengetahuan disampaikan dengan baik seterusnya meningkatkan pembinaan keupayaan dalam kalangan pemegang taruh.



11
modul latihan



14
organisasi



89
peserta



Pegawai botani FRIM memberi penerangan tentang kaedah pengelasan spesimen herbarium kepada ahli kumpulan teknikal PBD

- **Proses Pendigitalan**
Menjelang akhir 2024,



2,800
spesimen
serangga daripada
3 genus (*Papilio*,
Orientopsaltria,
Chremistica)



6,000
spesimen
herbarium
daripada 2 famili
(*Burseraceae*,
Dipterocarpaceae)



4,000
imej perangkap
kamera dengan 39
spesis vertebrat yang
dikenal pasti melalui
imej tersebut.

Perkembangan yang signifikan telah dicapai melalui pembangunan model AI dan pemasangan sistem IoT yang lengkap. Dengan adanya infrastruktur utama, fasa seterusnya akan dimulakan pada tahun 2025 di mana robot dan dron akan digerakkan untuk mengumpul data baharu dan meningkatkan kepintaran sistem. Simulator ekologi akan menjana pemahaman yang bernilai untuk pengurusan biodiversiti, manakala aplikasi baharu akan meningkatkan lagi impak. Teknologi maju akan terus diperhalusi dan diintegrasikan pada masa hadapan untuk memacu inovasi dan memastikan pendekatan yang lebih berkesan dan mampan dalam memelihara ekologi Malaysia.


Wireless Bridging System

Wireless Bridging System (WBS) merupakan salah sebuah inovasi yang diterajui oleh ASM bertujuan meluaskan keterkaitan internet kepada komuniti ketinggalan dan terbatas, khususnya untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdPR) dan e-keusahawanan. Inisiatif tersebut melengkapi usaha kerajaan untuk merapatkan jurang digital dalam kawasan luar bandar melalui teknologi yang menggunakan sumber sedia ada untuk meluaskan kawasan liputan dan kelajuan akses.

Susulan daripada Pembuktian Konsep (PoC), WBS telah dipasang di Sekolah Kebangsaan Simbuan Tulid di Keningau, Sabah di bawah Ekonomi MADANI: Inisiatif Memperkasa Rakyat. Tempoh pelaksanaan yang cepat (dalam tempoh setahun, dari Oktober 2023 hingga Oktober 2024) termasuk fasa pembuktian telah menunjukkan potensi sistem tersebut dalam melengkapi azam kerajaan untuk mencapai 100% liputan jalur lebar mudah alih menjelang tahun 2025 dan menawarkan penyelesaian yang pantas dan mampu milik untuk menaik taraf capaian internet dalam kawasan terpencil.

Sebagai perancangan masa hadapan, peluasan akses kepada teknologi dan maklumat harus menjadi tumpuan utama. Usaha ini akan membuka peluang untuk pembelajaran dalam talian dan merangsang pertumbuhan ekonomi setempat melalui keusahawanan digital, seterusnya memupuk komuniti yang lebih inklusif dan saling terkait.

Pemasangan WBS di Keningau, Sabah telah memberi manfaat kepada:



Sesi Perluasan Capaian Internet Wireless menggunakan teknologi Sistem *Wireless Bridging* bersama MOSTI, ASM, rakan strategik dan komuniti setempat



Dua Bridge (penghantar) yang dipasang di sekolah bagi menghubungkan internet ke kedai koperasi dan rumah-rumah penduduk kawasan Simbuan, Tulid, Keningau



Lokasi *Access Point* yang menghubungkan internet sehingga tadika dan makmal serta kawasan belakang sekolah



Inisiatif ArtScience™ telah ditubuhkan pada tahun 2019 untuk menggabungkan seni dan sains seterusnya memupuk kreativiti dan inovasi di Malaysia. Inisiatif tersebut juga bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam amalan lestari dan kreatif di samping menggalakkan usaha-usaha pembudayaan bidang kesenian dan saintifik.

Untuk menggalakkan ekosistem ArtScience™ yang aktif, sebuah program dwitahunan iaitu ASM ArtScience™ Prize telah diadakan selari dengan bidang keutamaan budaya dan sekitaran Malaysia yang mengiktiraf karya dan projek yang mencerminkan objektif ini.

Beberapa aktiviti yang bertujuan mencetus pengalaman amali dan memupuk kolaborasi antara disiplin telah diadakan:

ASM ArtScience™ Bamboo Workshop 1: Ideation and Understanding **3-4 Januari 2024**

Bengkel ini telah memperkenalkan peserta kepada buluh sebagai bahan yang lestari. Aktiviti seperti ceramah oleh pakar jemputan dan lawatan ke FRIM telah diadakan.

Sesi Rangkaian dan Pendedahan Multimedia **12 November 2024**

Sesi yang diadakan dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah menjalinkan peserta dengan pakar industri, seterusnya meningkatkan kemahiran mereka dari segi media dan teknologi digital.

ASM ArtScience™ Bamboo Workshop 2: Model Making and Practical Application **16-18 November 2024**

Peserta telah meningkatkan kemahiran mereka menerusi penghasilan model skala menggunakan buluh dan meneroka pelbagai kegunaan bahan tersebut.

Digital Art Intensive Training Session **28-30 November 2024**

Program yang berlangsung selama tiga hari ini bertujuan melatih peserta dalam kemahiran seni digital terkini dan memupuk inovasi dalam multimedia.



WEHAB++

Bengkel *Beyond COVID-19: Innovating for the Next Pandemic*

ASM, Monash University Malaysia dan Crowell & Moring International telah menganjurkan bengkel *Beyond COVID-19: Innovating for the Next Pandemic* pada 5 April 2024.

Bengkel tersebut telah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Kesihatan WEHAB++, termasuk 11 orang pakar ASM daripada SIG COVID-19 dan Zoonosis. Bengkel tersebut telah mengiktiraf Kertas Posisi COVID-19 2021 ASM sebagai sumber rujukan utama semasa bengkel tersebut. Bengkel tersebut turut disokong oleh Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd.

Bengkel tersebut menampilkan pakar-pakar dalam bidang kesihatan dari sektor kerajaan, akademik, swasta dan masyarakat awam untuk membincangkan strategi dan cadangan untuk memperkasa kesediaan pandemik dan ketahanan sistem kesihatan di Malaysia. Pengerusi Kertas Posisi ASM COVID-19, Profesor Dr Rosnah Mohd Zain FASc, telah menekankan kepentingan membangunkan strategi yang boleh dilaksanakan melalui pendekatan melibatkan semua sektor untuk meningkatkan kesediaan dalam menghadapi pandemik di masa hadapan.

Bengkel tersebut turut mendapat input melalui sesi perbincangan mendalam untuk merangka strategi di samping mengenal pasti peranan pelbagai pemegang taruh dan pemboleh daya utama dalam rangka kerja. Cadangan yang telah diperolehi semasa bengkel tersebut akan dimasukkan ke dalam sebuah kertas putih untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Kesihatan pada masa yang terdekat.



Para pakar membincangkan strategi dan cadangan memperkasa kesediaan pandemik dan ketahanan sistem kesihatan di Malaysia



Pertanian Kebersisan

Jawatankuasa Pertanian WEHAB++ dan Kumpulan Kerja Pertanian Kebersisan telah menganjurkan Bengkel Pertanian Jitu ASM 2024: Mengoptimumkan Penanaman Padi Melalui Pertanian Jitu pada 10 Disember 2024.

Bengkel tersebut telah disertai oleh seramai 60 individu daripada agensi kerajaan, akademik, industri dan komuniti pertanian untuk mengenal pasti cabaran dan peluang dalam menggunakan teknologi pertanian kebersisan dalam penanaman padi. Memandangkan Malaysia mengimport 30% beras untuk memenuhi keperluan domestik, meningkatkan hasil padi per hektar adalah penting untuk memastikan keterjaminan makanan negara.

Perbincangan yang diadakan termasuk mengenal pasti halangan, jurang pengetahuan dan laluan strategik dalam pelaksanaan pertanian kebersisan secara berkesan. Para peserta telah berkongsi pandangan dalam memajukan penerimaan teknologi dalam penanaman padi di samping menekankan peningkatan hasil dan kelestarian.

Cadangan daripada bengkel tersebut akan dikumpul dan dibentangkan kepada kementerian yang berkenaan untuk pertimbangan dan tindakan.



Dialog Meja Bulat: Kesan Rundingan Perubahan Iklim ke atas Malaysia

Jawatankuasa ASM WEHAB++ Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana (CCDRR), di bawah kepimpinan Profesor Joy Jacqueline Pereira FASc, telah menganjurkan dialog meja bulat bertajuk 'Dialog Meja Bulat ASM mengenai Implikasi Perkembangan Global terhadap Perubahan Iklim di Malaysia' pada 6 Mei 2024. Dialog ini menghimpunkan pakar perubahan iklim dan pemegang taruh utama, termasuk wakil daripada Khazanah Research Institute dan Third World Network, bagi membincangkan hala tuju dalam memperkukuh kedudukan Malaysia dalam rundingan perubahan iklim global.

Dialog ini mengupas risiko perubahan iklim daripada aspek fizikal dan transisi serta implikasinya yang lebih luas, termasuk dinamik perdagangan, dengan memberi tumpuan kepada jurang pengetahuan dan strategi untuk menanganinya demi menyokong penggubalan dasar yang bermaklumat di peringkat global, nasional, negeri dan tempatan. Fokus utama adalah terhadap Malaysia, walaupun persamaan dan perbezaan dengan kumpulan negara lain seperti ASEAN, China/G77, Negara Membangun yang Sehaluan (LMDC), dan Negara-Negara Pulau Kecil Berkembang (SIDS) turut dibincangkan. Input daripada dialog ini telah disalurkan kepada NRES.

Bagi langkah seterusnya, perincian kerja isu-isu perubahan iklim perlu dikenal pasti, dengan ASM sebagai platform bebas dan berkecuali yang menghimpunkan saintis dan pengamal daripada pelbagai disiplin dan sektor untuk menangani jurang pengetahuan dalam Komunikasi Kebangsaan dan Laporan *Biennial Update Reports* (BUR), serta memperkukuh penyelarasan pasukan perunding melalui peningkatan pengetahuan dan penglibatan pakar bidang dalam isu-isu berkaitan.



Dialog Meja Bulat ASM mengenai Implikasi Perkembangan Global terhadap Perubahan Iklim di Malaysia

Kajian Kebolehlaksanaan Pemprosesan Daging Kultur dan Makanan Berasaskan Sel di Malaysia

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara telah diadakan pada 13 Jun 2024, di mana KKM telah membentangkan kertas cadangan bertajuk 'Cadangan Penetapan Dasar Pengeluaran dan Penjualan Daging Kultur serta Produk Daging Kultur dan Makanan Berasaskan Sel di Malaysia'. Mesyuarat telah memutuskan agar satu kajian kebolehlaksanaan dijalankan bagi meneliti dan menilai potensi serta kebolehlaksanaan pengeluaran daging kultur, produk daging kultur, dan makanan berasaskan sel sebagai sumber alternatif kepada daging di Malaysia secara usaha sama antara KPT dan MOSTI.

Sehubungan itu, MOSTI telah memandatkan ASM untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan tersebut. Satu Pasukan Petugas Pro-Tem bagi Kajian Kebolehlaksanaan Daging Kultur telah diselaraskan oleh Jawatankuasa Pertanian WEHAB++ ASM yang dipengerusikan oleh Profesor Dato' Dr Zulkifli Idrus FASc. Pasukan ini telah mengadakan bengkel pada 14 Ogos 2024 bagi membincangkan dan memuktamadkan sub-projek awal untuk dimasukkan ke dalam cadangan kajian kebolehlaksanaan yang lebih terperinci. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh 32 peserta daripada pasukan projek yang terdiri daripada pakar dari UPM, UTM, USM, Taylor's University, Cell-AgriTech Sdn Bhd, JAKIM serta kementerian-kementerian berkaitan untuk membangunkan cadangan bagi:

- Menjalankan kajian permintaan pasaran dan landskap persaingan daging kultur di Malaysia;
- Menilai keperluan teknikal dan kebolehlaksanaan pengeluaran daging kultur;
- Menilai daya maju kewangan dan ekonomi pengeluaran daging kultur melalui analisis kebolehlaksanaan yang komprehensif, termasuk mengenal pasti serta menilai risiko yang berkaitan, dan menjalankan penilaian impak ekonomi;
- Menjalankan analisis komprehensif berkenaan piawaian keselamatan makanan dan peraturan di Malaysia, dengan fokus kepada pembangunan dan cadangan rangka kerja kukuh untuk pengawalseliaan, pensijilan dan pelabelan daging kultur;
- Menentukan faktor sosio-psikologi dalam penerimaan pengguna Malaysia terhadap daging kultur;
- Menilai kelestarian dan impak alam sekitar pengeluaran daging kultur melalui perbandingan kecekapan sumber berbanding pengeluaran daging konvensional; dan
- Mengenal pasti risiko berpotensi dan strategi mitigasi bagi pengeluaran daging kultur.

Dengan penambahbaikan lanjut hasil maklum balas dan cadangan daripada Mesyuarat STIPAC ASM ke-64 yang diadakan pada 29 Ogos 2024, cadangan tersebut telah dikemukakan kepada KE pada akhir Disember 2024.



Profesor Dato' Dr Zulkifli Idrus FASc membentangkan dapatan beliau berkenaan Kebolehlaksanaan Pemprosesan Daging Kultur dan Makanan Berasaskan Sel di Malaysia



Pemulihan dan Pemuliharaan Gamat Emas

Program Pemulihan dan Pemuliharaan Gamat Emas yang dijalankan dari tahun 2023 hingga 2026 bertujuan menghasilkan solusi yang mampan kepada industri gamat dan komuniti setempat. Program tersebut merangkumi tiga projek: Pembiakan dan Pemulihan, Inovasi Sosial Untuk Produk Berasaskan Gamat Emas dan Pemulihan Ekosistem. Usaha-usaha tersebut bertujuan untuk menyeimbangkan pemeliharaan ekologi dengan inovasi ekonomi di Langkawi.

Pada 18 November 2024, program Pemulihan dan Pemuliharaan Gamat Emas (*Stichopus horrens*) telah memperoleh pencapaian pertama menerusi pelepasan Gamat Emas muda di perairan Langkawi.

Pada tahun 2025, program ini menyasarkan penubuhan tempat penetasan untuk membiakkan Gamat Emas di Langkawi, seterusnya memacu inovasi dalam pembangunan produk baharu seperti farmaseutikal nilai tinggi.

Dalam jangka masa panjang, program ini menyasarkan peningkatan populasi Gamat Emas di perairan Langkawi demi meningkatkan pendapatan komersial industri dan memberi manfaat kepada penduduk setempat. Program ini juga akan menyokong pemeliharaan warisan tradisi Langkawi dan dijangka akan membawa peningkatan kepada pertumbuhan sektor pelancongan.



Dr Abe Woo Sau Pinn dan Profesor Dato' Dr Aileen Tan Shau Hwai FASc melepaskan juvenil Gamat Emas ke perairan Langkawi yang telah ditetapkan

Platform Sains Terbuka Malaysia

Sejak pelancaran Platform Sains Terbuka Malaysia (MOSP) pada 16 Mei 2023, inisiatif ini kekal menerajui pergerakan sains terbuka di Malaysia dengan meningkatkan kebolehcapaian dan ketelusan penyelidikan Malaysia melalui kesalinghubungan repositori kebangsaan. MOSP turut menyokong ekosistem penyelidikan negara dengan meningkatkan kebolehan pengelola data, menambahbaik amalan perkongsian data penyelidikan dan memupuk kesedaran sains terbuka dalam kalangan masyarakat di samping patuh kepada prinsip FAIR (*Findable, Accessible, Interoperable, Reusable*).

Latihan

a. Data Stewardship on Open Science Training

Kohort 1/2024: 29 April – 22 Julai 2024

(49 pengelola data)

Kohort 2/2024: 12 Ogos – 4 November 2024

(27 pengelola data)

b. Introduction to Open Science Training with the National Institutes of Health (NIH)

2 – 3 Julai 2024 - Memperkenalkan elemen sains terbuka seperti data terbuka, akses terbuka, metrik terbuka dan sains masyarakat kepada pegawai penyelidik di NIH.


(40 pegawai)

c. Data Stewardship Training with Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Library

1 – 2 September 2024 – Pustakawan dari UMK telah diberi latihan amali dalam menguruskan data dan menyediakan pelan pengurusan data untuk memperkukuh amalan penyelidikan dan perkongsian data.

(20 pustakawan)

Sehingga kini, **seramai 337 pengelola data telah dilatih.**



Di peringkat antarabangsa, Malaysia menerusi MOSTI dan ASM telah membentangkan konsep APECOSA semasa Forum Policy Partnership on STI (PPSTI) APEC. APECOSA telah dikemukakan sebagai platform untuk ekonomi APEC berkongsi amalan terbaik sains terbuka dan meningkatkan akses kepada ilmu saintifik serantau.



Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MOSA, Profesor Madya Dr Liew Chee Sun, dan Pengurus Data yang diiktiraf, Dr Zubaidah Iberahim, semasa Latihan Pemantauan Data bersama UMK



Malaysia Science Endowment

Kebergantungan kepada dana kerajaan untuk menjalankan R&D dalam jangka masa panjang pada peringkat kebangsaan merupakan suatu tindakan yang tidak mampan. Peranan memacu pembangunan negara bukan lagi sebuah usaha kerajaan semata-mata, tetapi juga perlu dijalankan oleh sektor swasta dan industri. Belanjawan 2025 telah memperuntukkan RM170 juta kepada *Malaysia Science Endowment* (MSE) yang diteraju oleh ASM untuk menunjukkan impak dan membina keyakinan orang ramai dalam meningkatkan dana endowmen yang akan menjana sumber kewangan berkekalan bagi pembangunan STIE negara.

MSE mengguna pakai pendekatan pendanaan bersifat ke hadapan, untuk memenuhi keperluan sumber secara mampan bagi projek RDICE berorientasikan misi berjangka panjang yang melibatkan sektor swasta dan industri. Pendekatan tersebut dipraktikkan melalui mekanisme padanan dana dalam nisbah 50:50 antara sektor swasta dan industri.

Peruntukan fiskal daripada Belanjawan 2025 akan disalurkan kepada pelaksanaan sekurang-kurangnya 11 projek RDICE berimpak tinggi di seluruh negara. Antara projek tersebut, lima buah program berorientasikan misi yang dipacu industri akan menyokong sektor-sektor utama, seperti elektrik dan elektronik, hidrogen hijau, minyak dan gas, perkhidmatan rel, aero angkasa, keselamatan makanan dan kesihatan. Tambahan lagi, enam buah program RDICE antarabangsa akan melibatkan 17 buah negara, seterusnya menggalakkan penyelidikan dan pembangunan R&D secara kolaboratif yang akan membawa kebaikan kepada ekonomi dan sosioekonomi Malaysia dan negara-negara tersebut.

Penglibatan:

1. Dua sesi Bengkel Permukiman MSE bersama kementerian, agensi kerajaan, pemimpin industri, pertubuhan profesional, modal teroka dan ahli akademik.
2. Bekerjasama dengan industri semikonduktor, Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST), USM dan Malaysian Institute of Microelectronic Systems (MIMOS) untuk menghasilkan sebuah program RDICE berorientasikan misi dalam usaha membangunkan keupayaan tempatan dalam pembungkusan pintar (*advanced packaging*).
3. Perbincangan dengan Malaysia Petroleum Resourced Corporation (MPRC) dan Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA) untuk menyokong sektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE).
4. Bekerjasama dengan pemain utama seperti GUIDE, CRADLE dan Leave a Nest untuk merangka strategi yang memudahcara perkongsian dengan syarikat permulaan dan modal teroka, seterusnya menyokong ekosistem yang berinovasi.
5. Bekerjasama dengan British Council untuk padanan dana antara MSE dan *United Kingdom's International Science Partnership Fund* (ISPF) pada bulan Januari 2024.



Sepanjang tahun 2024, ASM telah menerokai perluasan capaian global ke 17 buah negara melalui platform multilateral seperti *Southeast Asia-Europe Joint Funding Scheme* dan *e-Asia Joint Research Programme*

ASM Chapters

ASM Chapters ditubuhkan bagi menggerakkan Jaringan Pakar ASM secara lebih efektif serta berperanan sebagai platform untuk menyumbang kepada negara. Chapters terdiri daripada Felo ASM, penerima TRSM, ahli YSN-ASM dan ASM Associates di setiap rantau. Mereka merupakan penggerak program dan inisiatif kebangsaan dan selaras dengan misi ASM untuk membudayakan sains di Malaysia. Oleh itu, Chapters telah menjalankan pelbagai program yang menyasarkan pelajar dan masyarakat.

Program Pendidikan Alam Semulajadi Berasaskan Cendawan

Program Pendidikan Alam Semulajadi Berasaskan Cendawan telah diadakan di Taman Bukit Tawau dari 12 hingga 14 November 2024.



80
pelajar

17
guru

100
staf

Melalui aktiviti amali dan sesi pendidikan, program ini telah memperkasakan peserta untuk menjadi penyokong proaktif dalam usaha pemuliharaan biodiversiti di samping memberi kesedaran tentang peranan cendawan dalam ekosistem. Peserta juga telah mempelajari kepentingan menjaga habitat semula jadi di Sabah dan kawasan-kawasan lain. Melalui program ini, peserta telah meningkatkan kemahiran kepimpinan, kerjasama dan sokongan alam sekitar yang seterusnya melatih mereka untuk menjadi pengelola alam semula jadi pada masa hadapan.

Para pelajar menyertai aktiviti amali semasa Program Pendidikan Alam Semulajadi Berasaskan Cendawan

ideaXchange

• ideaXchange ke-39: 'Positioning Northern Corridor as a Hub of Global Smart Technologies'

telah diadakan pada 8 Mei 2024 di Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Pulau Pinang. Inisiatif tersebut telah mengumpul pemegang taruh utama untuk membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi industri di Pulau Pinang, terutamanya dalam sektor elektrik dan elektronik. Dialog tersebut bertujuan untuk meningkatkan potensi rantau tersebut sebagai hab teknologi pintar global, menjana inovasi dan pertumbuhan strategik.



Sesi perbincangan berkenaan isu dalam sektor elektrik & elektronik terhadap industri di Pulau Pinang

• ideaXchange ke-40: 'Creating the Ecosystems to Position Malaysia as the Business and Services Hub for the Region'

telah diadakan pada 12 Jun 2024 di UTM, Johor. Program tersebut tertumpu kepada pembangunan ekosistem perniagaan dan perkhidmatan yang mampan berdasarkan kajian kes hab perniagaan dan perkhidmatan yang berjaya dari rantau lain yang boleh dijadikan iktibar dalam konteks negara Malaysia. Perbincangan yang diadakan termasuk perancangan strategik, cadangan dasar serta kerjasama industri untuk memperkukuh peranan Malaysia sebagai hab perniagaan dan perkhidmatan serantau.



KPE ASM menyampaikan pandangan dalam sesi perbincangan forum

Program Ceramah Kerjaya

Program Ceramah Kerjaya telah diadakan pada 14 Oktober 2024 dengan kerjasama Chapter Sabah ASM dan UMS. Program tersebut bertujuan mendedahkan pelajar sekolah menengah kepada pelbagai kerjaya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dan memberi motivasi kepada mereka untuk mempertimbangkan bidang STEM apabila mereka melanjutkan pelajaran kelak.

Program ini telah membekalkan peserta dengan pengalaman secara langsung dalam bidang STEM dan mereka berpeluang untuk mengaplikasikan konsep yang dipelajari dalam bilik darjah atau melalui media digital. Program Ceramah Kerjaya ini menekankan komitmen Chapter Sabah ASM bersama rakan strategik dalam usaha memupuk generasi baharu pakar STEM serta budaya ingin tahu dan inovasi saintifik dalam kalangan pelajar di Sabah.



133
pelajar



7
sekolah
Kota Kinabalu

Pelajar melibatkan diri dalam aktiviti hands-on berkaitan STEM semasa Program Ceramah Kerjaya



Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040



Timbalan Perdana Menteri menyampaikan ucapan sempena Peluncuran Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040

Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) merupakan agenda nasional untuk mentransformasi sektor air menjadi sektor ekonomi mampan yang mampu menyumbang secara signifikan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara, membekalkan air bersih, berkualiti dan mampu milik kepada rakyat, menyediakan peluang pekerjaan dan memajukan pembangunan STIE. Pelan hala tuju tersebut akan dilaksanakan selama 20 tahun dengan empat fasa di bawah RMKe-12 hingga RMKe-15. AIR 2040 telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof pada 29 Oktober 2024.



- **Mempergiat penerimgunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM)**



- **Membangunkan teknologi tempatan yang setanding dengan standard antarabangsa**



- **Mencapai ekonomi skala**



- **Menjadi hab industri air serantau**

Forum yang bertajuk, “Towards Empowering the Water Sector to Ensure People’s Well-being” turut diadakan di majlis yang sama. Sesi tersebut menampilkan enam ahli panel yang membincangkan isu-isu seperti integrasi teknologi pintar dalam pemantauan sumber air, pencemaran air dan kepentingan kerjasama awam-swasta dalam memesatkan inisiatif yang digariskan dalam AIR2040.


Kerajaan bercadang untuk menerima bidaan daripada sektor swasta sebagai solusi kewangan alternatif untuk mengurangkan beban kerajaan dalam menangani masalah air tidak berhasil (NRW).

“Menjelang tahun 2040, Malaysia beraspirasi menjadi hab air untuk rantau ASEAN. Untuk merealisasikan visi ini, Malaysia akan menjadi pusat rujukan global untuk penyelidikan dan pembangunan, inovasi, dan pembangunan bakat dalam sektor air.”


**Timbalan Perdana Menteri,
YAB Dato’ Sri Haji Fadillah Haji Yusof**

“Transformasi sektor air negara boleh memanfaatkan pendekatan berorientasikan misi dengan mengenal pasti cabaran perdana sektor air, menentukan misi utama, menarik sokongan dan penglibatan aktif daripada semua pihak berkaitan seperti pihak kementerian dan agensi, kerajaan negeri, industri tempatan, akademik dan komuniti untuk melaksanakan projek misi utama secara kolaboratif.”

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc



TRANSFORMASI AIR 2040



Forum Transformasi Air: Ke Arah Pemerkasaan Sektor Air untuk Menjamin Kesejahteraan Rakyat, bersama KPE ASM sebagai moderator

MENYATUKAN ILMU, MASYARAKAT & MASA HADAPAN





Young Scientists Network

Young Scientists Network (YSN-ASM) menerapkan kerjasama merentas disiplin, pengaruh dasar dan pembinaan kapasiti untuk menyelesaikan masalah dan membentuk ekosistem STI dan pengetahuan saintifik masa hadapan negara dengan mewakili suara saintis muda Malaysia.

Penglibatan YSN-ASM dalam NSC

YSN-ASM telah memainkan peranan penting dalam membentuk konsep dan isi kandungan NSC. Penglibatan mereka memastikan pertandingan sains tersebut selaras dengan perkembangan dalam pendidikan STEM pada masa kini dan yang akan datang, di samping menginspirasi generasi baharu saintis, inovator dan pemikir.

1. Membangunkan soalan dan modul yang berimpak tinggi untuk menguji kemahiran pelajar dalam konsep sains asas serta keupayaan pemikiran analitik, penyelesaian masalah dan komunikasi saintifik.
2. Berperanan sebagai mentor khusus kepada 20 pasukan finalis sepanjang penyertaan mereka di *STEM Camp*.



Profesor Madya Ts Dr Aslina Baharum sebagai salah satu mentor kepada pasukan finalis sepanjang *STEM Camp* NSC

Chrysalis Award YSN-ASM

Sebanyak 162 penyertaan telah diterima untuk *Chrysalis Award* YSN-ASM, 15 finalis terpilih untuk menyertai latihan khas di bawah program tersebut. Bertemakan "*Tomorrow's Leaders: Cultivating Innovation and Impact for Our Nations and Communities*", program tersebut telah mengetengahkan kepentingan memupuk pemimpin-pemimpin muda dalam STIE yang inovatif, bertanggungjawab dan komited untuk menghasilkan impak yang bermakna terhadap masa hadapan ekosistem STIE Malaysia.



Pemenang: Wong Li Wen (Monash University)

Revolutionising Diabetic Monitoring: A Natural Hydrogel Patch for Highly Efficient and Painless Glucose Sensing

"Harus ditekankan bahawa saintis muda memainkan peranan penting untuk Malaysia. Ketika ini, anggaran 30% daripada jumlah keseluruhan penyelidik Malaysia tergolong dalam kategori saintis muda. Ini mengukuhkan lagi peranan anda semua dalam membuka sempadan baharu inovasi."

YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal
Timbalan Menteri MOSTI

Colloquium YSN-ASM

Pada 8 November 2024, *Colloquium* YSN-ASM telah menghimpunkan seramai 98 ahli dari seluruh negara. Program ini berfungsi sebagai sebuah platform strategik untuk ahli YSN-ASM menyumbang pandangan berharga ke arah memperkukuh komuniti saintifik Malaysia. Tema tahun ini, "*Innovate to Impact: Mission-Oriented Science for a Better Tomorrow*," telah membuka tirai kepada siri sesi yang menginspirasi dan berwawasan dalam usaha membentuk landskap saintifik Malaysia pada masa hadapan.

Melangkah ke hadapan, YSN-ASM berhasrat untuk memperkasakan peranan saintis muda dalam pembangunan dasar, terutamanya dalam ekosistem pendidikan dan RDICE, serta memperkukuh pengaruh mereka sebagai suara generasi muda saintis dan penyelidik di peringkat tertinggi dalam membuat keputusan, termasuk pengiktirafan di MSN dan seterusnya.




Detik-detik sepanjang *Colloquium* YSN-ASM

Minggu Sains Negara


Ceritera ArtScience™

Ceritera ArtScience™ merupakan satu aktiviti sains yang telah dijalankan untuk menggalakkan penerokaan sains di rumah dengan menggunakan bahan-bahan semula jadi dan boleh dikitar semula. Menerusi tema “*Anyone can do Science: Natural Based Materials or Recyclable Materials*”, pelajar sekolah dikehendaki menghasilkan sebuah poster dan menerbitkan video sains yang menerangkan poster tersebut.




E-Games Kesihatan Planet

E-Games Kesihatan Planet bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pelajar tentang konsep kesihatan planet dan menarik minat mereka terhadap bidang STEM melalui platform yang berbeza, di samping melahirkan generasi yang lebih peka terhadap persekitaran.



Borak Sains

Borak Sains bertujuan meningkatkan kesedaran tentang sains dengan merapatkan jurang antara masyarakat dan komuniti saintifik. Program ini memfokuskan penghasilan bual bicara berkaitan sains dalam Bahasa Melayu, merangkumi topik-topik yang kontemporari seperti fakta sains yang menarik, aktiviti STEM dan banyak lagi. Kandungan video juga digunakan sebagai rujukan untuk menyokong inisiatif utama lain, seperti YSN Turun Padang.



Modul Latihan IBSE

Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) dapat menggalakkan kanak-kanak untuk terlibat dalam penerokaan secara praktikal, eksperimentasi, sesi soal jawab dan pembelajaran berasaskan bukti. Pada 2024, Bengkel Pembangunan Modul IBSE telah dijalankan dengan kerjasama ISTIC-UNESCO, memfokuskan topik-topik yang berkaitan dengan Kesihatan dan Kimia.

Program latihan yang telah dijalankan ialah seperti berikut:

- Latihan IBSE untuk ahli-ahli dan affiliate YSN-ASM.
- Beberapa sesi latihan semasa NSC 2024 *STEM Camp*, merangkumi model 5E dan modul-modul IBSE YSN untuk guru.

Pembangunan modul ini masih dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025. Pada masa akan datang, Bengkel Latihan IBSE akan dijadikan sebagai salah satu program iringan untuk melatih para pendidik di MSN 2025.

Penglibatan Antarabangsa

YSN-ASM telah memperkukuhkan penglibatan antarabangsa dengan mewakili Malaysia dalam dua program yang berprestij.

Science at the Shine Dome 2024 di Canberra, Australia

9-12 September

Dr Phan Chia Wei dan Profesor Madya Ts Dr Suganthi Appalasamy telah terlibat dalam Forum EMCR di bawah program ini. Forum tersebut membincangkan tentang perkembangan karier, kajian berkolaborasi, dan cabaran bersama dalam kalangan saintis Asia-Pasifik.

Science and Technology in Society (STS) Forum 2024 di Kyoto, Jepun

6-8 Oktober

Dr Ng Siew Kit telah mewakili saintis muda Malaysia dengan menyumbang kepada perbincangan berkenaan kemajuan AI, kepenggunaan penjagaan kesihatan, kejayaan bioteknologi dan kepercayaan saintifik.

**YOUNG SCIENTISTS
NETWORK
MALAYSIA**

Malaysian Code of Responsible Conduct in Research

Penyelidik Malaysia telah mendapat pengiktirafan dan penghormatan antarabangsa dengan mengekalkan piawaian yang tinggi melalui penyelarasan kualiti penyelidikan di peringkat antarabangsa. *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research* (MCRCR) mengukuhkan integriti dan prinsip etika dengan menanamkan nilai-nilai ini sepanjang proses penyelidikan bagi memastikan kecemerlangan pada setiap peringkat.

Pada September 2024, ASM telah dijemput oleh UPM untuk menganjurkan kursus MCRCR selama sehari. Kursus ini telah dikendalikan oleh Dr Chau De Ming sebagai jurulatih dan dihadiri oleh 20 peserta dalam kalangan saintis dan penyelidik. Selepas kursus tersebut, peserta telah menjalankan proses penilaian untuk mengetahui sejauh mana pemahaman mereka mengenai subjek tersebut. Peserta yang lulus telah diberikan sijil yang sah untuk tempoh lima tahun.

Selain itu, *National Committee on Research Integrity* (NCRI) telah memulakan pembangunan kursus MCRCR dalam talian yang akan meningkatkan keterlihatan dan capaian kursus latihan MCRCR.

Tahun ini, tadbir urus NCRI telah diperkukuh dengan pelantikan ahli tetap daripada Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Penglibatan mereka berpotensi untuk meluaskan lagi etos dan nilai MCRCR kepada komuniti saintifik dan penyelidikan di seluruh Malaysia.

Kursus Latihan MCRCR



170

penyelidik terlatih
daripada



4

institusi pengajian tinggi
dan penyelidikan



Dr Chau De Ming memberi pendedahan berkenaan pemahaman MCRCR kepada para peserta kursus

Imbas untuk
muat turun



10-10 MySTIE Technology Series and Innovation Kopitiam

Bagi memastikan penerimaan yang meluas terhadap inisiatif 10-10 MySTIE, ASM telah mengambil pendekatan pragmatik dengan memperkenalkan 10-10 MySTIE *Technology Series* dan *Innovation Kopitiam* sejak 2023. Pada 2024, dua siri telah diadakan bersempena dengan Jerayawara ASM 2024. Siri pertama untuk tahun 2024 telah berlangsung pada 8 Mei 2024 di NCIA, Pulau Pinang. Program ini telah menarik kehadiran lebih 800 peserta yang aktif melalui platform fizikal dan dalam talian.

Bertemakan *'The Next-Generation Semiconductor Industry: Smart Technology and Systems'*, siri ini mengetengahkan kepentingan mengenai kemajuan teknologi dan sistem pintar dalam ekosistem semikonduktor. Tema ini menekankan kepentingan tersebut dalam membentuk masa hadapan yang mampan di Malaysia kerana ia merupakan salah satu teknologi yang sedang berkembang di rantau ini.



Para panelis memberi perkongsian tentang kepentingan kemajuan teknologi dan sistem pintar dalam ekosistem konduktor



Imbas di
sini untuk
menonton



Barisan panelis membincangkan cabaran dan peluang berkaitan landskap dan teknologi memuncul



Imbas di sini
untuk menonton

Siri seterusnya telah diadakan di UTM pada 12 Jun 2024. Perbincangan bertemakan *'Enhancing National Digital Security through Cybersecurity and Blockchain Technologies'*. Tema ini telah menerima sambutan yang baik khususnya di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang tertumpu kepada sektor ekonomi digital.

Input yang diperolehi daripada perbincangan mengenai peluang dan cabaran berkaitan teknologi dan landskap memuncul akan digunakan dalam persiapan kertas strategi untuk RMKe-13 dan inisiatif 10-10 MySTIE *Transformation Book 2.0*. Kertas strategi ini akan menawarkan pendekatan menyeluruh bagi menampung keperluan segera untuk ekosistem STIE yang telah dipertingkatkan agar Malaysia dapat menjadi negara yang berdaya tahan dan makmur dengan melaksanakan strategi dan tindakan yang telah dicadangkan.



2
siri

lebih
daripada

800

peserta fizikal
dan dalam talian

FASciate

FASciate mempamerkan kepakaran dan perjalanan peribadi individu yang terdiri daripada Felo ASM, Associates, TRSM, dan ahli YSN-ASM, sebagai model inspirasi. Pencapaian dan kisah mereka memberi informasi dalam usaha untuk menuntut ilmu dan mencapai kecemerlangan dalam STIE.

• Impak

Menginspirasi Generasi Baharu Saintis dan Jurutera

Melalui kisah peribadi dan pencapaian yang disampaikan oleh Jaringan Pakar ASM, FASciate telah berjaya menginspirasi pelajar dan ahli profesional muda untuk menceburi bidang STIE. Latar belakang dan kepakaran penceramah FASciate juga membuktikan bahawa sumbangan berimpak tinggi dalam bidang sains boleh dicapai dalam pelbagai bidang.

• Hala Tuju Masa Depan

Mengadakan Siri Mini atau Podcast Bertema

Memperkenalkan siri mini atau podcast susulan yang mendalami topik-topik terpilih dan temu bual susulan bersama penceramah.

Siri pertama FASciate untuk tahun ini telah diadakan pada 17 Julai 2024, yang menampilkan pakar yang membincangkan topik seperti kelapa sawit, unsur nadi bumi (REE), kecerdasan buatan (AI) dalam biodiversiti dan teknologi kuantum. Topik menarik ini telah dirungkai dan memberi peluang kepada penonton untuk mengemukakan soalan kepada individu tersebut.



Dr Harikrishna Kulaveerasingam FASc
The Green Gold Quest: Perfecting Oil Palm Selection

Dato' Sia Hok Kiang FASc
Developing the REE Resources of Malaysia, an Integrated Approach



Professor Ts Dr Nurfaadhina Mohd Sharef
Defending Malaysia's Biodiversity with AI

Professor Dr Raymond Ooi Chong Heng FASc
Quantum Technology: Harnessing Entanglement, the Most Mind-Boggling Scientific Concept



Siri FASciate yang kedua telah berlangsung pada 19 Disember 2024 yang menampilkan pakar ASM dengan topik yang menarik seperti perjalanan mereka untuk menjadi seorang jurutera di Malaysia, dunia kulat zombi dan reformasi pendidikan fizik.



Dato' Ir Dr Dennis Ganendra FASc
From Petaling Jaya to the World: Malaysian Engineering Boleh!

Profesor Madya Dr Jaya Seelan Sathiya Seelan
Zombie Fungi: Don of Cure



Dr Muhammad Abd Hadi Bunyamin
Reforming Physics Teaching-How?

Imbas di sini untuk menonton



FASciate
Open Minds, Spark Ideas

Syarahan Nobel Laureate

Sejak 2001, Program Nobel Laureate Kebangsaan ASM telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam memupuk kecemerlangan STI di Malaysia. Penglibatan aktif penerima Anugerah Nobel dalam membimbing dan mendidik komuniti saintifik tempatan telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran yang berkemampuan, progresif dan kompetitif di negara ini.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, 24 penerima Anugerah Nobel telah mengambil bahagian dalam pelbagai program di Malaysia. ASM dan rakan kongsi telah menganjurkan sebanyak 48 program termasuk syarahan umum, pembentangan saintifik dan sesi motivasi sains.

Tahun ini, Penerima Anugerah Nobel 2001 dalam Fisiologi atau Perubatan, Sir Paul Nurse, telah menyampaikan syarahan yang berinformatif merangkumi pengetahuan sains hayat yang luas. Program ini adalah anjuran ASM dan NIBM bertajuk "What is Life?" pada 24 Jun 2024.

Syarahan Edisi ke-25 Penerima Anugerah Nobel ini telah menampilkan Naib Presiden ASM, Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc sebagai moderator dan telah menarik minat peserta daripada sektor awam dan swasta, jaringan pakar, pensyarah, pelajar sekolah dan universiti serta orang ramai.



Sorotan utama program Syarahan Nobel Laureate

"Hayat yang kita ada adalah kompleks dan memahaminya adalah asas kepada tamadun kita dan dapat memajukan manusia."

**Sir Paul Nurse,
Penerima Anugerah Nobel**

Imbas di sini
untuk menonton



Penerbitan

ASM meneruskan usaha menjalinkan sains dan masyarakat melalui penerbitan berimpak tinggi. Pada tahun 2024, Unit Penerbitan ASM telah meluaskan jangkauan melepasi komuniti sains dalam usaha mempromosikan sains sebagai sebuah budaya yang dikongsi bersama. Melalui naratif yang mudah difahami dan menarik, penerbitan ASM mengetengahkan penemuan dan kepimpinan dalam pemikiran di samping memupuk sifat ingin tahu dan menggalakkan penglibatan dalam kalangan masyarakat menerusi program fizikal. Penerbitan ASM telah merayakan insan di sebalik pencapaian, menginsankan penemuan saintifik dan dedikasi, serta mengeratkan lagi hubungan antara sains dan masyarakat.

e-Penerbitan



Penerbitan
147 (sehingga 2024)



Pembaca
25,554



Capaian
135,018



Muat turun
16,656 dari 78 negara

Laporan




Laporan Tahunan 2023



Global Knowledge Dialogue: Asia-Pacific Region Full Report

Biografi



Khalid Yusoff, the Kampung Boy from Kampong A Biography

Manual dan Buku Panduan



Guidelines for FAIR Biodiversity Data Stewardship



Manual Specimen Digitisation for FAIR Biodiversity Data Stewardship



Manual: Specimen Database Management System (SDBMS) for FAIR Biodiversity Data Stewardship



Guidelines for FAIR Biodiversity Data Stewardship

Kajian




A New Horizon for Science, Technology, and Innovation – A Strategy to Enhance Higher Education in Malaysia



Nurturing Next-Generation Talent for Knowledge-Based, Values-Driven Development



Business Model for the Development of Ion-Adsorption Clay Rare Earths Industry in Malaysia



Imbas untuk membaca penerbitan kami

e-estidotmy

e-estidotmy ialah kompilasi artikel STEM, infografik, video dan aktiviti yang disasarkan kepada pelajar, guru dan ibu bapa. Sebagai portal sains popular dalam talian, e-estidotmy telah membuka reruai sepanjang Minggu Sains Negara yang berlangsung di enam negeri: Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Melaka dan Putrajaya sepanjang 2024.

e-estidotmy telah menerima sambutan yang baik oleh ribuan pengunjung yang terdiri daripada orang awam, ibu bapa, pendidik dan pelajar. Pengunjung telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang ditawarkan. Melalui penglibatan ini, e-estidotmy juga telah meningkatkan capaian digital menerusi pengunjung ke portal dan pengikut media sosial yang baharu.

Pada masa akan datang, e-estidotmy berhasrat untuk menambah baik kandungan dalam talian dengan penggunaan aplikasi TikTok di samping berusaha untuk berkembang dengan lebih baik sama ada dalam talian atau fizikal. Untuk menarik minat yang lebih banyak terhadap STIE, ASM sedang berusaha untuk melawat lebih banyak sekolah dan memperkenalkan e-estidotmy terus kepada pelajar dan guru. Dalam masa yang sama, dapat menghasilkan pembelajaran yang seronok, menarik dan penuh dengan peluang kolaborasi yang mengujakan.



kunjungan ke portal

53,106 +120% peningkatan
sejak 2023



pengikut Facebook

1,000 +18.06%
peningkatan



pengikut Instagram


419 +61.15%
peningkatan



Pengikut X

298 +4.56%
peningkatan

e-estidotmy
Memperkaya Minda Dengan STEM



Imbas di sini
untuk ke portal
e-estidotmy



Reruai e-estidotmy yang menampilkan aktiviti berkaitan STEM di enam negeri menerima sambutan yang menggalakkan daripada pelajar, guru dan ibu bapa

ASM Science Journal

ASM Science Journal merupakan jurnal penyelidikan akses terbuka, disemak setara dan diindeks merangkumi pelbagai disiplin yang bertujuan untuk menyampaikan perspektif penyelidikan. Lebih daripada 1,000 artikel telah diterbitkan dalam ASM Science Journal sejak 2007. Jurnal ini telah beralih format daripada salinan bercetak kepada jurnal digital dan akses terbuka.

Skop



Perubatan



Kejuruteraan dan Teknologi



Bumi dan Alam Sekitar



Matematik



Fizik



Kimia



Biologi dan Pertanian



Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)



Polisi Berkaitan Sains



Bertindak sebagai forum yang menentang perspektif kajian yang signifikan.



Tiada cas pemprosesan artikel (Article Processing Charge - APC).



Dalam bentuk salinan bercetak sejak 2007; bentuk jurnal digital akses terbuka sejak 2017.



Semua artikel yang diterbitkan telah diedarkan di bawah *Creative Commons Attribution Non-commercial 4.0 International License (CC BY-NC 4.0)*.



Ahli Sidang Redaksi terdiri daripada pakar STI tempatan dan antarabangsa daripada pelbagai bidang.

Scopus* Tersenarai dalam *Top 10 Malaysian Journals* diindeks dalam Scopus.



Salah satu repositori kepada MOSP.



Jumlah penerbitan
1,107 sejak 2007




Jumlah lawatan
673,987 sejak 2017



H-Index
11

Think Science, Celebrate Technology, Inspire Innovation
ASM SCIENCE
JOURNAL
WWW.AKADEMISAINS.GOV.MY




Imbas di sini untuk melawat
ASM Science Journal


Komunikasi

Usaha komunikasi ASM tertumpu kepada menjadikan sains mudah diakses dan relevan kepada orang awam. Dengan memanfaatkan *podcast*, media sosial, lembaran fakta dan kandungan multimedia, ASM terus mempertingkatkan pemahaman masyarakat terhadap sains sambil memperluas kehadiran digitalnya. ASM juga mengekalkan kehadiran yang kukuh dalam media, dengan liputan yang meningkat terhadap isu nasional dan inisiatif ASM melalui Jaringan Pakar, sekali gus mengukuhkan keterlihatan agensi ini. Pendekatan ini memastikan ASM kekal sebagai sumber yang dipercayai dan relevan untuk semua pemegang taruh.


Liputan Media ASM



Lembaran Fakta ASM



Media Sosial ASM



Komuniti Media Sosial ASM
70,227
 (+7,789 berbanding tahun 2023)

Podcast ASM

3 episod dengan jumlah pendengar tertinggi:



Ep 39 – Inspirasi Saintis Muda YSN-ASM: Perasaan Ingin Tahu yang Mendorong kepada Kejayaan



Ep 35 - The Future of the Malaysian Creative Industry



Ep 42 - From Malacca to China, the 2023 National Science Challenge Winners' Journey



Saluran Youtube ASM



Warna-Warni Aidilfitri ASM
34 jam



Lecture on Acoustofluidics
32 jam



YSN-ASM Chrysalis Award 2023 Final Pitch
21 jam



Dalam Ingatan

Emeritus Profesor Dr Mak Joon Wah FASc

11 Disember 1942 - 26 Januari 2024

Mendiang Emeritus Profesor Dr Mak Joon Wah FASc merupakan seorang pakar yang tersohor dalam bidang parasitologi, perubatan tropika dan kesihatan awam. Setelah menamatkan pengajiannya, beliau menumpukan penyelidikannya ke arah memerangi penyakit berjangkit ketika itu, termasuk *malaria* yang mencatatkan sehingga 30,000 kes yang dilaporkan pada tahun 1970-an dan 1980-an, serta *filariasis*. Profesor Mak dan pasukannya berusaha tanpa mengenal erti penat lelah menjalankan dan menyertai pelbagai tinjauan di seluruh rantau ini, bekerja di lapangan di kawasan-kawasan yang terjejas seperti rancangan tanah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), ladang getah dan penempatan Orang Asli.

Selain itu, Profesor Mak dan pasukannya telah memulakan kaedah penanaman parasit *filarial* (*Brugia malayi*) secara '*in vitro*' untuk memenuhi keperluan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam pembangunan ubat menentang *filariasis* dan *onchocerciasis*. Pencapaian yang sangat signifikan ini telah mendorong WHO untuk menganjurkan bengkel latihan pada tahun 1984 bagi menyebarkan teknik tersebut.

Kepakaran mendiang Profesor Mak dalam bidang *filariasis* dan *malaria* telah diiktiraf di peringkat antarabangsa, di mana beliau telah dilantik sebagai perunding WHO di 17 buah negara. Dedikasi dan sumbangan beliau dalam bidang ini telah meraih pengiktirafan global dan menyumbang kepada pelbagai kemajuan dalam sektor kesihatan awam di seluruh dunia. Profesor Mak juga merupakan tokoh penting dalam memajukan perubatan tropika di Malaysia, dan telah memegang jawatan kepimpinan dalam organisasi seperti Persatuan Kajiparasit Dan Perubatan Tropika. Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau yang amat besar kepada sains dan masyarakat, beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Merdeka yang berprestij pada tahun 2011 dan Anugerah Sains Negara pada tahun 1985.

Legasi beliau terus memberi impak kepada kehidupan mereka yang terjejas dengan penyakit ini di dalam dan luar negara.





Dr Goh Swee Hock FASc

14 Oktober 1940 – 25 Mei 2024

Mendiang Dr Goh Swee Hock FASc merupakan seorang pakar terkemuka dalam bidang kimia organik, dengan pengkhususan dalam kimia lipid dan berfokuskan minyak sawit. Kecemerlangan saintifik beliau telah diiktiraf apabila beliau menerima Pingat Emas Institut Kimia Malaysia pada tahun 1994.

Beliau memegang jawatan akademik yang berprestij, termasuk Felo Kanan di Universiti Nasional Singapura (1995–2000) serta Pengerusi dan Profesor Kimia Organik di Universiti Malaya (1990–1995). Bidang penyelidikan beliau merangkumi produk semula jadi, penemuan ubat, bahan api bio, dan kimia sebatian bioaktif, dengan penekanan khas terhadap kandungan dalam minyak sawit.

Mendiang Dr Goh telah memainkan peranan penting dalam memajukan bidang kimia organik berkaitan minyak sawit, serta menyumbang secara signifikan kepada aplikasi industri dan alam sekitarnya. Sepanjang kerjayanya, beliau juga pernah berkhidmat sebagai profesor pelawat di institusi ternama seperti University of Melbourne dan Australian National University, selain terlibat dalam pelbagai lembaga penasihat dan editorial.

Legasi Dr Goh dalam bidang kimia organik dan penyelidikan minyak sawit akan terus memberi inspirasi kepada generasi akan datang.

Dalam Ingatan

Ir Dr Ting Wen Hui FASc
5 Jun 1936 – 23 Mei 2024

Mendiang Ir Dr Ting Weh Hui FASc merupakan seorang jurutera Malaysia yang terkemuka dan terkenal dengan kepakarannya dalam bidang kejuruteraan tanah, jalan raya serta geoteknik. Beliau merupakan rakyat Malaysia pertama yang memperoleh Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Kejuruteraan Geoteknik dari University of Cambridge, sekali gus menjadi pelopor dalam bidang ini.

Sepanjang kerjaya cemerlang beliau, pengetahuan dan pandangan mendalam Dr Ting amat dihargai. Beliau sering dijemput untuk menyampaikan ucap tama di pelbagai persidangan kebangsaan dan antarabangsa, di mana sumbangan beliau telah membentuk wacana dalam komuniti kejuruteraan. Kepimpinan beliau turut terserlah melalui pelbagai jawatan penting, termasuk sebagai Presiden Institusi Jurutera Malaysia (IEM) dari tahun 1995 hingga 1997.

Pada tahun 2013, Dr Ting telah menjadi Presiden Pengasas Persatuan Geoteknikal Malaysia (MGS), di mana beliau memainkan peranan penting dalam meletakkan asas bagi misi persatuan untuk memajukan pengetahuan geoteknikal dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan para profesional.

Pencapaian cemerlang dan kepimpinan berwawasan mendiang Dr Ting telah meninggalkan legasi yang berkekalan, memberi impak besar dalam bidang akademik dan industri serta mengukuhkan kedudukan beliau sebagai perintis dalam dunia kejuruteraan.





Tan Sri Dato' Seri Haji Musa Mohamad FASc
29 November 1943 – 8 Jun 2024

Allahyarham Tan Sri Dato' Seri Haji Musa Mohamad FASc merupakan tokoh unggul yang memainkan peranan penting dalam membentuk sistem pendidikan Malaysia. Dengan lebih 20 tahun pengalaman dalam pengajaran dan pentadbiran akademik di USM, beliau meninggalkan impak yang besar. Sebagai Naib Canselor (1982–1995), beliau telah membangunkan universiti tersebut secara fizikal dan akademik, khususnya dalam bidang sains perubatan dan kejuruteraan. Kepimpinan visi beliau telah mentransformasikan USM menjadi antara institusi pengajian tinggi terkemuka di Malaysia, sekali gus meninggalkan legasi yang berkekalan dalam landskap pendidikan negara.

Tan Sri Musa juga pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1983–1985). Komitmen beliau yang tidak berbelah bahagi terhadap pemeliharaan dan pemeriksaan bahasa kebangsaan telah membimbing DBP dalam melaksanakan program-program penting yang memperkukuh jati diri budaya dan bahasa negara. Selain itu, Tan Sri Musa mencatat sejarah sebagai individu bukan ahli politik pertama yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan (1999–2004). Kepimpinan beliau amat penting dalam memajukan sistem pendidikan negara, memastikan institusi tempatan mencapai piawaian antarabangsa dan meletakkan asas bagi pertumbuhan jangka panjang serta daya saing global.

Sumbangan cemerlang Allahyarham Tan Sri Musa dalam bidang pendidikan dan sains telah mendapat pelbagai pengiktirafan sepanjang kerjayanya. Beliau telah dikurniakan beberapa ijazah kehormat daripada institusi ternama, termasuk USM, Universiti Multimedia (MMU), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Khidmat bakti beliau turut dihargai menerusi penganugerahan pingat kebesaran persekutuan dan negeri, termasuk Panglima Setia Mahkota (PSM) pada tahun 1994, dimana gelaran 'Tan Sri' juga telah dikurniakan kepada beliau.

Legasi beliau terus memberi inspirasi kepada generasi pendidik, pemimpin, dan pembuat dasar yang akan datang.

Dalam Ingatan

Profesor Emeritus Dato' Dr Ir Zainul Abidin Md Shariff FASc


16 November 1949 - 17 Oktober 2024

Allahyarham Profesor Emeritus Dato' Dr Ir Zainul Abidin Md Shariff FASc merupakan seorang tokoh akademik dan jurutera yang unggul. Beliau diiktiraf atas kepakarannya dalam pemprosesan isyarat digital, pemprosesan pertuturan dan imej, pemantauan keadaan peranti elektrik, kecerdasan buatan, dan pembelajaran mendalam. Penyelidikan dan inovasi beliau dalam bidang-bidang ini telah memberikan sumbangan besar kepada kejuruteraan elektrik, sains komputer, dan pendidikan tinggi di Malaysia.

Pada tahun 1997, beliau telah dipanggil semula oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membantu dalam penubuhan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Dekan Kolej Kejuruteraan, Rektor, dan akhirnya Naib Canselor dari tahun 2001 hingga 2006. Kepimpinan beliau memainkan peranan penting dalam meletakkan UNITEN sebagai sebuah institusi pendidikan kejuruteraan yang disegani. Sebelum itu, beliau berkhidmat selama 25 tahun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di mana beliau aktif dalam pembangunan akademik dan penyeliaan penyelidikan, serta telah membimbing ramai jurutera dan sarjana.

Sebagai pengiktirafan atas jasa dan sumbangannya kepada negara, Profesor Zainul Abidin telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri pada tahun 2005 dan aktif berkhidmat dalam pelbagai panel pakar, termasuk Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) eDANA MOSTI dari tahun 2017 sehingga pemergiannya. Beliau juga merupakan ahli yang berdedikasi dalam badan profesional seperti Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE), Institution of Engineers Malaysia (IEM), dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Sumbangan Allahyarham Profesor Zainul Abidin terus hidup menerusi kemajuan serta individu yang telah beliau ilhamkan dan bimbing.





Profesor Ir Dr Nasrudin Abd Rahim FASc
17 November 1960 - 11 November 2024

Allahyarham Profesor Ir Dr Nasrudin Abd Rahim FASc merupakan seorang pakar yang dihormati dalam bidang elektronik kuasa dan pemacu, teknologi fotovolta suria (PV), sistem kawalan masa nyata, pengurusan permintaan pengangkutan, dan dasar tenaga. Beliau telah menyumbang secara signifikan dalam penyelidikan akademik dan aplikasi industri, termasuk khidmat nasihat, perkhidmatan pengujian profesional untuk ladang solar, serta pembangunan kemudahan penyelidikan khusus dalam penyongsang solar dan modul PV.

Beliau memulakan kerjaya akademiknya pada tahun 1996 sebagai pensyarah dalam bidang elektronik kuasa di UM, dan berkhidmat dengan cemerlang sehingga bersara pada tahun 2020. Beliau kemudiannya kembali ke UM sebagai profesor kontrak kanan. Sepanjang kerjayanya, beliau telah memegang beberapa peranan kepimpinan penting, termasuk sebagai Pengarah Pengasas Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi UMPEDAC (*UM Power Energy Dedicated Advanced Centre*), yang ditubuhkan hasil inisiatif dan usaha gigih beliau.

Beliau menerajui pelbagai inisiatif penyelidikan perintis dalam tenaga boleh diperbaharui, elektronik kuasa, dan kecekapan tenaga. Beliau merupakan ketua projek bagi beberapa projek nasional, termasuk inisiatif *Malaysian Building Integrated PV* (MBIPV) yang telah menghasilkan penyongsang PV yang disambung terus ke grid pertama buatan Malaysia. Antara inovasi beliau termasuk pengkomersialan sistem pemantauan dan diagnostik solar serta pelesenan penyongsang terus ke grid 4kW kepada Endau-XT Sdn Bhd. Beliau turut mengetuai pembangunan salutan pembersih untuk panel solar di bawah Van Coating Sdn Bhd, yang direka untuk mengurangkan pengumpulan kotoran dan meningkatkan penjaan tenaga.

Hasil kerja Allahyarham Profesor Nasrudin dalam bidang tenaga boleh diperbaharui dan sistem kuasa terus menunjukkan hala tuju ke arah masa depan yang lebih lestari untuk Malaysia dan seluruh dunia.

Dalam Ingatan

Tan Sri Dato' Seri T. Ananda Krishnan FASc

01 April 1938 - 28 November 2024


Mendiang Tan Sri Dato' Seri T. Ananda Krishnan FASc merupakan seorang ahli perniagaan berwawasan, dermawan, dan salah satu tokoh paling berpengaruh di Malaysia dalam bidang telekomunikasi, media dan tenaga. Beliau memainkan peranan penting dalam penubuhan Maxis Communications sebagai syarikat telekomunikasi swasta pertama di Malaysia. Di bawah kepimpinannya, Maxis berkembang pesat, menjadi pengendali mudah alih terbesar di negara ini dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan infrastruktur telekomunikasi negara.

Sebagai pengasas Astro, perkhidmatan televisyen satelit siaran langsung pertama Malaysia, beliau telah merevolusikan landskap media negara. Astro bukan sahaja memperkenalkan bentuk hiburan baharu, malah membawa kandungan antarabangsa ke Malaysia, mempelbagaikan penawaran media negara dan menyemai pembangunan budaya. Pengaruh beliau turut merentasi sempadan Malaysia, dengan pengembangan Maxis ke India dan jangkauan Astro ke negara-negara Asia Tenggara lain, sekali gus memperkukuh kepimpinan perniagaannya di peringkat global.

Kejayaan Tan Sri Ananda dalam dunia perniagaan turut terserlah melalui sumbangannya dalam sektor tenaga. Menerusi Bumi Armada, sebuah syarikat perkhidmatan medan minyak luar pesisir, beliau memainkan peranan penting dalam mencorak landskap tenaga Malaysia dan meningkatkan kehadiran negara dalam operasi minyak dan gas luar pesisir global, menjadikan Malaysia sebagai pemain utama dalam sektor tenaga dunia.

Beliau turut mengasaskan Usaha Tegas dan berkhidmat sebagai pengerusinya. Di bawah kepimpinannya, Usaha Tegas melancarkan Dana Pendidikan Harapan Nusantara yang menyokong 100 pelajar setiap tahun untuk mengikuti program pengajian khusus di universiti swasta tempatan dengan kerjasama institusi antarabangsa. Selain itu, beliau turut memulakan Yayasan Yu Cai (YCF) yang memberi tumpuan kepada pembangunan pendidikan, khususnya dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia.

Legasi mendiang Tan Sri Ananda terus kekal relevan melalui industri dan kehidupan yang telah beliau transformasikan, dan generasi masa depan yang diberdayakan melalui visi filantropi beliau.





Academician Datuk Ir Hong Lee Pee FASc
22 Mei 1946 - 24 Disember 2024

Mendiang Academician Datuk Ir Hong Lee Pee FASc merupakan seorang jurutera geoteknikal dan awam yang terkenal dengan kepakaran beliau dalam asas pembangunan cerucuk, kejuruteraan geoteknik, dan sistem infrastruktur inovatif. Beliau telah membangunkan dan mempatenkan beberapa pencapaian kejuruteraan yang signifikan termasuk *Tripile*, *Ujian Dua Cerucuk*, *Penetrometer IFP*, serta konsep “Lapangan Terbang di atas Laut” — satu inovasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan telah dianugerahkan paten di beberapa negara termasuk Amerika Syarikat. Beliau juga mengasaskan PILECON Engineering Sdn Bhd dan mengembangkannya menjadi PILECON Berhad, syarikat pembinaan pertama yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Di bawah kepimpinan beliau, syarikat ini memainkan peranan penting dalam merubah landskap industri pembinaan Malaysia.

Datuk Hong memegang keahlian dan pendaftaran dalam pelbagai institusi kejuruteraan di peringkat nasional dan antarabangsa, serta berkhidmat dalam pelbagai peranan kepimpinan merentasi bidang akademik, kerajaan, dan diplomasi, termasuk sebagai Pengerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Konsul Kehormat Lithuania di Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang lama berkhidmat, serta aktif menyumbang kepada badan pemikir ekonomi dan dasar.

Pada tahun-tahun akhir hayatnya, Datuk Hong giat memperjuangkan pemerkasaan pendidikan STEM, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah dan universiti. Sebagai Presiden Akademi Kejuruteraan dan Teknologi ASEAN (AAET), beliau telah memulakan Pesta Sains Kejuruteraan Kuala Lumpur (KLESF), yang kini berkembang menjadi acara tahunan utama yang disokong oleh pelbagai agensi dan institusi kebangsaan.

Komitmen berterusan mendiang Datuk Hong terhadap pendidikan, inovasi dan pembangunan negara terus menjadi inspirasi kepada para jurutera, penyelidik, penggubal dasar, dan generasi muda di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Laporan Kewangan

Gambaran Keseluruhan & Analisis Kewangan

Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia dan laporannya disediakan mengikut Akta Akademi Sains Malaysia (Akta 524) dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan ASM serta ringkasan urusniaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 10 Februari 2025. Ketua Audit Negara telah mengaudit Penyata Kewangan 2024 dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara pada 14 April 2025.

Penyata Kedudukan Kewangan

Kedudukan Kewangan ASM pada tahun 2024 mencatatkan lebih terkumpul berjumlah RM13,618,887 [2023:RM13,422,540]. Jumlah aset yang telah direkodkan pada 2024 adalah RM283,416,496 [2023:RM272,507,332] manakala jumlah liabiliti pula adalah RM269,797,609 [2023:RM259,084,792].



Jawatankuasa Kewangan 2024/2025

Academician Emeritus Profesor Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc, Bendahari Kehormat (Pengerusi)

- Profesor Dato' TPr Dr Alias Abdullah FASc
- Ts Dr Chantara Thevy Ratnam FASc
- Dato' Dr Jalaluddin Harun FASc
- Profesor Dato' Dr Mohd Ali Hassan FASc
- Profesor Emeritus Dato' Dr Mohd Jamil Maah FASc
- Profesor Emeritus Dr Normah Mohd Noor FASc
- Profesor Datuk Dr Rohana Yusof FASc
- Profesor Dr Zainuriah Hassan FASc

Liabiliti

Geran Pembangunan

RM250,524,853

ASM menguruskan empat projek di bawah RMKe-12.

Geran Tertunda

RM6,655,863

ASM menerima beberapa projek daripada Kerajaan Malaysia untuk tujuan tertentu. ASM terikat dengan terma rujukan dan tempoh program seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

Geran Tertunda Antarabangsa

RM1,050,886

Peruntukan ISTIC di bawah UNESCO Kategori II yang dihoskan oleh Kerajaan Malaysia.

Pelaburan ASM

Simpanan tetap dibuat dalam tempoh 12 bulan atau kurang. Purata wajaran kadar faedah berkesan ialah 3.86% setahun [2023:4.10% setahun].


Penyata Prestasi Kewangan

ASM mencatatkan lebih selepas cukai pada tahun 2024 berjumlah RM196,347, berbanding tahun 2023 yang mencatatkan defisit selepas cukai berjumlah RM523,748. Ini menunjukkan keseluruhan perbelanjaan ASM bagi tahun 2024 ialah 99%. Ini merupakan peningkatan ketara Pengurusan ASM dalam memantau perbelanjaan operasinya.


Hasil (RM)



Pengurusan ASM



Geran Operasi ASM (RM)



Perbelanjaan (RM)



Sijil Kewangan



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN AKADEMI SAINS MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Akademi Sains Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 34.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Akademi Sains Malaysia pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 [Akta 524].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Akademi Sains Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Majlis, Akademi Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 [Akta 524]. Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Akademi Sains Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas

kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Akademi Sains Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Akademi Sains Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Akademi Sains Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Akademi Sains Malaysia hendaklah mengambil tindakan proaktif berbincang dengan pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam berhubung baki geran *Study on Environmental Quality Act* sebanyak RM769,304 yang tidak menunjukkan pergerakan sejak tahun 2022 agar baki geran tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Sijil ini dibuat untuk Majlis, Akademi Sains Malaysia berdasarkan keperluan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 [Akta 524] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERFWAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 APRIL 2025






Academy of Sciences Malaysia

PENYATA PRESIDEN DAN BENDAHARI KEHORMAT AKADEMI SAINS MALAYSIA
STATEMENT BY PRESIDENT AND HONORARY TREASURER OF THE ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA

Kami, **ACADEMICIAN DATUK DR. TENGKU MOHD AZZMAN SHARIFFADEEN TENGKU IBRAHIM FASC** dan **ACADEMICIAN DATIN PADUKA SETIA DATO' DR. AINI IDERIS FASC**, yang merupakan Presiden dan Bendahari Kehormat AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM) dan juga Ahli Majlis, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis ASM, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan ASM pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

*We, **ACADEMICIAN DATUK DR. TENGKU MOHD AZZMAN SHARIFFADEEN TENGKU IBRAHIM FASC** and **ACADEMICIAN DATIN PADUKA SETIA DATO' DR. AINI IDERIS FASC** being the President and Honorary Treasurer of the ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA (ASM) as well as Council Members, do hereby declare that, in the opinion of ASM Council, the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Net Assets, Statement of Cash Flow and Statement of Comparison Budget and Actual together with the notes contained therein are drawn up in order to give a true and fair view of the financial position of ASM as at 31 December 2024 and the resulting revenues and changes in the financial position of the period ending on that date.*

Bagi pihak Majlis
On behalf of the Council


ACADEMICIAN DATUK DR. TENGKU MOHD AZZMAN SHARIFFADEEN TENGKU IBRAHIM FASC
Presiden / President
Akademi Sains Malaysia / Academy of Sciences Malaysia

KUALA LUMPUR, MALAYSIA
Tarikh / Date: **28 MAR 2025**

20th Floor, West Wing, MATRADE Tower
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50489 Kuala Lumpur
T: 03 6203 0633 F: 03 6203 0634
www.aksainsains.gov.my



Academy of Sciences Malaysia

PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN AKADEMI SAINS MALAYSIA
DECLARATION BY CHIEF EXECUTIVE OFFICER ON THE FINANCIAL MANAGEMENT OF THE ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA

Saya, **HAZAMI BINTI HABIB**, No. K/P: 660619-08-5516 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

*I, **HAZAMI BINTI HABIB**, NRIC No: 660619-08-5516 being the officer primarily responsible for the financial management of the ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA (ASM), do solemnly and sincerely declare that the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Net Assets, Statement of Cash Flow and Statement of Comparison Budget and Actual together with the notes therein, are the best of my knowledge and belief, correct, and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act 1960.*

Sebenarnya dan
sesungguhnya diakui oleh
penama di atas di Kuala
Lumpur, Malaysia
Subscribed and solemnly
declared by the abovenamed
at Kuala Lumpur, Malaysia


HAZAMI BINTI HABIB

Tarikh / Date: **28 MAR 2025**

Di hadapan saya / Before me:


A-11 401
CHONG JIAH YEE
KOMPLEKS MATRADE
KUALA LUMPUR
JALAN TUANKU AL-HAJAH
01.07.2024 - 060619227
MALAYSIA

20th Floor, West Wing, MATRADE Tower
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50489 Kuala Lumpur
T: 03 6203 0633 F: 03 6203 0634
www.aksainsains.gov.my

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
ASET			
Aset Semasa			
Wang Tunai dan Baki di Bank	3	3,328,150	2,990,455
Simpanan Tetap	4	275,405,753	264,399,335
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	5	140,696	26,470
Akaun Belum Terima Lain	6	764,382	769,369
Jumlah Aset Semasa		279,638,981	268,185,629
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	3,413,515	3,853,703
Aset Tidak Ketara	8	364,000	468,000
Jumlah Aset Bukan Semasa		3,777,515	4,321,703
JUMLAH ASET		283,416,496	272,507,332
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	10	11,002,485	1,315,269
Peruntukan Manfaat Pekerja	11	380,907	290,526
Terimaan Terdahulu	12	81,061	133,409
Peruntukan Cukai	25	-	43,095
Jumlah Liabiliti Semasa		11,464,453	1,782,299
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Pekerja	11	101,554	78,466
Geran Tertunda	13	6,655,863	5,345,140
Geran Tertunda – Pejabat Antarabangsa	14	1,050,886	980,963
Geran Tertunda Pembangunan	15	250,524,853	250,897,924
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		258,333,156	257,302,493
JUMLAH LIABILITI		269,797,609	259,084,792
ASET BERSIH		13,618,887	13,422,540
DIBIAYAI OLEH:			
ASET BERSIH/EKUITI			
Lebihan Berkumpul		13,618,887	13,422,540
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		13,618,887	13,422,540

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	16	19,845,500	18,200,825
Urus Niaga Pertukaran	17	1,585,227	1,443,600
Jumlah Hasil		21,430,727	19,644,425
PERBELANJAAN			
Gaji dan Upahan	18	817,193	779,514
Perkhidmatan dan Bekalan	19	12,079,440	11,175,900
Perbelanjaan Program Sains	20	4,955,500	4,370,210
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	21	136,591	140,700
Manfaat Kakitangan	22	423,523	349,643
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	23	156,625	655,192
Sewaan	24	1,795,062	1,651,781
Susut Nilai Hartanah, Loji, dan Peralatan dan Pelunasan Aset Tidak Ketara	7 & 8	766,630	869,608
Jumlah Perbelanjaan		21,130,564	19,992,548
Lebihan/(Kurangan) Sebelum Cukai		300,163	(348,123)
Cukai	25	103,816	175,624
Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai		196,347	(523,747)

PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 01 Januari 2023		13,946,287	13,946,287
Kurangan Pendapatan atas Perbelanjaan		(519,744)	(519,744)
Pelarasan tahun lalu	30	(4,003)	(4,003)
Seperti dinyatakan semula		(523,747)	(523,747)
Baki pada 31 Disember 2023/ 01 Januari 2024		13,422,540	13,422,540
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan		196,347	196,347
Baki pada 31 Disember 2024		13,618,887	13,618,887

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA OPERASI</u>		
Lebihan/ (Kurangan) Sebelum Cukai	300,163	(348,123)
Pelarasan:		
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	662,630	817,608
Pelunasan Aset Tidak Ketara	104,000	52,000
Pendapatan Faedah daripada Deposit Jangka Pendek dan Simpanan Tetap	(494,602)	(546,934)
Keuntungan daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(65)	-
Kerugian daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	109,982	571,044
Peruntukan Manfaat Pekerja	429,236	362,136
Lebihan dari Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	1,111,344	907,731
Penurunan/ (Peningkatan) daripada Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	172,515	(56,796)
Peningkatan / (Penurunan) daripada Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	9,687,216	(80,193)
Penurunan daripada Terimaan Terdahulu	(52,348)	(253,403)
Bayaran Manfaat Pekerja	(315,767)	(275,014)
Tunai Dijana untuk Aktiviti Operasi	10,602,960	242,325
Cukai Dibayar	(186,985)	(112,717)
Pulangan Cukai	20,012	-
Tunai Bersih Dijana untuk Aktiviti Operasi	10,435,987	129,608
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u>		
Terimaan daripada Pelupusan Hartanah, Loji, dan Peralatan	79	16,056
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(332,439)	(904,570)
Pembelian Aset Tidak Ketara	-	(520,000)
Pengurangan Kerja dalam Kemajuan	-	581,394
Faedah Diterima	232,911	332,486
Tunai Bersih Digunakan daripada Aktiviti Pelaburan	(99,449)	(494,634)
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</u>		
Terimaan Geran Tertunda	4,817,330	1,503,225
Bayaran Geran Tertunda	(3,506,607)	(5,995,295)
Terimaan Geran Tertunda - Antarabangsa	2,139,521	2,133,046
Bayaran Geran Tertunda - Antarabangsa	(2,069,598)	(1,928,279)
Terimaan Geran Tertunda - Pembangunan	2,865,000	254,050,000
Bayaran Geran Tertunda - Pembangunan	(3,238,071)	(3,200,099)
Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Pembiayaan	1,007,575	246,562,598
PENINGKATAN BAKI TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	11,344,113	246,197,572
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	267,389,790	21,192,218
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	278,733,903	267,389,790

Nota di muka surat 7 hingga 34 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
<u>DIWAKILI OLEH:</u>		
Simpanan Tetap	275,405,753	264,399,335
Wang Tunai dan Baki di Bank	3,328,150	2,990,455
	278,733,903	267,389,790

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Jumlah Bajet		Jumlah	Varian
	Asal 2024 RM	Akhir 2024 RM	Sebenar 2024 RM	Bajet 2024 RM
<u>PENERIMAAN</u>				
Urus Niaga Bukan Pertukaran				
Pemberian Kerajaan	15,000,000	15,000,000	15,000,000	-
<u>PEMBAYARAN</u>				
Gaji dan Upahan	827,985	827,985	817,193	10,792
Perkhidmatan dan Bekalan	13,408,086	13,408,086	13,242,726	165,360
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	518,444	518,444	493,420	25,024
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	245,485	245,485	190,992	54,493
	15,000,000	15,000,000	14,744,331	255,669
PENERIMAAN BERSIH	-	-	255,669	255,669

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1 MAKLUMAT AM

a) Penubuhan dan Objektif Utama

Akademi Sains Malaysia (ASM) telah ditubuhkan di bawah Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524). Objektif utama ASM adalah untuk mencapai, menggalak dan meningkatkan kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi khusus untuk kemajuan dan pembangunan negara serta untuk kebaikan manusia sejagat.

b) Mata Wang Fungsian untuk Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan ASM. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM.

c) Tarikh Penyata Kewangan Diluluskan

Penyata Kewangan Akademi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis ASM pada 28 Mac 2025.

2 DASAR PERAKAUNAN

a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ASM telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan, anggaran dan andaian ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia telah didedahkan dalam Nota 2(p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran kepada penyata kewangan.

b) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali terdapat liabiliti yang juga diiktiraf dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

b) Pengiktirafan Hasil (Samb.)

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Samb.)

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Geran dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.

ii. Sumbangan

Sumbangan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Sumbangan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai liabiliti dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Sumbangan dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut :

i. Pendapatan Faedah dan Pendapatan daripada Pelaburan

Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

Pendapatan faedah daripada simpanan dan deposit konvensional serta pendapatan daripada pelaburan diiktiraf mengikut asas akrual.

ii. Lain - lain Hasil

Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan diiktirafkan pada nilai kos RM2,000 dan ke atas atau yang memerlukan penyelenggaraan secara berkala akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos bangunan ASM di Jalan Tun Ismail yang dinilai pada tahun 2017 adalah berjumlah RM3,399,000. Namun, penilaian semula telah dilakukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) ke atas bangunan yang sama pada 20 April 2021 dengan nilai kos bangunan berjumlah RM2,170,000.

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus di atas kos di sepanjang tempoh hayat kegunaan aset tersebut pada kadar yang berikut:-

Bangunan	60 tahun
Kenderaan	5 tahun
Peralatan Pejabat	5 tahun
Komputer	5 tahun
Alat Telekomunikasi	5 tahun
Ubahsuai Pejabat – Jalan Tun Ismail	10 tahun
Ubahsuai Pejabat – MATRADE	3 tahun

Susut nilai penuh dikenakan dalam tahun pembelian bagi hartanah, loji dan peralatan. Baki bersih setiap hartanah dan peralatan hendaklah tidak kurang daripada RM1. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada kerja-kerja yang melibatkan hartanah dan peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusutnilaikan sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

d) Aset Tidak Ketara

Aset Tidak Ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenal pasti tanpa kewujudan secara fizikal dan tidak mempunyai bentuk. Jenis aset tidak ketara termasuklah hak cipta, lesen, paten dan harta intelek. Aset Tidak Ketara dikira berasaskan kaedah garis lurus di atas kos dan dilunaskan pada kadar yang berikut:-

Pangkalan Data	5 tahun
----------------	---------

e) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, ASM mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

ii. Aset Penjanaan Bukan Tunai

ASM akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka ASM akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai sedang digunakan, ASM telah menggunakan pendekatan kos penggantian disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, baki nilai semasa aset berpotensi ditentukan sebagai kos penggantian disusut nilai bagi aset. Perbelanjaan susut nilai diukur dengan mengambil kira kos penggantian aset tersebut, ditolak susut nilai terkumpul yang dikira berdasarkan kos tersebut, untuk menggambarkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau yang telah tamat tempoh.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

e) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Samb.)

ii. Aset Penjanaaan Bukan Tunai (Samb.)

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, ASM menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang ada.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, ASM menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya.

f) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila ASM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung dalam menerbitkan aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana ASM membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

ASM hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

i. Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau bayaran yang boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

f) Aset Kewangan (Samb.)

ii. Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila ASM mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

iii. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, ASM akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- a. kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; atau
- b. pembayaran tertunggak; atau
- c. kemungkinan bahawa peminjam akan mufli; atau
- d. data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam ASM yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

iv. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta ASM telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

g) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

h) Manfaat Kakitangan

i. Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

ASM sebagai sebuah badan berkanun persekutuan menggunakan peraturan-peraturan perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diterima pakai oleh ASM dan dasar ASM sebagai panduan. Manfaat pekerja jangka pendek ini merangkumi gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan dan kemudahan perubatan serta insurans.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, elaun, sumbangan berkanun dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Cuti bergaji seperti cuti tahunan yang tidak dapat digunakan oleh pekerja boleh di bawa ke tahun hadapan perkhidmatan pekerja tersebut. Bagaimanapun, bagi cuti yang tidak layak di bawa ke tahun hadapan seperti cuti sakit, cuti tersebut hanya akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

ii. Manfaat Selepas Perkhidmatan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

ASM membuat caruman KWSP mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan oleh KWSP. Kadar caruman yang digunapakai oleh ASM adalah 12% dan 13% bagi kakitangan di bawah 60 tahun, manakala bagi kakitangan berumur 60 tahun ke atas, kadar caruman yang digunapakai adalah 4% dan 6%. Kadar caruman ini juga terpakai bagi kakitangan tetap yang memilih caruman KWSP.

Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP)

ASM juga membuat caruman kepada KWAP bagi kakitangan tetap yang memilih caruman pencen. Kadar caruman yang digunapakai adalah mengikut seperti yang ditetapkan oleh KWAP iaitu 17.5%.

iii. Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan

Kakitangan Tetap

Bagi kakitangan tetap ASM sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat Gantian Cuti Rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. GCR ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diguna pakai oleh ASM.

Gantian Cuti Rehat adalah dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times \text{gaji} + \text{imbuhan tetap akhir yang diterima} \times \text{bilangan hari cuti rehat yang dikumpul}$
(tertakluk kepada had maksimum 180 hari)

Imbuhan yang diambil kira adalah:

- Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)/Keraian

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

h) Manfaat Kakitangan (Samb.)

iii. Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan (Samb.)

Kakitangan Kontrak

ASM memberi ganjaran bagi setiap kontrak perkhidmatan *Contract of Service* (CoS) tertakluk kepada syarat kontrak. Kakitangan CoS ASM turut dibayar bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan dalam tempoh kontrak dengan maksimum 6 hari. Bayaran ganjaran dan GCR bagi kakitangan kontrak adalah mengikut terma dan syarat yang termaktub dalam pekeliling perkhidmatan awam.

i) Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengimbangnya dan terdapat tujuan menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

j) Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan berdasarkan asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja. Bajet yang dibentangkan adalah bagi rujukan pihak ASM sahaja. Bajet ini telah diluluskan oleh Majlis ASM.

k) Peruntukan dan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila ASM mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil dari peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila ASM menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam lebihan atau kurangan daripada sebarang pembayaran balik.

l) Pihak Berkaitan

ASM menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas ASM, atau sebaliknya. Kakitangan utama pihak pengurusan, Presiden, dan ahli-ahli Majlis ASM dianggap sebagai pihak berkaitan.

m) Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan ASM keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

m) Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (Samb.)

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud dari peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh ASM. ASM tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

n) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila ASM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum bayar.

ASM mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut :

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

o) Pajakan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran dengan pemilikan harta, tetapi bukan pemilikan yang sah diisi undang-undang, dipindahkan kepada ASM.

ASM pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

o) Pajakan (Samb.)

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan tanggungan tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan dirosot nilai adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti.

Dasar susut nilai bagi aset pajakan adalah konsisten dengan aset yang boleh disusut nilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa ASM akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusut nilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, ASM menilai sama ada harta pajakan di bawah pajakan kewangan perlu dirosot nilai.

Pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi pada garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Manfaat agregat insentif yang disediakan oleh pemberi pajak adalah diiktiraf sebagai pengurangan daripada perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah garis lurus.

p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

i. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya.

Kerugian Rosot Nilai bagi Akaun Belum Terima

ASM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, ASM menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa lima (5) sehingga enam puluh (60) tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB)

q) Cukai

Perbelanjaan cukai pendapatan bagi entiti yang dikawal yang diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar berhubung dengan keuntungan yang boleh dicukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf di dalam liabiliti semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf di dalam aset semasa.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila ASM mempunyai hak yang sah di sisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa di dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai. Aset cukai tertunda pula diiktiraf bagi perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan pada tahap di mana ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai pada masa hadapan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah yang terhasil dan muhibah negatif.

3 WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2024 RM	2023 RM
Tunai di Tangan	4,763	4,342
Baki di Bank	3,323,387	2,986,113
	<u>3,328,150</u>	<u>2,990,455</u>

4 SIMPANAN TETAP

	2024 RM	2023 RM
<u>ASM</u>		
Simpanan Tetap	15,302,082	14,399,335
<u>Malaysia Science Endowment (MSE)</u>		
Simpanan Tetap	260,103,671	250,000,000
	<u>275,405,753</u>	<u>264,399,335</u>

Simpanan tetap dibuat untuk pelbagai tempoh antara 12 bulan atau kurang bergantung kepada keperluan tunai segera ASM dan memperoleh faedah pada Kadar Deposit Jangka Pendek. Purata Wajaran Kadar Faedah Efektif ASM pada 31 Disember 2024 ialah 3.75% setahun (2023: 3.87% setahun) dan Purata Wajaran Kadar Faedah Efektif MSE pada 31 Disember 2024 ialah 3.57% setahun (2023: 4.12% setahun).

Malaysia Science Endowment (MSE) adalah geran padanan yang diterima berjumlah RM 250,000,000.

ASM telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi MSE oleh Parlimen di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak 4 Ogos 2022 sebagai Agensi Pelaksana MSE.

ASM bertanggungjawab untuk menjana dan mengurus dana-dana alternatif.

ASM menempatkan dana tersebut di dalam simpanan tetap, dan faedah keuntungan terkumpul daripada pelaburan direkodkan secara berasingan sebagai liabiliti berjumlah RM10,241,348 (2023 : RM113,150).

5 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2024 RM	2023 RM
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	140,696	26,470
	<u>140,696</u>	<u>26,470</u>

Urus Niaga Pertukaran Belum Terima tidak dikenakan faedah dan secara umumnya tempoh yang terlibat dari 1 hari ke 30 hari. Akaun Belum Terima diiktiraf pada nilai saksama semasa pengiktirafan awal. Amaun dijangka boleh pulih dalam masa 12 bulan, akan diiktiraf pada amaun invois asal. Jika tidak, ia akan diiktiraf pada Nilai Kini amaun invois asal.

5 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMB)

Analisis pengumuran akaun belum terima adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Tidak melebihi tempoh dan tidak terjejas	140,696	-
1 hingga 3 bulan	-	26,470
	<u>140,696</u>	<u>26,470</u>

6 AKAUN BELUM TERIMA LAIN

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
Bayaran Terdahulu	426,108	416,064
Cukai boleh diperolehi semula	20,062	-
Pendapatan Terakru	56,521	138,857
Faedah Terakru	<u>261,691</u>	<u>214,448</u>
	<u>764,382</u>	<u>769,369</u>

7 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 01 Januari 2024 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pindahan RM	Pada 31 Disember 2024 RM
<u>PADA NILAI KOS</u>				
Bangunan	2,170,000	-	-	2,170,000
Kenderaan	911,158	10,385	-	921,543
Peralatan Pejabat	1,151,467	266,348	(59,179)	1,358,636
Komputer	859,336	55,706	(155,529)	759,513
Alat Telekomunikasi	4,699	-	-	4,699
Ubahsuai Pejabat - Jalan Tun Ismail	4,686,936	-	-	4,686,936
Ubahsuai Pejabat - MATRADE	539,016	-	-	539,016
	<u>10,322,612</u>	<u>332,439</u>	<u>(214,708)</u>	<u>10,440,343</u>

	Pada 01 Januari 2024 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pindahan RM	Pada 31 Disember 2024 RM
<u>SUSUT NILAI TERKUMPUL</u>				
Bangunan	434,000	36,167	-	470,167
Kenderaan	417,660	129,068	-	546,728
Peralatan Pejabat	810,698	123,376	(59,162)	874,912
Komputer	472,506	113,553	(45,549)	540,510
Alat Telekomunikasi	705	939	-	1,644
Ubahsuai Pejabat - Jalan Tun Ismail	3,944,051	109,801	-	4,053,852
Ubahsuai Pejabat - MATRADE	389,289	149,726	-	539,015
	<u>6,468,909</u>	<u>662,630</u>	<u>(104,711)</u>	<u>7,026,828</u>

7 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)

	Pada 31 Disember 2024 RM
<u>AMAUN BAWAAN BERSIH</u>	
Bangunan	1,699,833
Kenderaan	374,815
Peralatan Pejabat	483,724
Komputer	219,003
Alat Telekomunikasi	3,055
Ubahsuai Pejabat - Jalan Tun Ismail	633,084
Ubahsuai Pejabat - MATRADE	<u>1</u>
	<u>3,413,515</u>

	Pada 01 Januari 2023 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pindahan RM	Pada 31 Disember 2023 RM
<u>PADA NILAI KOS</u>				
Bangunan	2,170,000	-	-	2,170,000
Kenderaan	662,579	396,880	(148,301)	911,158
Peralatan Pejabat	926,794	252,348	(27,675)	1,151,467
Komputer	1,439,023	209,629	(789,316)	859,336
Alat Telekomunikasi	-	4,699	-	4,699
Ubahsuai Pejabat - Jalan Tun Ismail	4,645,922	41,014	-	4,686,936
Ubahsuai Pejabat - MATRADE	539,016	-	-	539,016
	<u>10,383,334</u>	<u>904,570</u>	<u>(965,292)</u>	<u>10,322,612</u>

	Pada 01 Januari 2023 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pindahan RM	Pada 31 Disember 2023 RM
<u>SUSUT NILAI TERKUMPUL</u>				
Bangunan	397,834	36,166	-	434,000
Kenderaan	470,658	95,302	(148,300)	417,660
Peralatan Pejabat	730,730	107,636	(27,668)	810,698
Komputer	386,458	288,272	(202,224)	472,506
Alat Telekomunikasi	-	705	-	705
Ubahsuai Pejabat - Jalan Tun Ismail	3,834,196	109,855	-	3,944,051
Ubahsuai Pejabat - MATRADE	209,617	179,672	-	389,289
	<u>6,029,493</u>	<u>817,608</u>	<u>(378,192)</u>	<u>6,468,909</u>

7 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)

	Pada 31 Disember 2023 RM
AMAUN BAWAAN BERSIH	
Bangunan	1,736,000
Kenderaan	493,498
Peralatan Pejabat	340,769
Komputer	386,830
Alat Telekomunikasi	3,994
Ubahsuai Pejabat - Jalan Tun Ismail	742,885
Ubahsuai Pejabat - MATRADE	149,727
	<u>3,853,703</u>

8 ASET TIDAK KETARA

	2024 RM	2023 RM
PADA NILAI KOS		
Pada 01 Januari	520,000	-
Tambahan	-	520,000
Baki pada 31 Disember	<u>520,000</u>	<u>520,000</u>
PELUNASAN TERKUMPUL		
Pada 01 Januari	52,000	-
Tambahan	104,000	52,000
Baki pada 31 Disember	<u>156,000</u>	<u>52,000</u>
AMAUN BAWAAN BERSIH	<u>364,000</u>	<u>468,000</u>

9 KERJA DALAM KEMAJUAN

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	-	581,394
Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan	-	(140,394)
Pindahan ke Aset Tidak Ketara	-	(441,000)
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>-</u>

10 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
Perbelanjaan Terakru	761,137	1,169,752
Zakat Wakalah	-	12,367
Deposit Diterima	-	20,000
	<u>761,137</u>	<u>1,202,119</u>
Faedah Malaysia Science Endowment (MSE)	<u>10,241,348</u>	<u>113,150</u>
	<u>11,002,485</u>	<u>1,315,269</u>

ASM telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi MSE oleh Parlimen di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak 4 Ogos 2022. Sebagai Agensi Pelaksana MSE, ASM bertanggungjawab untuk menjana dan mengurus dana-dana alternatif.

ASM menempatkan dana tersebut di dalam simpanan tetap, dan keuntungan terkumpul daripada pelaburan direkodkan secara berasingan sebagai liabiliti yang perlu dibayar kepada kerajaan.

11 PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	368,992	281,870
Tambah : Peruntukan Tahun Semasa	429,236	362,136
Tolak : Pembayaran Tahun Semasa	(315,767)	(275,014)
Pada 31 Disember	<u>482,461</u>	<u>368,992</u>
	2024 RM	2023 RM
Liabiliti Semasa	380,907	290,526
Liabiliti Bukan Semasa	101,554	78,466
	<u>482,461</u>	<u>368,992</u>

12 TERIMAAN TERDAHULU

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	133,409	386,812
Tambahan	30,718	400,985
Caj Pengurusan Program	-	(60,690)
Lebihan Baki Projek	-	(61,822)
Pembelian Aset	-	(3,300)
Perbelanjaan	(83,066)	(528,576)
Baki pada 31 Disember	<u>81,061</u>	<u>133,409</u>

12 TERIMAAN TERDAHULU (SAMB)

Pecahan terimaan terdahulu adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
<i>Non-Radioactive Rare Earths Industry (NRREE)</i>	70,561	122,909
<i>Position Paper on New Horizon For STI (NHSTI)</i>	10,500	10,500
	<u>81,061</u>	<u>133,409</u>

Terimaan Terdahulu adalah sesuatu peruntukan yang diterima oleh ASM di mana ASM memainkan peranan sebagai rakan strategik dan/atau penyedia perkhidmatan bagi sesuatu projek. Peruntukan yang diterima termasuk penajaan daripada sektor korporat atau organisasi. Projek ini boleh dilaksanakan sebagai program ASM atau projek kolaborasi yang spesifikasinya ditentukan oleh organisasi yang memberi dana. Dalam hal ini, ASM terikat dengan terma rujukan dan tempoh pelaksanaan program seperti yang diihuraikan dalam perjanjian atau surat lantikan.

13 GERAN TERTUNDA

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	5,345,140	9,837,210
Tambahan	4,837,330	1,503,225
Pemulangan Peruntukan	(159,626)	(150,704)
Caj Pengurusan Program	(843,328)	(232,284)
Pelarasan	(20,000)	-
Pembelian Aset	-	(79,000)
Perbelanjaan	<u>(2,503,653)</u>	<u>(5,533,307)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>6,655,863</u>	<u>5,345,140</u>

Geran tertunda adalah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Malaysia bagi suatu objektif yang khusus. ASM adalah terikat dengan terma rujukan dan tempoh pelaksanaan program seperti yang diihuraikan dalam perjanjian atau surat lantikan.

Geran tertunda dianalisis seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Liabiliti Bukan Semasa	<u>6,655,863</u>	<u>5,345,140</u>
	<u>6,655,863</u>	<u>5,345,140</u>

13 GERAN TERTUNDA (SAMB)

Pecahan peruntukan geran tertunda adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Geran Yang Tidak Dilunaskan		
<i>Malaysian Collaborative Network Platform for Disruptive Innovation (i-CONNECT)</i>	1,427,176	1,509,016
<i>Strategic Research Fund (SRF-APP) – Fintech In Islamic Finance</i>	945,443	56,354
<i>Strategic Research Fund (SRF-APP) – Halal Supply Chain</i>	136,858	652,358
<i>Strategic Research Fund (SRF-APP) – Digital Healthcare And Wellness</i>	626,541	35,913
<i>MOE Studies</i>	128,405	128,405
<i>Development of RDCIE Roadmap</i>	-	181,046
	<u>3,264,423</u>	<u>2,563,092</u>

Geran Yang Dilunaskan

<i>Study on Environmental Quality Act</i>	769,304	769,304
<i>Water Sector Transformation 2040 (WST 2040)</i>	1,150,092	2,012,744
<i>National Education Reform</i>	1,245,497	-
<i>Malaysia Blue Economy Blueprint</i>	76,547	-
<i>National RDCIE Action Plan</i>	150,000	-
	<u>3,391,440</u>	<u>2,782,048</u>

JUMLAH GERAN TERTUNDA

	<u>6,655,863</u>	<u>5,345,140</u>
--	------------------	------------------

14 GERAN TERTUNDA - PEJABAT ANTARABANGSA

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	980,963	776,196
Tambahan	2,139,521	2,133,046
Pembelian Aset	-	(48,678)
Perbelanjaan	<u>(2,069,598)</u>	<u>(1,879,601)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>1,050,886</u>	<u>980,963</u>

Geran tertunda dianalisis seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Liabiliti Bukan Semasa	<u>1,050,886</u>	<u>980,963</u>
	<u>1,050,886</u>	<u>980,963</u>

14 GERAN TERTUNDA - PEJABAT ANTARABANGSA (SAMB)

Pecahan peruntukan geran tertunda adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
ISC ROAP	-	139,321
ISTIC 3.0	1,050,886	823,021
UNESCO	-	18,621
	<u>1,050,886</u>	<u>980,963</u>

International Science Council Regional Office for Asia and the Pacific (ISC ROAP)

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	139,321	776,196
Perbelanjaan	<u>(139,321)</u>	<u>(636,875)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>139,321</u>

International Science Council (ISC) memainkan peranan di peringkat global sebagai pemangkin dengan mengadakan persidangan kepakaran saintifik, memberi nasihat dan input mengenai isu-isu yang menjadi keutamaan sains dan masyarakat. ISC telah dilancarkan pada 2018 berikutan penggabungan International Council for Science (ICSU) yang telah ditubuhkan pada 1931, dan International Social Science Council (ISSC) yang telah ditubuhkan pada 1952.

International Science, Technology and Innovation Centre (ISTIC)

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	823,021	-
Tambahan	2,139,521	2,012,803
Pemindahan baki projek UNESCO	18,621	-
Pembelian Aset	-	(48,678)
Perbelanjaan	<u>(1,930,277)</u>	<u>(1,141,104)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>1,050,886</u>	<u>823,021</u>

ISTIC merupakan pusat UNESCO kategori II yang dihos oleh Kerajaan Malaysia sejak 26 Mac 2009. Kerajaan Malaysia dan UNESCO telah bersetuju untuk memperbaharui perjanjian untuk menghos ISTIC selama enam tahun sehingga 2027. Sehubungan itu, ASM sebagai hos mewakili Kerajaan Malaysia, juga telah menandatangani perjanjian berasingan dengan UNESCO. Kos operasi dan program ISTIC dibiayai oleh Kerajaan Malaysia melalui geran operasi ASM.

Matlamat ISTIC adalah untuk menyumbang ke arah pencapaian objektif program strategik UNESCO khususnya menggalakkan perhubungan antara sains, masyarakat dan dasar inklusif beretika untuk pembangunan mampan serta mengukuhkan dasar dan penglibatan STI dengan masyarakat; pembinaan kapasiti dalam sains dan teknologi melalui nasihat dasar dan pertukaran pengalaman dan amalan terbaik; memupuk kerjasama dalam kalangan kerajaan, ahli akademik dan industri bagi memudahkan pertukaran ilmu antara sektor awam dan swasta; menjalankan penyelidikan dan menyediakan pengetahuan, termasuk melalui sains terbuka dan teknologi baharu yang berpotensi; dan membangunkan rangkaian dan kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan program latihan di peringkat serantau dan antarabangsa serta memudahcara pertukaran dan penyebaran maklumat.

15 GERAN TERTUNDA PEMBANGUNAN

	2024 RM	2023 RM
Baki pada 01 Januari	250,897,924	48,023
Tambahan	2,865,000	254,050,000
Pelunasan ke Penyata Prestasi Kewangan	-	(103,205)
Aset	(3,238,071)	(3,096,894)
Perbelanjaan	<u>250,524,853</u>	<u>250,897,924</u>
Baki pada 31 Disember	<u>250,524,853</u>	<u>250,897,924</u>

Geran Pembangunan ialah peruntukan untuk kajian atau projek yang dijalankan dalam tempoh lima (5) tahun di bawah Rancangan Malaysia (RM) yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, MOSTI dan Kementerian Kewangan.

Geran tertunda pembangunan dianalisis seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Liabiliti Bukan Semasa	<u>250,524,853</u>	<u>250,897,924</u>
	<u>250,524,853</u>	<u>250,897,924</u>

Pecahan peruntukan geran tertunda adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
<i>Digitalisation and Internet of Things (IoT) Programme for Biodiversity</i>	19,745	125,700
<i>National Planetary Health Action Plan (NPHAP)</i>	494,540	497,663
<i>Wireless Bridging System</i>	10,568	274,561
<i>Malaysia Science Endowment (MSE)</i>	<u>250,000,000</u>	<u>250,000,000</u>
	<u>250,524,853</u>	<u>250,897,924</u>

16 URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2024 RM	2023 RM
Geran Mengurus	15,000,000	13,938,200
Pelunasan Hasil Geran Tertunda	1,202,813	714,593
Pelunasan Hasil Geran Tertunda	-	48,678
- Pejabat Antarabangsa	-	48,678
Pelunasan Hasil Geran Tertunda Pembangunan	3,238,071	3,200,099

Lain-lain Hasil:

	2024 RM	2023 RM
Hasil Sumbangan	400,000	200,000
Caj Sewaan Pejabat	-	80,000
Bayaran Balik Program	-	15,547
Pembalikan Belanja	2,828	124
Bayaran Balik Insolvensi	1,788	3,584
	<u>19,845,500</u>	<u>18,200,825</u>

17 URUS NIAGA PERTUKARAN

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
Caj Pengurusan Program	843,327	292,974
Faedah Akaun Semasa	5,319	13,852
Faedah Simpanan Tetap	489,283	533,082
Lain-lain Hasil – ASM	247,298	602,292
Lain-lain Hasil – ISTIC	-	1,400
	<u>1,585,227</u>	<u>1,443,600</u>

18 GAJI DAN UPAHAN

	2024 RM	2023 RM
Kakitangan Tetap:		
Gaji dan Upahan	597,451	564,316
Elaun-elaun Tetap	141,067	151,377
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	40,952	39,760
Elaun Lebih Masa Kakitangan	16,911	8,191
Faedah Kewangan yang Lain	20,812	15,870
	<u>817,193</u>	<u>779,514</u>

Kakitangan tetap ASM adalah merupakan kakitangan perkhidmatan awam yang dilantik dan mengisi waran perjawatan JPA. Pembayaran gaji, upah dan bayaran kenaan tetap adalah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2016. ASM telah mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2024 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa 1 Disember 2024.

19 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
Perbelanjaan Pengurusan Pentadbiran	2,688,205	2,145,606
Emolumen Kakitangan Kontrak	7,154,757	6,569,822
Komunikasi Sains	357,393	268,474
Hal Ehwal Keahlian	462,000	885,450
Kreatif, Pengeluaran dan Reka Bentuk	10,701	-
Akhbar ASM	101,693	21,355
Biro Hal Ehwal Antarabangsa	563,636	318,825
Flagship dan NICHE Studies	208,886	170,842
STI Initiative and Partnership	520,313	785,708
Malaysia Science Endowment	11,856	9,818
	<u>12,079,440</u>	<u>11,175,900</u>

Perkhidmatan dan Bekalan adalah perbelanjaan operasi ASM yang berlaku dalam melaksanakan 14 fungsi ASM seperti yang termaktub dalam Akta Akademi Sains Malaysia 1994. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah berdasarkan strategi dan hala tuju semasa yang ditetapkan oleh Majlis ASM. Perbelanjaan pentadbiran utama merangkumi pengurusan fasiliti, teknologi maklumat, kewangan dan akaun, pengurusan data dan analisis serta perbelanjaan bagi jawatankuasa dan badan bertindak ASM.

19 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN (SAMB)

Selain itu, gaji dan upahan bagi kakitangan kontrak ASM adalah dilantik mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 2/2008. Pembayaran gaji, upah dan bayaran kenaan tetap adalah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2016.

ASM telah mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2024 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa 1 Disember 2024.

20 PERBELANJAAN PROGRAM SAINS

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
Aktiviti Jaringan Kerjasama dan Kolaborasi		
<i>STI Initiative and Partnership (NHSTI)</i>	31,550	109,147
	<u>31,550</u>	<u>109,147</u>
Perbelanjaan Geran Tertunda		
<i>Malaysia Open Science Platform (MOSP)</i>	-	535,278
<i>Study on Environmental Quality Act</i>	-	82,800
<i>Water Sector Transformation 2040 (WST 2040)</i>	762,014	-
<i>Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM)</i>	-	17,515
<i>National Education Reform</i>	419,320	-
<i>Malaysia Blue Economy Blueprint</i>	21,479	-
	<u>1,202,813</u>	<u>635,593</u>
Perbelanjaan Geran Tertunda Pembangunan		
<i>Digitalisation and Internet of Things (IoT) Programme for Biodiversity</i>	2,020,955	2,619,118
<i>National Planetary Health Action Plan (NPHAP)</i>	953,123	452,337
<i>Wireless Bridging System</i>	263,993	25,439
	<u>3,238,071</u>	<u>3,096,894</u>
Perbelanjaan Terimaan Terdahulu		
<i>Cosmic Connections Langkawi</i>	-	54,920
<i>Non-Radioactive Rare Earths Industry (NRREE)</i>	52,348	184,803
<i>Position Paper on New Horizon For STI (NHSTI)</i>	30,718	92,153
	<u>83,066</u>	<u>331,876</u>
Sumbangan Dana		
<i>ArtScience Initiative</i>	-	196,700
<i>International Conference on Tropical Science</i>	400,000	-
	<u>400,000</u>	<u>196,700</u>
JUMLAH PERBELANJAAN PROGRAM SAINS	4,955,500	4,370,210

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh ASM adalah tersenarai sebagai Program Sains. Ini merangkumi aktiviti teras ASM dan juga aktiviti yang dilaksanakan oleh ASM bagi pihak Kerajaan dan atau organisasi lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui geran/peruntukan yang diterima. Manakala, Perbelanjaan Geran Tertunda merupakan aktiviti yang dilaksanakan dengan memenuhi terma dan syarat sesuatu program.

21 PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan Semula</i>
Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan (KSKK)	25,000	25,000
Pencen	69,897	65,263
Sumbangan/Langganan Antarabangsa	41,694	50,437
	<u>136,591</u>	<u>140,700</u>

22 MANFAAT KAKITANGAN

	2024 RM	2023 RM
Gantian Cuti Rehat Kakitangan Tetap	71,110	26,734
Gantian Cuti Rehat Kakitangan Kontrak	32,771	36,282
Ganjaran Kakitangan Kontrak	319,642	286,627
	<u>423,523</u>	<u>349,643</u>

23 PERBELANJAAN - PERBELANJAAN LAIN

	2024 RM	2023 RM
Yuran, Insurans, Cukai, dan Duti Setem	44,373	33,545
Rugi Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	109,982	587,091
Rugi Pertukaran Mata Wang	2,270	1,576
Zakat	-	32,980
	<u>156,625</u>	<u>655,192</u>

24 SEWAAN

	2024 RM	2023 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Sewaan Bangunan	1,498,720	1,473,662
Sewaan Ruang Simpanan	22,498	18,240
Sewaan Alat Kelengkapan Pejabat	63,705	62,340
Sewaan Alat Kelengkapan Elektrik	20,183	21,845
Sewaan Lain-Lain	108,706	32,531
Sewaan Tempat Letak Kenderaan	81,250	43,163
	<u>1,795,062</u>	<u>1,651,781</u>

25 CUKAI

	2024 RM	2023 RM
Liabiliti Cukai:		
Liabiliti/ (Lebihan) Cukai pada 01 Januari	43,095	(19,812)
Cukai	103,816	175,624
Cukai telah Dibayar	(186,985)	(112,717)
Pulangan cukai pada tahun semasa	20,012	-
(Terlebih Bayar) / Liabiliti Cukai pada 31 Disember	<u>(20,062)</u>	<u>43,095</u>
Percukaian:		
Cukai Tahun Semasa	108,997	175,624
Terlebih Peruntukan Tahun Lalu	(5,181)	-
Cukai	<u>103,816</u>	<u>175,624</u>

ASM layak menikmati layanan pengecualian cukai pendapatan melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) Tahun 2006.

26 SUMBER MANUSIA

Pengurusan ASM terdiri daripada kakitangan tetap dan kontrak. Jumlah kakitangan ASM pada 31 Disember 2024 adalah seramai 100 orang (2023: 96) seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Kakitangan Tetap:		
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	1	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	2	2
Kumpulan Pelaksana	6	6
Kakitangan Kontrak Perkhidmatan:		
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	68	62
Kumpulan Pelaksana	23	25
Jumlah Keseluruhan Kakitangan:		
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	1	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	70	64
Kumpulan Pelaksana	29	31
	<u>100</u>	<u>96</u>

27 PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI

Kepimpinan ASM diterajui oleh Majlis ASM yang dipengerusikan oleh Presiden. Majlis ASM menentukan hala tuju ASM dan menetapkan dasar ASM. Semua keputusan Majlis ASM dilaksanakan oleh Pengurusan ASM yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE).

	2024 RM	2023 RM
Ahli Majlis:		
Jumlah Elaun Ahli Majlis	28,000	35,750
Ahli Jawatankuasa Kewangan:		
Jumlah Elaun	34,000	33,500
Ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO):		
Jumlah Elaun	10,250	10,250
Ahli Jawatankuasa Penasihat Dasar STI:		
Jumlah Elaun	75,750	84,500
Kakitangan Pengurusan Utama:		
Manfaat Jangka Pendek	267,053	260,502
	<u>415,053</u>	<u>424,502</u>

Majlis merupakan badan tertinggi ASM yang ditubuhkan di bawah Akta Akademi Sains Malaysia 1994 bagi menjalankan fungsi-fungsi ASM serta mengurus dan mengawal selia hal-ehwal Akademi. Ahli Majlis ASM adalah terdiri daripada 16 orang yang dipilih dari kalangan Felo di Mesyuarat Agung Tahunan ASM kecuali Presiden yang dilantik oleh SPB Yang Di-Pertuan Agong. Majlis ASM yang diketuai oleh Presiden terdiri daripada Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat dan 12 orang Ahli Majlis Biasa. Majlis bersidang empat (4) hingga lima (5) kali setahun bagi memutuskan hala tuju dan pelaksanaan aktiviti ASM.

Jawatankuasa Kewangan ASM pula berperanan mengawasi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan prosedur, sistem dan pelaporan berkaitan kewangan ASM dan dipengerusikan oleh Bendahari Kehormat dan dibantu oleh lapan (8) orang ahli.

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) berperanan membantu Majlis dalam mengurus dan mengawal selia aktiviti pengurusan harian serta hal-ehwal Akademi. EXCO terdiri daripada Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung, dan Bendahari Kehormat. Jawatankuasa EXCO bersidang bagi pihak Majlis ASM untuk membantu memutuskan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan, perbincangan dan pandangan pada kadar segera.

Jawatankuasa Penasihat Dasar STI (STIPAC) berfungsi memantau dan menyediakan hala tuju strategik, dan memberi input kepada semua kajian-kajian di ASM serta dasar dan strategi negara yang berkaitan dengan STI berdasarkan asas bukti yang kukuh serta membuat keputusan termaklum. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam memastikan ASM sentiasa memberikan nasihat saintifik dan advokasi terbaik, bebas, boleh dipercayai, relevan dan tepat pada masanya demi kepentingan negara dan masyarakat. STIPAC dipengerusikan oleh Presiden ASM dan dibantu oleh 22 ahli.

Kakitangan Pengurusan Utama merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) ASM yang berperanan sebagai Pegawai Pengawal ASM dan mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, melaksana dan mengawal aktiviti-aktiviti ASM. KPE juga bertanggungjawab melaporkan prestasi dan status semua aktiviti kepada Majlis ASM.

28 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

i. Objektif dan Polisi Risiko Pengurusan Kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan ASM bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan perniagaan, menguruskan risiko kredit, tukaran asing dan kecairan. ASM beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh ASM dan dasar ASM adalah untuk tidak terlibat dalam urusi niaga spekulatif.

ii. Risiko Kredit

Risiko kredit atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan penerapan tatacara kelulusan kredit, had dan pengawasan yang ketat. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi secara ketat dengan menghadkan kerjasama ASM dengan rakan perniagaan yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Penghutang diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan ASM.

Bagi wang tunai dan baki di bank, simpanan tetap dan deposit jangka pendek, ASM mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

iii. Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan ASM akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

iv. Risiko Kecairan

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah risiko bahawa ASM akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan ASM kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti ASM pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

ASM mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

	Kurang Tempoh Setahun RM	Lebih Tempoh Setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2024			
Akaun Belum Bayar	<u>761,137</u>	<u>-</u>	<u>761,137</u>
Pada 31 Disember 2023			
Akaun Belum Bayar	<u>1,169,752</u>	<u>-</u>	<u>1,169,752</u>

v. Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum bayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

29 NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet ASM telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024. Bajet asal telah diluluskan MOSTI dan dimaklumkan melalui emel bertarikh 26 Februari 2024.

30 PELARASAN TAHUN LALU

Pada tahun 2023, ASM telah berkurang nyata lain-lain hasil ASM sebanyak RM 109,147 dan telah terlebih nyata faedah simpanan tetap nyata faedah simpanan tetap sebanyak RM 113,150, hasil yang diperolehi dari simpanan tetap Malaysia Science Endowment (MSE). Faedah ini diperolehi daripada keuntungan simpanan tetap yang diperolehi daripada dana yang diterima oleh ASM. Keuntungan daripada pelaburan perlu direkodkan secara berasingan di dalam urus niaga pertukaran belum bayar.

Justeru, kesan dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu RM	Pelarasan RM	Dinyatakan Semula RM
--	-------------------------------	-----------------	----------------------------

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

Liabiliti Semasa			
Urus niaga pertukaran belum bayar	<u>1,202,119</u>	<u>113,150</u>	<u>1,315,269</u>

Aset bersih			
Lebihan Berkumpul	<u>13,426,543</u>	<u>(4,003)</u>	<u>13,422,540</u>

Penyata Prestasi Kewangan Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Urus niaga pertukaran			
Faedah simpanan tetap	646,232	(113,150)	533,082
Lain-lain Hasil – ASM	493,145	109,147	602,292
Jumlah Hasil	19,648,428	(4,003)	19,644,425
Kurangan sebelum cukai	(344,120)	(4,003)	(348,123)
Kurangan selepas cukai	<u>(519,744)</u>	<u>(4,003)</u>	<u>(523,747)</u>

Penyata Aliran Tunai Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

Kurangan sebelum cukai	(344,120)	(4,003)	(348,123)
------------------------	-----------	---------	-----------

Pelarasan:			
Pendapatan faedah	(660,084)	113,150	(546,934)

Perubahan dalam modal kerja:

Penigkatan daripada urus niaga Pertukaran belum terima	52,351	(109,147)	56,796
---	--------	-----------	--------

Penurunan daripada urus niaga Pertukaran belum bayar	(193,343)	113,150	(80,193)
---	-----------	---------	----------

30 PELARASAN TAHUN LALU (SAMB)

Tunai bersih dijana untuk aktiviti Operasi	<u>16,458</u>	<u>113,150</u>	<u>129,608</u>
---	---------------	----------------	----------------

Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan			
Faedah Diterima	445,636	(113,150)	332,486

Tunai bersih digunakan daripada Aktiviti Pelaburan	(381,484)	(113,150)	(494,634)
---	-----------	-----------	-----------

Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

Lebihan terkumpul	<u>13,426,543</u>	<u>(4,003)</u>	<u>13,422,540</u>
-------------------	-------------------	----------------	-------------------



31 PENGKELASAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan tahun lalu telah dipinda kerana pengkelasan semula transaksi perbelanjaan program sains seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu RM	Pengkelasan RM	Dinyatakan Semula RM
--	-------------------------------	-------------------	----------------------------

Penyata Prestasi Kewangan Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Perbelanjaan			
Perkhidmatan dan bekalan	9,640,017	1,535,883	11,175,900
Perbelanjaan program sains	5,957,963	(1,587,753)	4,370,210
Sumbangan dan kenaikan bayaran tetap	121,361	19,339	140,700
Sewaan	<u>1,619,250</u>	<u>32,531</u>	<u>1,651,781</u>



MAKLUMAT LANJUT



JAWATANKUASA PENGURUSAN 2024

Ahli Majlis

Pengerusi: Presiden, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc

Jawatan Eksekutif (EXCO)

Presiden, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc

Jawatankuasa Penasihat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STIPAC)

Presiden, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc

Jawatankuasa Kewangan

Bendahari Kehormat, Academician Profesor Emeritus Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc

Jawatankuasa Kecil Pelaburan ASM

Pengerusi: Dato' Dr Jalaluddin Harun FASc

Jawatankuasa Audit

Pengerusi: Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali FASc

Jawatankuasa Keahlian

Pengerusi: Naib Presiden, Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc

Kumpulan Respons Media dan Fokus Domain Awam

Pengerusi: Setiausaha Agung, Profesor ChM Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc

Jawatankuasa Penasihat Presiden

Pengerusi: Presiden, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc

Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa

Pengerusi: Naib Presiden, Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc

Jawatankuasa Felo Kanan

Pengerusi: Academician Emeritus Profesor Dato' Dr V.G. Kumar Das FASc

Jawatankuasa Penerbitan

Pengerusi: Setiausaha Agung, Profesor ChM Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc

• Sidang Redaksi ASM Science Journal

Pengerusi: Profesor Dato' Dr Mohd Ali Hassan FASc

• Sidang Redaksi e-estidotmy

Pengerusi: Profesor Ir Dr Rosdiadee Nordin

Jawatankuasa Disiplin Pihak Pengurusan Atasan

Pengerusi: Setiausaha Agung, Profesor ChM Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc

Jawatankuasa Rayuan Disiplin Pihak Pengurusan Atasan

Pengerusi: Naib Presiden, Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc

Jawatankuasa Wakalah Zakat

Pengerusi: Bendahari Kehormat, Academician Emeritus Profesor Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc

Jawatankuasa Perancangan Strategik ASM

Pengerusi: Setiausaha Agung, Profesor ChM Dr Noorsaadah Abd Rahman FASc

JAWATANKUASA & BADAN BERTINDAK

Jawatankuasa Air

Pengerusi: Profesor Dr Zulkifli Yusop FASc
Penasihat: Tan Sri Dato' Ir Syed Muhammad Shahabudin FASc

Jawatankuasa Tenaga

Pengerusi: Profesor Dato' Dr Kamaruzzaman Sopian FASc
Penasihat: Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc

Jawatankuasa Kesihatan

Pengerusi: Profesor Dr Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin FASc
Penasihat: Academician Profesor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc

Jawatankuasa Pertanian

Pengerusi: Profesor Dato' Dr Zulkifli Idrus FASc
Penasihat Bersama:
Academician Dato' Seri Dr Abdul Aziz S.A. Kadir FASc
Academician Emeritus Profesor Datin Paduka Setia Dato' Dr Aini Ideris FASc

• Badan Bertindak Baja

Pengerusi: Profesor Dr Shamsuddin Jusop PGeol FASc

• Badan Bertindak Kesihatan dan Pengeluaran Ternakan

Pengerusi: Dato' Dr Quaza Nizamuddin Bin Hassan Nizam

• Badan Bertindak Keselamatan dan Kualiti Makanan

Pengerusi: Dr Zamri Ishak

• Badan Bertindak Benih dan Bahan Penanaman

Pengerusi: Dr Chua Kim Aik

• Badan Bertindak Kebersihan Pertanian

Pengerusi: Profesor Dr Mohamad Hamiruce Marhaban

Jawatankuasa Biodiversiti
Pengerusi: Dr Helen Nair FASc

Penasihat Bersama:
Academician Emeritus Profesor Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc
Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor FASc

Jawatankuasa Ekonomi Biru
Pengerusi Bersama:

Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc
Ir Dr Suzana Yusup FASc
Penasihat: Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc

Jawatankuasa Pembangunan Bakat
Pengerusi Bersama:

Dr Mohamad Kamal Hj Harun FASc
Dr Nor Hadiani Ismail FASc
Penasihat: Academician Profesor Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff FASc

Jawatankuasa Pendigitalan

Pengerusi Bersama:
Dr Mohamed Awang Lah FASc
Emeritus Profesor Dr Tharek Abd Rahman FASc
Penasihat: Emeritus Profesor Dato' Seri Ir Dr Mashkuri Yaacob FASc

Jawatankuasa Alam Sekitar

Pengerusi: Profesor Emeritus Dato' ChM Dr Mazlin Mokhtar FASc
Penasihat: Academician Emeritus Profesor Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc

